PENGGUNAAN BAHAN TIGA DIMENSI (3D) UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM SUBJEK KAJIAN TEMPATAN BAGI MURID TAHUN 5 SMART

Oleh:

AIN ZAWANI BINTI MOHD ZAKI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan bagi menyelesaikan masalah penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. 15 orang responden telah dijadikan subjek kajian. Fokus kajian ini ialah kesan penggunaan bahan tiga dimensi (3D) model bentuk muka bumi dalam meningkatkan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan. Tinjauan awal mendapati responden mempunyai masalah untuk menjawab soalan-soalan beraras tinggi. Keputusan menunjukkan kaedah ini jelas berjaya membantu meningkatkan penguasaan KBAT subjek kajian. Cadangan kajian seterusnya pula ialah menggunakan kaedah intervensi ini terhadap mata pelajaran yang lain seperti Sejarah, menjalankan kajian terhadap murid Tahun 4, menggabungkan dengan teknik pembelajaran koperatif yang lain, mempelbagaikan jenis- jenis bahan 3D, dan menampilkan ciri- ciri tambahan pada model seperti replika rumah, bangunan, pokok- pokok, dan jalan raya pula.

Kata kunci: kemahiran berfikir, bahan 3D, model bentuk muka bumi

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sekolah yang lalu, pengkaji mendapati bahawa soalan- soalan yang berbentuk aras pengetahuan dan kefahaman lebih mudah dijawab oleh murid- murid berbanding soalan-soalan beraras tinggi beraras aplikasi, analisis, penilaian dan sintesis. Berdasarkan hasil analisis latihan murid, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa murid- murid kurang berkemahiran untuk menyelesaikan soalan yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Ia lebih jelas lagi apabila pengkaji mengajukan soalan beraras tinggi kepada responden dan mereka tidak dapat menjawab soalan tersebut dengan tepat dan betul. Tambahan lagi, pelaksanaan pengajaran yang melibatkan KBAT begitu kurang sekali dilaksanakan kepada murid- murid. Bagi kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang bersesuaian dengan kajian, iaitu teori konstruktivisme dan teori kognitif.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati terdapat masalah dalam penguasaan KBAT yang dihadapi oleh responden. Justeru, pengkaji memfokuskan kajian ini kepada meningkatkan penguasaan KBAT dalam kalangan responden dengan menggunakan model bentuk muka bumi. Isu keprihatinan yang mendorong ke arah penyelidikan ini adalah kerana pengkaji ingin membuat penambahbaikan terhadap proses PdP dengan menggunakan bahan tiga dimensi (3D) sebagai usaha untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan subjek kajian.

Kajian ini difokuskan kepada murid Tahun 5 Smart yang lemah dalam penguasaan KBAT sebagai subjek kajian. Penguasaan KBAT akan membantu subjek untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan atau persoalan kompleks yang diberikan. Ia melibatkan keupayaan berfikir dan perkembangan kognitif secara meluas dalam diri mereka.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi subjek kajian melalui pendekatan pembelajaran menggunakan bahan 3D sebagai bahan bantu mengajar bagi subjek Kajian Tempatan dalam kalangan murid- murid Tahun 5 Smart.

3.2 Objektif Khusus

- Subjek kajian dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi pada aras aplikasi, analisis, penilaian dan reka cipta melalui pendekatan pembelajaran menggunakan bahan 3D.

- Subjek kajian dapat meningkatkan keupayaan menjawab soalan- soalan beraras tinggi dalam ujian pasca pada aras aplikasi, analisis, penilaian dan reka cipta menggunakan pendekatan pembelajaran menggunakan bahan 3D.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 15 orang murid kelas Tahun 5 Smart sebagai subjek kajian iaitu tujuh orang lelaki dan lapan orang perempuan di Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Razak 1. Rasional pemilihan kumpulan ini sebagai subjek kajian adalah kerana mereka merupakan kumpulan yang dikatakan mempunyai prestasi akademik yang baik dan tinggi, namun sebenarnya masih kurang mahir dalam menyelesaikan masalah pada aras tinggi.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian, soal selidik dan analisis dokumen untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi. Manakala temu bual, pemerhatian, dan ujian pra dan pasca pula digunakan untuk menilai hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan pendekatan pembelajaran menggunakan bahan 3D iaitu model bentuk muka bumi bagi membantu meningkatkan penguasaan KBAT subjek kajian.

5.1 Cara mengumpulkan data/ maklumat

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa mengumpul data ialah pemerhatian, temu bual dan ujian pra dan pasca. Pengkaji memilih instrumen pengumpulan data ini adalah berasaskan kepada kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis tinjauan awal

Berdasarkan kepada analisis tinjauan awal, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah ujian sebagai salah satu cara pengumpulan data kajian. Bagi melaksanakan ujian ini, pengkaji telah menggunakan dua jenis ujian iaitu ujian pra dan ujian pasca yang diberikan kepada subjek kajian. Data bagi kedua- dua ujian ini dikumpulkan dengan menggunakan skala pemeringkatan.

5.3 Tindakan menangani masalah

Pada kitaran pertama, pengkaji telah merangka satu kaedah pengajaran untuk melancarkan proses PdP menggunakan model bentuk muka bumi. Pengkaji telah membina sebuah model bentuk muka bumi dan menunjukkannya sebagai contoh kepada subjek kajian. Seterusnya, subjek perlu membina model bentuk muka bumi mereka sendiri dengan menggunakan plastisin dan kadbod, serta dikehendaki mengenal pasti ciri- ciri dan kepentingan bentuk muka bumi tersebut. Setelah itu, hasil kerja dipersembahkan di hadapan dan subjek diajukan soalan semasa sesi soal jawab. Hasil yang kurang memuaskan pada kitaran 1 mendorong pengkaji melakukan penambahbaikan di kitaran 2 kajian.

Pada kitaran kedua, tindakan yang dilakukan ialah subjek dikehendaki menambahbaik model bentuk muka bumi mereka. Seterusnya, pengkaji menggabung jalinkan dengan teknik pembelajaran koperatif *Rally Table*. Hasil kerja melalui pembelajaran koperatif tersebut kemudiannya dibincangkan bersama dan diberi maklum balas.

5.4 Keputusan kajian

Keputusan ujian pra dan pasca dalam Rajah 1 menunjukkan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan berdasarkan kepada gred A, B, C dan D. Jumlah perbezaan subjek kajian yang telah mendapat gred A meningkat sebanyak 53% pada ujian pasca berbanding 13% pada ujian pra. Manakala gred B pula telah menurun kepada 27% dan gred C kepada 20%. Ia menunjukkan bahawa jumlah subjek kajian yang mendapat gred A telah meningkat dengan positif dalam membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan. Pengkaji telah menetapkan satu skor pemarkahan analitik yang digunakan untuk mengukur tahap pencapaian responden dalam ujian pra dan pasca.



Rajah 1. Perbandingan antara Ujian Pra dan Ujian Pasca

Pemerhatian

Peningkatan ini merupakan satu peningkatan yang positif bagi pengkaji kerana telah dapat membuktikan bahawa intervensi yang dijalankan oleh pengkaji kepada subjek kajian berjaya membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan KBAT subjek.



Rajah 2: Perbandingan antara pemerhatian semasa kitaran 1 dan kitaran 2 kajian.

Rajah 2 di atas menunjukkan perbezaan skala pada semasa intervensi. Skala pemerhatian ialah berdasarkan Skala Likert iaitu 1 sangat tidak baik, 2 tidak baik, 3 memuaskan, 4 baik dan 5 sangat baik. Skala 1,2 dan 3 menunjukkan penurunan pada kitaran 2 kajian manakala skala 4 dan 5 telah menunjukkan peningkatan yang ketara sekali pada kitaran 2 kajian berbanding pada kitaran 1. Peningkatan ini membuktikan keberkesanan intervensi yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Temu Bual

Pengkaji telah menjalankan temu bual berstruktur terhadap 5 responden. Sebanyak 5 soalan telah disediakan oleh pengkaji. Hasil data mentah daripada sesi temu bual ini telah dirakam oleh pengkaji dan kemudian dipindahkan ke dalam bentuk transkripsi. Pengkaji juga telah menerangkannya semula dalam

bentuk penulisan naratif mengikut tema yang dikenal pasti iaitu perasaan subjek, kesan pelaksanaan intervensi dan komen.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Pendekatan pembelajaran menggunakan bahan 3D model bentuk muka bumi berupaya meningkatkan KBAT subjek kajian dan meningkatkan keupayaan subjek kajian untuk menjawab soalan beraras tinggi dalam ujian pasca. Oleh itu, persoalan kajian pertama dan kedua dapat dijawab dengan menggunakan data yang diperolehi daripada instrumen pengumpulan data. Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya dilaksanakan dan mencapai objektifnya.

5.6 Refleksi

Objektif kajian yang ditetapkan iaitu meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi subjek kajian telah tercapai. Pengkaji amat berpuas hati dengan peningkatan positif yang ditunjukkan oleh subjek kajian yang kini telah berupaya menyelesaikan soalan- soalan beraras tinggi berbanding sebelumnya. Malah, subjek juga mampu memberikan idea- idea yang lebih matang dan inovatif berbanding semasa di kitaran pertama kajian. Namun, kelemahan yang didapati ialah kekangan masa. Masa pelaksanaan kajian yang amat terhad telah menyebabkan pengkaji agak tergesa- gesa untuk menjalankan intervensi terhadap subjek kajian kerana jadual masa pengkaji yang dipenuhi dengan waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kelas lain serta aktiviti di sekolah semasa menjalani praktikum dan *internship*.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pengkaji bercadang untuk kajian seterusnya dengan menggunakan kaedah intervensi ini terhadap mata pelajaran yang lain seperti Sejarah, menjalankan kajian terhadap murid Tahun 4, menggabungkan dengan teknik pembelajaran koperatif yang lain, mempelbagaikan jenis- jenis bahan 3D, dan menampilkan ciri- ciri tambahan pada model seperti replika rumah, bangunan, pokok- pokok, dan jalan raya pula.

RUJUKAN

Abdul Said Ambotang, Baharom Mohamad, Mohd Yusof Abdullah dan Mohamad Johdi Salleh dan Nelly Francis (2011). Keberkesanan Penggunaan Model Bentuk Muka Bumi Sungai Bagi Meningkatkan Prestasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 1. *National Seminar on History and Geography Education.* Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah.

Ayot, H. O. (1979). New approach in History Teaching in schools. Nairobi: Kenya Literature Bureau.
Leo Ann Mean. (1995). *Geography Education in Malaysia Schools Today*. Jurnal Masalah Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Jld.19.

Maszuria A. Ghani, Salina Omar, Marina Abdul Majid, Rosnah A. Rajak, (2014). *Guru dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur. Freemind Horizons. Sdn. Bhd.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGKLASIFIKASIKAN KEDUDUKAN NEGERI-NEGERI PADA PETA SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH WARNA DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 DELIMA

Oleh :

AZLEEY BIN AHMAD
Jabatan Pengajian Sosial

Abstrak

Penyelidikan tindakan ini dijalankan ialah untuk menilai keberkesanan penggunaan kaedah warna dalam menyelesaikan masalah murid dalam mengkasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia. Kajian ini telah dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Seri Tasik di Kuala Lumpur. Responden kajian ini terdiri daripada lima orang murid daripada kelas 5 Delima yang mempunyai masalah dalam mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan Ujian pra dan pasca, temu bual dan pemerhatian. Hasil analisis data menunjukkan kesemua subjek kajian telah menunjukkan peningkatan markah dalam ujian pasca dan berjaya mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia. Keputusan Kajian membuktikan bahawa penggunaan kaedah warna sangat berkesan dalam mengatasi masalah mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia dan memupuk rasa minat terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan.

Kata kunci : Kaedah Warna

1.0 Pendahuluan

Semasa menjalankan latihan praktikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur, pengkaji mendapati terdapat beberapa orang murid yang gagal dalam mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia. Kegagalan mereka telah menyebabkan pengkaji membuat kajian tindakan ini dan menggunakan teknik yang dipilih dalam mengatasi masalah ini.

2.0 Fokus Kajian

Subjek Kajian Tempatan ini telah diperkenalkan di peringkat sekolah rendah pada tahun 1994 dan akan dihapuskan secara berperingkat mulai tahun 2014. Sepanjang 20 tahun pengenalan subjek ini, ia telah berjaya mencapai objektifnya dan dianggap medium yang digunakan oleh guru bagi menghasilkan generasi muda yang bersemangat merdeka dan memiliki nilai patriotisme yang utuh. Oleh itu, pengkaji telah membuat kajian tindakan dalam mengatasi masalah murid dalam mengenali peta Semenanjung Malaysia.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif umum

Meningkatkan kemahiran mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan teknik warna dalam kalangan murid tahun 5 Delima.

3.2 Objektif Khusus

Terdapat beberapa Objektif khusus yang perlu dicapai. Antaranya ialah :

- Meningkatkan kemahiran murid tahun 5 Delima dalam mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan teknik warna.

- Meningkatkan markah ujian murid tahun 5 Delima dalam ujian pasca berbanding ujian pra selepas menggunakan menggunakan teknik warna.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran yang telah dipilih ialah lima orang murid daripada kelas 5 Delima. Kelas berkenaan merupakan kelas pengkaji bagi subjek kajian tempatan dan bahasa inggeris sewaktu menjalankan praktikum selama tiga bulan. Murid-murid kelas 5 Delima terdiri daripada 31 orang murid dimana 16 daripada jumlah berkenaan merupakan murid perempuan dan selebihnya ialah murid lelaki. Selain itu, kesemua murid kelas berkenaan berbangsa melayu dan beragama islam. Lima orang murid telah dipilih sebagai kumpulan sasaran adalah kerana kegagalan mereka untuk mengenali lokasi negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia. Oleh itu, pengkaji telah memilih murid-murid ini sebagai kumpulan sasaran bagi kajian yang dijalankan.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti temu bual, pemerhatian, dan ujian bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah warna untuk meningkatkan kemahiran mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia.

5.1 Cara mengumpulkan data/ maklumat

Terdapat tiga instrumen pengumpulan data yang digunakan pengkaji dalam mengumpul data kajian iaitu ujian, pemerhatian dan analisis dokumen. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah meneliti pelbagai aspek dan bersetuju untuk menggunakan dua cara pengumpulan data bagi proses tinjauan awal kajian tindakan ini. Antara cara yang digunakan ialah borang soal selidik dan pemerhatian.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa kitaran 1, pengkaji telah memperkenalkan kaedah warna kepada subjek kajian melalui aktiviti berkumpulan di mana mereka perlu mewarnakan negeri pada peta dengan empat warna yang disediakan mengikut arah mata angin. Walaubagaimanapun, intervensi yang dijalankan kurang memberikan kesan yang positif dan diteruskan lagi dengan kitaran 2. Kitaran 2 pengkaji telah menggunakan kaedah warna juga namun ditambahbaikan dengan memperkenalkan penggunaan warna yang lebih banyak dan tidak tertumpu kepada empat warna sahaja. Ia telah membantu subjek kajian dalam meningkatkan kemahiran mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia.

5.4 Keputusan Ujian



Rajah 1 : Perbezaan markah pencapaian subjek dalam ujian pra dan ujian pasca

Rajah 1 di atas menunjukkan keputusan pencapaian subjek kajian yang terdiri daripada Subjek A, Subjek B, Subjek C, Subjek D dan Subjek E dalam ujian pra dan ujian pasca. Berdasarkan jadual di atas, kesemua subjek kajian telah gagal dalam ujian pra. Markah gagal yang telah ditetapkan pengkaji bagi ujian ini ialah 39% ke bawah. Walaubagaimanapun, hasil keputusan ujian pasca telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian markah subjek kajian dimana kesemua subjek kajian telah lulus dalam ujian tersebut. Ini dibuktikan dengan subjek A yang telah menunjukkan peningkatan sebanyak 37%. Selain itu, peningkatan pencapaian sebanyak 62% telah dicatatkan oleh Subjek B manakala Subjek C adalah sebanyak 46%. Selain itu. Subjek D telah berjaya meningkatkan pencapaian sebanyak 51% manakala Subjek E meningkat sebanyak 70 %. Peningkatan yang berlaku adalah berkemungkinan disebabkan oleh keberkesanan intervensi dua yang dijalankan oleh pengkaji dalam meningkatkan kemahiran mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia.

Pemerhatian



Rajah 2 : Perbandingan pencapaian subjek dalam kitaran 2 dan kitaran 2

Berdasarkan graf 7.2 diatas, pengkaji telah mendapati terdapat tiga orang subjek atau 60% yang menunjukkan ekspresi wajah yang ceria sepanjang intervensi satu dijalankan manakala selebihnya iaitu seramai dua orang subjek atau 40% tidak berbuat begitu. Aspek ini ingin dilihat oleh pengkaji adalah bertujuan untuk meninjau emosi subjek kajian sepanjang tempoh intervensi dijalankan. Walaubagaimanapun, sewaktu intervensi dua dijalankan, peratusan subjek yang menunjukkan ekspresi

wajah yang ceria telah meningkat kepada empat orang subjek atau 80%. Peratusan peningkatan yang ditunjukkan dalam aspek ini adalah sebanyak 20%. Seterusnya, sewaktu intervensi satu dijalankan, terdapat dua orang subjek atau 40% yang mampu menentukan arah mata angin dengan betul dan jumlah ini berlaku peningkatan sebanyak 60% pada intervensi dua. Jumlah subjek kajian yang berjaya menentukan arah mata angin dengan betul pada intervensi dua ialah seramai lima orang subjek atau 100%. Ia jelas menunjukkan keberkesanan kitaran dua yang dijalankan apabila kesemua subjek kajian berjaya menentukan arah mata angin dengan betul.

Selain itu, pada intervensi satu, terdapat dua orang subjek kajian atau sebanyak 40% yang berjaya mewarna negeri mengikut arah mata angin dengan betul manakala jumlah ini meningkat kepada 100% pada intervensi dua dimana kesemua subjek kajian telah berjaya mewarnakan negeri mengikut arah mata angin dengan betul.

Julat perbezaan yang wujud antara kedua-dua intervensi ini ialah sebanyak 60%. Aspek subjek dapat membezakan negeri-negeri mengikut warna telah merekodkan peningkatan yang paling tinggi. Sewaktu intervensi satu, hanya seorang subjek atau 20% yang dapat membezakan negeri-negeri mengikut warna dan jumlah ini meningkat kepada 100% atau kesemua subjek telah berjaya dalam aspek ini. Peningkatan yang ditunjukkan adalah sebanyak 80%.

Seterusnya, terdapat dua orang subjek kajian atau 40% yang berjaya menjawab soalan yang dikemukakan oleh pengkaji dengan betul sewaktu intervensi satu dan jumlah ini meningkat kepada lima orang subjek atau 100%. Perbezaan julat peratusan yang wujud antara kedua-dua intervensi dalam aspek ini adalah sebanyak 60%. Kesemua aspek yang ingin diperhatikan oleh pengkaji telah mencatatkan peningkatan yang baik sewaktu intervensi dua. Ini jelas membuktikan bahawa kaedah warna atau intervensi yang digunakan oleh pengkaji mampu meningkatkan kemahiran subjek kajian dalam mengklasifikasikan kedudukan negeri-negeri pada peta Semenanjung Malaysia.

Temu bual

Temubual merupakan cara pengkaji mendapatkan dan mengumpul data kajian. Cara menganalisis data hasil daripada kaedah temubual ialah secara mengkategorikan data-data yang diperolehi mengikut tema yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji telah mengelaskan data-data temubual kepada beberapa bahagian. Seterusnya, pengkaji menganalisis data tersebut menggunakan tema yang telah ditetapkan. Transkrip temubual telah pengkaji gunakan bagi memperkukuhkan lagi hasil dapatan yang telah diperolehi serta pengolahan data adalah berdasarkan transkrip yang telah disediakan. Tiga jenis soalan yang berlainan tujuan telah digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data yang diingini.

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan kajian dibuat dengan menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan ujian dan instrumen-instrumen lain. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 3 September 2014 dan melibatkan intervensi selama tiga minggu.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari pelbagai bahan dan sumber rujukan di perpustakaan negara dan serta di perpustakaan institut bagi mendapatkan maklumat yang disaran oleh pensyarah kepada pengkaji. Hasilnya, pengkaji telah pengkaji telah mendapat pelbagai bahan dan maklumat yang berguna sebagai rujukan semasa menjalankan kajian dan menyiapkan laporan. Pengkaji telah belajar ilmu baru yang berguna kepada pengkaji dalam mengejar impian menjadi guru pada masa hadapan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pada masa hadapan, pengkaji akan menggunakan jumlah kumpulan sasaran yang lebih ramai berbanding kajian ini dan menggunakan teknik yang lain dalam mengatasi masalah yang dihadapi. Selain itu, kaedah warna mungkin digunakan dalam menyelesaikan yang timbul dalam mata pelajaran lain.

RUJUKAN

Abd Rahim Rashid. (2004). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur. Utusan Publication Sdn Bhd.

Azizah Halim. (2008). *Malaysia Negaraku*. Selangor. Penerbitan Kunci Emas.

Creswell, J.W. (2009). *Research Design*: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches (3rd Ed.). California: Sage

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 5 MELATI DALAM MATAPELAJARAN KAJIAN TEMPATAN MENGGUNAKAN STRATEGI PEMBELAJARAN SECARA KOPERATIF MENGGUNAKAN TEKNIK JIGSAW

Oleh:

DIVAKARAN A/L MURUGESAN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Melati dalam matapelajaran Kajian Tempatan menggunakan strategi pembelajaran secara koperatif dengan menggunakan teknik jigsaw. Masalah yang dihadapi oleh murid itu adalah mereka sukar untuk memahami topik dalam Kajian Tempatan yang mengandungi maklumat dan istilah yang banyak di mana terdapat tidak dapat mengenal pasti konsep dan perbezaan antara hutan yang wujud di Malaysia. Semua murid-murid di dalam kelas itu telah terlibat dalam kajian ini . Kajian awal dilakukan melalui ujian pra yang mendapati kebanyakan murid iaitu 63.8 % orang memperoleh gred yang rendah iaitu Gred C. Intervensi pertama telah dirancang dan dijalankan dan selepas itu murid-murid telah diedarkan ujian pencapaian untuk dijawab. Pencapaian murid masih rendah dan tidak mencapai tahap yang diharapkan oleh pengkaji. Intervensi kedua telah dirancang dan dilaksanakan dengan kaedah pengajaran yang berbeza dengan intervensi yang pertama. Ujian kemajuan dan ujian pasca telah diedarkan kepada murid untuk dijawab di mana kebanyakan murid iaitu 80.6 % orang mendapat gred A dan selebihnya mendapat gred B. Ini telah membuktikan bahawa teknik jigsaw dalam kaedah koperatif telah dapat meningkatkan pencapaian murid. Keseluruhan intervensi yang telah dijalankan telah dirakam dengan menggunakan kamera. Bagi cadangan kajian akan datang, pengkaji boleh menukar teknik jigsaw kepada teknik-teknik yang lain seperti ' Round Robbin dan memperluas penggunaan kaedah ini kepada murid-murid yang terdiri daripada tahap kognitif yang berbeza.

Kata Kunci: Strategi pembelajaran koperatif menggunakan teknik jigsaw

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum fasa tiga di salah sebuah sekolah di kawasan Petaling Jaya, pengkaji mendapati kebanyakan murid mengahdapi masalah untuk memahami topik Kajian Tempatan yang mengandungi maklumat dan istilah yang agak banyak. Semasa pengkaji mengajar topik Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar, pengkaji mendapati murid-murid tidak dapat mengenal pasti konsep dan perbezaan di antara hutan-hutan yang terdapat di Malaysia. Masalah ini timbul akibat terlalu banyak konsep dan istilah yang perlu difahami dan diingati oleh murid-murid di dalam topik tersebut.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian pengkaji adalah untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Melati dengan menggunakan strategi pembelajaran secara koperatif menggunakan teknik jigsaw dalam mengajar topik Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan menggunakan teknik jigsaw bagi meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Melati dalam topik Tumbuh-tumbuhan Semula jadi dan Hidupan liar subjek Kajian Tempatan.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Melati dengan menggunakan strategi pembelajaran secara koperatif menggunakan teknik jigsaw dalam mengajar topik Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar subjek Kajian Tempatan.

- Meningkatkan pencapaian ujian murid hasil daripada pembelajaran koperatif semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran terdiri daripada 36 orang murid Tahun 5 Melati yang terdiri daripada 17 orang murid lelaki dan 19 orang murid perempuan. Kelas tersebut merupakan kelas kedua dalam tahun lima di mana kognitif mereka adalah tinggi. Rasional kelas ini dipilih adalah kerana mereka mereka berkebolehan dalam mempamerkan sikap berkerjasama semasa pembelajaran secara koperatif dijalankan dengan bimbingan dan kawalan minimum daripada guru.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah merancang satu pengajarn menggunakan strategi pembelajaran secara koperatif menggunakan teknik jigsaw dalam menhajar topik Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar. Pengkaji menggunakan Model Tephen Kemmis sebagai pelakasanaan tindakan. Model ini mempunyai empat peringkat iaitu perancangan diikuti dengan tindakan, pemerhatian, dan refleksi. Model ini boleh digunakan untuk dua atau lebih lingkaran sehingga masalah dapat diselesaikan.

5.1 Cara Mengumpul Data / Maklumat

Pengkaji telah menggunakan beberapa cara untuk mengumpul dan menganalisis data atau maklumat. Cara-cara tersebut adalah melalui instrumen ujian yang terdiri daripada dua jenis ujian iaitu ujian pra dan ujian pasca, kaedah temu bual dan kaedah soal selidik.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji telah melakukan tinjauan awal dengan mengadakan ujian pra. Pengkaji telah mengedarkan kertas ujian pra kepada murid-murid Tahun 5 Melati dan berdasarkan keputusan ujian pra yang telah dijalankan, kebanyakan murid tidak faham akan konsep dan pengajaran tentang topik Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar. Murid-murid mendapat markah rendah dan tidak memuaskan di mana ia tidak sepatutnya berlaku jika dibandingkan dengan tahap kognitif mereka iaitu dalam kelas kedua terbaik bagi tahun lima.

5.3 Tindakan Mengatasi Masalah

Pengkaji telah menjalankan dua kitaran dalam sepanjang kajian ini. Kitaran 2 telah dijalankan kerana pencapaian murid masih tidaka mencapai tahap yang diinginkan oleh pengkaji dalam kitaran 1. Cara pengajaran yang berbeza telah digunakan dalam mengajar dalam kitaran 1 dan kitaran 2.

Jadual 1
Pelaksanaan Intervensi Kitaran 1 dan Kitaran 2

Kitaran 1	Kitaran 2
Setiap kumpulan mahir dalam satu sub topik	Setiap kumpulan mahir dalam setiap sub topik
Posisi kumpulan dalam bentuk bulatan	Posisi kumpulan dalam bentuk - U
Penggunaan kertas A3	Penggunaan kertas mahjong

5.4 Keputusan Kajian
Ujian Pra dan Ujian Pasca

Jadual 2:
Skema Pemarkahan Ujian

Gred	Bilangan murid	Peratus(%)
A (80 – 100)		
B (60 – 79)		
C (40 – 59)		
D (20 – 39)		
E (19 - 0)		
Jumlah	36	100



Rajah 1. Graf Perbandingan Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

Rajah 1 menunjukkan perbezaan markah untuk ujian pra dan juga ujian pasca. Jumlah markah untuk ujian pra ialah 1896 iaitu markah purata bagi setiap murid ialah 52.7%. Jumlah markah bagi ujian pos pula ialah 3188 iaitu purata markah ialah 88.6% bagi setiap murid. Jumlah markah menunjukkan peningkatan yang besar iaitu sebanyak 2020 markah manakala peningkatan markah purata ialah sebanyak 35.9%. Berdasarkan rajah tersebut, dapat dilihat bahawa kesemua murid telah menunjukkan peningkatan dalam ujian pasca berbanding ujian pra.

Soal Selidik

Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik untuk menjawab persoalan kajian yang pertama.Soal selidik ini mengandungi 10 item yang bertujuan untuk melihat persepsi murid terhadap pembelajaran secara koperatif. Setiap item akan diberi empat pilihan respon iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Setuju (3) dan Sangat Setuju (4). Melaui soal selidik yang telah dijalankan, pengkaji telah mendapati bahawa semua murid bersetuju bahawa strategi poembelajaran koperatif menggunakan teknik jigsaw telah membantu mereka dalam mehami topik Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar dan mereka dapat berkongsi ilmu dan maklumat melalui belajar secara berkumpulan.

Temubual

Pengkaji telah menjalankan temu bual berstruktur selepas intervensi kitaran 2. Sebanyak tiga soalan telah ditanya kepada 3 orang murid yang berkaitan tentang keberkesanan kaedah ini terhadap mereka. Pengkaji telah membuat generalisasi bahawa murid-murid menunjukkan respon yang positif terhadap strategi poembelajaran koperatif menggunakan teknik jigsaw. Murid bersetuju bahawa kaedah ini membantu mereka dalam mehami topik Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar dengan mudah dan mereka lebih selesa dengan kaedah pembelajaran ini.

5.5 Rumusan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan persoalan kajian terjawab dan objektif kajian tercapai. Strategi pembelajaran secara koperatif menggunakan teknik jigsaw telah dapat berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar. Melalui beberapa instrumen pengumpulan data yang telah digunakan, sudah ternyata bahawa murid lebih selesa dan kondusif dalam menggunakan pembelajaran koperatif menggunakan teknik jigsaw untuk belajar. Mereka dapat memahami topik yang sedang dipelajari melalui teknik yang telah digunakan dan seterusnya mereka telah dapat menjawab ujian yang telah diedarkan.

Melalui temu bual yang telah dijalankan, murid telah menyatakan bahawa mereka lebih senang memahami tajuk Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar apabila dapat berbincang dan berkongsi pengetahuan dengan kawan yang yang berlainan kognitif. Hasil analisis soal selidik juga telah mendapati bahawa kebanyakan murid iaitu 80.6% menyatakan bahawa mereka boleh bekerjasama dengan rakan-rakan lain sebagai satu kumpulan dalam menyiapkan tugasan yang telah diberi yang seterusnya membolehkan mereka memahami topik yang sedang dipelajari dengan mudah dan senang. Peratusan pencapaian murid telah meningkat dan mencapai mengikut tahap yang diiginkan. Murid telah dapat menjawab ujian yang telah diedarkan dengan berjaya dan telah dapat dibuktikan bahawa terdapat peningkatan yang mendadak selepas ujian pasca iaitu seramai 80.6% murid telah mendapat gred A manakala yang selebihnya iaitu 19.4% telah mendapat gred B.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah menilai beberapa kelebihan dan kelemahan. Antara kelebihan daripada kajian tindakan ini adalah, strategi pembelajaran koperatif menggunakan teknik jigsaw telah dapat menarik perhatian dan minat murid untuk belajar. Murid telah dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya dan mereka telah melibatkan diri dengan aktif dalam membuat kerja berkumpulan. Melalui teknik jigsaw yang telah digunakan, setiap murid mempunyai peranan yang masing-masing semasa aktiviti berkumpulan. Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran juga berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah seperti murid bising atau tidak menumpukan perhatian dan murid berjaya menjawab ujian yang telah diedarkan.

Berbalik kepada aspek kelemahan pula, terdapat beberapa isu yang telah dikenal pasti oleh pengkaji. Salah satu daripadanya ialah apabila intervensi yang pertama dijalankan, pengkaji telah mengedarkan bahan seperti kertas A3 yang tidak sesuai untuk kerja kumpulan. Hal ini kerana, kertas A3 yang saiznya kecil menyebabkan tulisan murid kecil dan sukar untuk dilihat murid yang lain semasa pembentangan dijalankan. Selain itu, tulisan yang kecil menyebabkan ramai murid tidak menumpukan

perhatian dan mereka berindak bising dan berbual dengan kawan di sebelah semasa pembentangan. Selain itu, murid yang dipecahkan dan diberikan satu sub topik bagi setiap kumpulan telah menimbulkan juga masalah kerana mereka hanya dapat memahami dan menguasai tajuk sub topik yang telah diberikan bagi kumpulan yang tersendiri.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Untuk kajian pada masa hadapan, pengkaji mencadangkan agar kajian ini dilakukan kepada murid-murid di sekolah kawasan luar bandar untuk melihat sekiranya terdapat sebarang perbezaan terhadap dapatan data berbanding murid di sekolah luar bandar dan di sekolah bandar. Kajian seterusnya boleh dilaksanakan terhadap responden tahun empat atau tahun enam. Murid tahap satu iaitu tahun satu hingga tahun tiga masih tidak sesuai untuk diaplikasikan strategi pembelajaran secara koperatif kerana mereka masih tidak boleh berdikari dan bekerjasama di dalam kumpulan.

Kajian seterusnya juga boleh dilakukan dengan menggunakan teknik pembelajaran koperatif lain selain teknik jigsaw iaitu seperti Numbered Heads Together, Round Robin dan sebagainya untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan bervariasi. Pembelajaran secara koperatif juga boleh diaplikasikan untuk mengajar topik-topik lain selain topik Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar. Pengkaji juga mencadangkan agar pembelajaran secara koperatif ini diaplikasikan kepada murid-murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang lebih rendah untuk melihat sejauh mana ia akan mampu meningkatkan pencapaian murid. Pengkaji memilih murid dari kelas berpencapaian tinggi untuk kajiannya kerana risau tidak dapat mengawal disiplin murid sewaktu sesi koperatif sekiranya pengkaji memilih murid lemah yang lazimnya agak nakal. Di samping itu, kaedah pengajaran ini juga dapat diaplikasikan kepada mata pelajaran yang lain seperti Sejarah dan Reka Bentuk dan Teknologi. Melalui ini, segala mata pelajaran yang mempunyai istilah dan fakta yang sukar untuk difahami akan dapat dipermudahkan urusannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Cadangan yang terakhir ialah menggunakan kaedah pengumpulan data yang lain yang belum digunakan seperti pemerhatian dan sebagainya. Kaedah pengumpulan data yang pelbagai akan meningkatkan lagi kesahan kajian.

RUJUKAN

Abdul Kadir, S. (2006). Perbandingan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Prestasi, Atribusi Pencapaian, Konsep Kendiri Akademik dan Hubungan Sosial dalam Pendidikan Perakaunan. Universiti Putra Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.

Ab. Samad, R. S. dan Jamaluddin, S. (2005). Peranan Kepimpinan Guru Dalam Mempengaruhi Iklim Bilik Darjah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Carson, L. (2009). Cooperative learning in the home economics classroom. Journal of Home Economics, 82(4), 37-41.

Chamber, S. B dan Abrami, P. C.(1991). The Relationship Between Student Team Learning Outcomes and Achievement Casual Attributions and Affest. Journal Of Educational Psychology. 81, 140-146.

Ettikan, K (2008). Pembelajaran Koperatif Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik. Universiti Tun Hussien Onn: Thesis PSM.

Mohd Megat, N., Zainuddin, M., Abu Hasan, N. dan Syed Yahya Kamal, S. A (2006). Kajian Kes Penggunaan Pembelajaran Koperatif dan Kemahiran Generik Dalam Pencapaian Mata Pelajaran Logik Digital. Jurnal Penyelidikan.

Siti Hajar Abd Hamid (2007). “Pembelajaran Koperatif Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Yang Mengambil Subjek Telekomunikasi Dan Rangkaian, Fakulti Pendidikan, UTM Skudai Johor”. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

MENINGKATKAN PROSES MENGINGAT BENUA-BENUA DI DUNIA DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH TAHUN EMPAT BERLIAN MENGGUNAKAN KAEDAH PETA MINDA

Oleh:

HAZIM BIN SUHAIMI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat adakah penggunaan peta minda mampu untuk meningkatkan proses mengingat murid-murid terhadap benua-benua yang ada di dalam dunia ini. Seramai empat orang responden di sebuah sekolah di Seri Kembangan, Selangor telah dipilih dalam kajian ini. Fokus kajiannya ialah untuk mengetahui sama ada penggunaan teknik peta minda ini mampu untuk meningkatkan proses mengingat murid terhadap keseluruhan nama-nama benua di seluruh dunia ini ataupun tidak. Tinjauan awal mendapati responden mempunyai masalah untuk mengingat dan mengenalpasti benua-benua yang terdapat di dalam dunia ini. Keputusan menunjukkan responden mampu untuk mengenalpasti dan mengingat nama-nama benua dengan baik setelah intervensi dilakukan. Cadangan kajian seterusnya adalah memanjangkan lagi tempoh penyelidikan.

Kata kunci: Peta minda, proses mengingat benua

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di Selangor pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati bahawa murid-murid tahun 4 mempunyai masalah untuk mengingat dan mengenalpasti nama-nama benua yang ada di dalam dunia ini. Ini dapat dilihat apabila murid-murid tahun memberikan jawapan yang tidak tepat apabila memberikan jawapan yang dikemukakan oleh pengkaji terhadap nama-nama benua. Pengkaji bertanggapan perkara ini perlu untuk diperbetulkan supaya murid-murid tahun 4 mampu untuk mengenal benua dengan secepat yang mungkin.

Terdapat pelbagai kaedah sebagai alat bantu dalam mencari penyelesaian kepada masalah ini serta teori yang boleh diguna pakai guru dalam membantu untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran selain meningkatkan keberkesanan terhadap pencapaian murid. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu teori konstruktivisme dan kognitif.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berfokuskan kepada meningkatkan tahap proses mengingat benua-benua di dunia dalam Mata Pelajaran Sejarah Tahun Empat Berlian Menggunakan Kaedah Peta Minda di mana guru membimbing murid dengan cara memberikan idea tentang cara mengembangkan idea dari satu maklumat secara ringkas dan padat. Justeru itu, saya menjalankan intervensi dengan menggunakan kaedah peta minda bagi mengatasi isu yang timbul dalam kajian ini. Kaedah 'peta minda' ini merupakan kaedah yang amat menarik kerana mempunyai unsur grafik, gambar rajah dan carta alir bagi membantu murid untuk menghubungkaitkan antara maklumat-maklumat yang berkaitan.

Peta minda juga adalah salah satu instrument yang baik untuk membantu dalam kemahiran berfikir dan di dalam proses pembelajaran. Kaedah yang berkesan dan berguna dalam membuat nota dan penjanaan idea (brain-storming). Peta minda juga adalah suatu pendekatan yang terbaik dalam membentuk strategi pembelajaran yang berkesan kerana ianya mampu untuk merangsang fungsi otak dan memudahkan proses pemahaman untuk berlaku.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Objektif umum bagi kajian ini ialah meningkatkan proses mengingat benua-benua di dunia ini dalam mata pelajaran Sejarah murid tahun 4 Berlian menggunakan kaedah ‘peta minda’.

3.2 Objektif Khusus

- Murid dapat menamakan kesemua benua-benua secara jelas di dalam topik mata pelajaran secara lisan menggunakan kaedah ‘peta minda’.

- Murid dapat membezakan benua-benua di dalam duni dengan betul berdasarkan topik pelajaran menggunakan kaedah ‘peta minda’.

4.0 Kumpulan Sasaran

Kajian ini melibatkan seramai 4 orang subjek kajian yang terdiri dari murid-murid tahun 4 Berlian di sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di negeri Selangor Darul Ehsan. Dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan dan kesemua daripada mereka berbangsa melayu untuk dijadikan sebagai subjek kajian.

5.0 Pelaksanaan Tindakan

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian yang terdiri dari ujian pra dan ujian pos, soal selidik dan pemerhatian untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapai dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah peta minda untuk meningkatkan proses mengingat Benua-Benua di dunia dalam Mata Pelajaran Sejarah murid tahun empat.

5.1 Cara mengumpulkan data/ maklumat

Terdapat tiga instrument yang digunakan oleh pihak pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal iaitu ujian diagnostik, soal selidik dan juga pemerhatian. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menggunakan kaedah ujian sebagai salah satu cara pengumpulan data. Pada kitaran pertama dan kedua iaitu semasa melaksanakan intervensi, pengkaji telah melakukan ujian pra dan ujian pos. Data bagi kedua-dua ujian ini akan dikumpulkan dan akan dianalisis menggunakan gred peratusan markah.

5.3 Tindakan menangani masalah

Pada peringkat kitaran yang pertama, pengkaji telah merangka satu kaedah pengajaran sebagai salah satu medium untuk melancarkan proses pengajaran mata pelajaran Sejarah dengan menggunakan teknik peta minda. Pada peringkat ini, pengkaji telah menggunakan teknik ini dengan hanya membuat paparan persembahan multimedia power point ke atas murid-murid tahun 4.

Namun didapati masih terdapat beberapa kelemahan di mana subjek kajian masih belum mampu untuk mengingati nama-nama benua yang ada di dalam dunia ini. Ketika melakukan intervensi pada peringkat kedua, pengkaji telah merancang untuk melakukan beberapa penambahbaikan seperti pengkaji telah merancang agar subjek kajian sendiri membina peta minda tetapi pengkaji akan membantu subjek kajian.

5.4 Keputusan kajian



Rajah 1: Graf perbandingan keputusan Markah Ujian Pra dan Ujian Pos

Keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam Rajah 1 menunjukkan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan. Jumlah perbezaan peratusan antara ujian pra dan ujian pos adalah penambahan sebanyak melebihi 20%. Ujian pos peningkatan 29% bagi subjek kajian A, 22% bagi Subjek Kajian B dan C dan 28% bagi subjek kajian D mencatatkan peningkatan bagi Subjek Kajian. Perbezaan yang ketara ini amat positif dalam membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan.

Pengkaji telah menyediakan satu borang penandaan yang digunakan bagi mengukur tahap pencapaian subjek kajian bagi ujian pra dan ujian pos yang dijalankan terhadap mereka. Aspek yang diutamakan oleh pengkaji dalam ujian pra dan ujian pos ini ialah dari segi tahap untuk mengingat benua-benua di dalam benua ini menggunakan teknik peta minda.

Soal Selidik

Peningkatan ini merupakan satu peningkatan yang positif bagi pengkaji kerana telah dapat membuktikan bahawa segala intervensi yang diberikan oleh pengkaji kepada subjek kajian berjaya membantu dalam meningkatkan proses mengingat nama-nama benua yang terdapat di dalam dunia ini.

Jadual 1
Kekerapan maklum balas murid terhadap penggunaan peta minda terhadap ingatan mereka.

Bil	Item	Ya	Tidak
1.	Anda boleh menamakan kesemua tujuh benua?	(4)	-
2.	Anda mudah mengingat sekiranya belajar menggunakan teknik peta minda?	(4)	-
3.	Anda akan hilang bosan sekiranya belajar menggunakan teknik peta minda?	(4)	-
4.	Adakah pembelajaran menggunakan peta minda lebih menarik sekiranya dilakukan di dalam kumpulan?	(3)	(1)
5.	Adakah anda merasakan subjek sejarah manarik?	(4)	(0)

Jadual 1 di atas menunjukkan maklum balas murid terhadap penggunaan peta minda membantu mereka untuk meningkatkan proses mengingat nama-nama benua di dunia ini. Peningkatan ini menunjukkan keberkesanan intervensi yang dijalankan oleh pengkaji terhadap subjek kajian.

Pemerhatian

Pemerhatian telah dilaksanakan dengan menggunakan senarai semak semasa kitaran pertama dan kedua dilaksanakan. Rata-rata daripada subjek kajian memberikan respons yang positif. Ini dapat dilihat

apabila subjek kajian memberikan kerjasama ketika melakukan aktiviti di dalam kumpulan, berasa seronok ketika aktiviti pnp melalui kaedah peta minda dilaksanakan dan juga memberikan respons yang baik ketika sesi pnp dijalankan bersama pengkaji.

5.5 Rumusan Kajian

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati penggunaan peta minda di dalam proses pnp telah dapat membantu murid mempertingkatkan lagi kemahiran mengingat dan mengalpasti benua-benua yang terdapat di benua. Peta minda ini diaplikasikan di dalam proses pnp Sejarah agar dapat membantu murid untuk mengingat. Hal ini dapat menjawab soalan pertama yang ditimbulkan.

Bagi menjawab persoalan ini, ia dijelaskan daripada data yang diperoleh. Berdasarkan ujian pra dan ujian pos yang dilaksanakan telah menunjukkan peningkatan kemahiran untuk mengingat oleh subjek kajian pada akhir kitaran kedua. Semua subjek kajian berjaya untuk meningkatkan lagi skor mereka ke gred A kecuali murid D. Mengikut seorang penulis Dilip Mukerjea (1996) dalam bukunya bertajuk "Superbrain", melalui pemetaan minda seseorang itu dapat… *"learn MORE, remember MORE, use LESS paper, invest LESS effort…"* yang membawa maksud penggunaan peta minda dapat memperolehi ilmu pengetahuan yang lebih banyak, mempertingkatkan daya ingatan tanpa merugikan terlalu banyak kertas serta tenaga.

5.6 Refleksi

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati penggunaan peta minda di dalam proses pnp telah dapat membantu murid mempertingkatkan lagi kemahiran mengingat dan mengalpasti benua-benua yang terdapat di benua. Dapatan ini juga selaras dengan pandangan Abdul Rahim (2000) tentang penggunaan peta minda yang dilihat dapat memudahkan pemikiran pelajar, membantu mengukuhkan daya ingatan, dan pelajar dapat mengingati fakta-fakta penting yang kemudiannya boleh dihuraikan dengan baik.

6.0 Cadangan Kajian Seterusnya

Bagi cadangan kajian yang seterusnya, pengkaji mencadangkan agar memperluaskan lagi kaedah dengan menggunakan instrument temubual dengan guru-gutu yang mengajat mata pelajaran Sejarah untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan penggunan peta minda bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Selain daripada itu, kaedah pengajaran peta minda juga boleh diaplikasikan dengan menggunakan persembahan multimedia interaktif melalui pelbagai perisian komputer. Persembahan multimedia interaktif mampu untuk menghasilkan peta minda yang lebih kreatif sekaligus menarik minat murid untuk belajar. Dengan ini dengan secara tidak langsung juga mampu meningkatkan lagi kemahiran ict dalam kalangan murid selari dengan arus perkembangan pada masa kini.

RUJUKAN

Dilip Mukerjea. (1996). *Superbrain – train your brain and unleash the genius within*. Oxford university Press, Singapore.

Abd. Rahim Abd. Rashid (2000). *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd: Kuala Lumpur

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 6 MARIKH DALAM MENEYENARAIKAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEGIATAN PERTANIAN DALAM KAJIAN TEMPATAN MENGGUNAKAN KAEDAH MNEMONIK AKROSTIK

Oleh:

KHAIRULNAIMAH BINTI YAHYA
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini untuk meningkatkan pencapaian murid tahun 6 Marikh menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dalam mata pelajaran Kajian Tempatan menggunakan kaedah mnemonik akrostik. Subjek kajian terdiri daripada 5 orang murid tahun 6 Marikh yang mengalami masalah dalam mengingat faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian. Data dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian dan temubual. Hasil analisis data ujian mendapati peratusan markah subjek kajian telah meningkat secara signifikan iaitu 4 orang mendapat markah penuh 100% dan seorang subjek mendapat 92.30%. Hasil dapatan temubual dan pemerhatian pula menunjukkan kaedah mnemonik akrostik ini membantu subjek kajian menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pertanian. Keputusan kajian menunjukkan kaedah mnemonik akrostik dapat meningkatkan pencapaian murid tahun 6 Marikh dalam menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Cadangan kajian seterusnya adalah menambahkan tempoh masa intervensi dan murid mencipta sendiri mnemonik akrostik.

Kata kunci: Mnemonik akrostik

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum Fasa 3 di salah sebuah sekolah di kawasan Cheras, pengkaji mendapati sebahagian murid mempunyai masalah untuk mengingat sesuatu fakta yang telah diajar. Semasa pengkaji mengajar tajuk Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kegiatan Pertanian, pengkaji perhatikan murid-murid sukar untuk menyenaraikan kesemua faktor yang telah diajar walaupun dalam masa yang singkat. Ketika diberi lembaran kerja berkaitan tajuk ini, pengkaji mendapati ada segelintir murid yang teragak-agak untuk menulis jawapan, segelintir lagi mengambil masa yang agak lama untuk menyenaraikan semula fakta yang telah diajar dan sebahagian lagi tidak memenuhi ruang jawapan. Murid dikesan menghadapi masalah dalam mengingat fakta yang telah diajar.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian pengkaji adalah untuk meningkatkan pencapaian murid tahun 6 Marikh menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dalam kajian tempatan menggunakan kaedah mnemonik akrostik. Kajian ini dijalankan untuk membantu mereka meningkatkan ingatan dan minat terhadap topik pembelajaran terutamanya mereka akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Kajian ini juga relevan dalam memperbaiki kemahiran mengingat murid dan dapat meningkatkan markah pencapaian mereka serta membantu guru memperbaiki amalan pengajaran di dalam kelas.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan meningkatkan pencapaian murid Tahun 6 Marikh menyenaraikan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kegiatan Pertanian dalam Kajian Tempatan menggunakan kaedah mnemonik akrostik.

3.2 Objektif Khusus

- Membantu meningkatkan pencapaian murid Tahun 6 Marikh dalam menyenaraikan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kegiatan Pertanian menggunakan kaedah mnemonik akrostik.

- Meningkatkan peratusan markah Ujian Pasca berbanding Ujian Pra bagi murid Tahun 6 Marikh dalam tajuk Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kegiatan Pertanian dalam Kajian Tempatan menggunakan kaedah mnemonik akrostik.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran terdiri daripada 5 orang murid Tahun 6 Marikh yang terdiri daripada dua orang murid perempuan dan tiga orang murid lelaki, terdiri daripada empat orang bangsa Melayu dan seorang bangsa India. Pencapaian akademik mereka di dalam kelas adalah pada tahap sederhana dan lemah. Sampel terdiri daripada empat orang bangsa Melayu dan seorang bangsa India. Pemilihan kumpulan sasaran ini adalah persampelan bertujuan.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah merancang satu sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik untuk meningkatkan pencapaian murid dalam menyenaraikan faktor-faktor yang ada dalam tajuk ini. Pengkaji menggunakan Model Stephen Kemmis sebagai panduan pelaksanaan penyelidikan tindakan. Kemmis dalam Kartini Abdul Mutalib dan et al (2012) menyatakan penyelidikan tindakan adalah satu proses yang berterusan tetapi terdapat gelungan-gelungan refleksi kendiri dalam perkembangan kajian.

5.1 Cara mengumpul data/ maklumat

Data yang dikumpul dari ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca dianalisis berdasarkan skema pemarkahan analitik. Menurut Azizi Ahmad dan Mohd Isha Awang (2008), skema pemarkahan analitik bertujuan untuk menentukan keberkesanan penggunaan sesuatu kaedah ataupun kemahiran dalam pembelajaran dan pengajaran melalui peratusan (%). Berikut menunjukkan pecahan skor pemarkahan analitik yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini.

Jadual 1
Skor Pemarkahan Analitik

Gred	Peratusan Markah (%)	Tahap Pencapaian
A	80-100	Cemerlang
B	60-79	Sederhana
C	40-59	Lemah
D	0-39	Sangat Lemah

Bagi menganalisis borang senarai semak, pengkaji menggunakan jadual kekerapan subjek kajian menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian. Jumlah kekerapan semasa pemerhatian kitaran satu dan dua dibuat supaya dapat dilihat perbezaan pencapaian. Selepas intervensi dijalankan, satu temubual berstruktur dijalankan dan dibuat generalisasi sama ada respons yang diberi positif atau negatif terhadap kaedah mnemonik akrostik.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji menggunakan kaedah triangulasi data semasa membuat tinjauan awal dengan menganalisis lembaran kerja murid dan keputusan murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan untuk Ujian Bulanan 1. Pengkaji mendapati lima orang murid tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam ujian. Semakan kertas ujian mereka menunjukkan mereka tidak dapat menjawab kesemua soalan Bahagian D. Ketika diberi lembaran kerja berkaitan tajuk ini, pengkaji mendapati ada segelintir murid yang teragak-agak untuk menulis jawapan, segelintir lagi mengambil masa yang agak lama untuk

menyenaraikan semula fakta yang telah diajar dan sebahagian lagi tidak memenuhi ruang jawapan. Semasa ditanya secara lisan faktor-faktor tersebut, murid-murid didapati tidak dapat menjawabnya dengan tepat. Murid dikesan menghadapi masalah dalam mengingat fakta yang telah diajar. Temubual terhadap dua orang murid Tahun 6 Marikh menunjukkan murid tersebut mempunyai masalah untuk mengingat fakta yang banyak. Menurut mereka cara untuk mengingat faktor-faktor melalui latih tubi tidak menarik minat.

5.3 Tindakan mengatasi masalah

Jadual 2
Pelaksanaan Intervensi Kitaran 1 dan Kitaran 2

Bil.	Kitaran 1	Kitaran 2
1	Pengenalan kaedah mnemonik akrostik	Menerapkan sistem *buddy* semasa menggunakan kaedah mnemonik akrostik
2	Menggunakan kaedah mnemonik akrostik terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian	Menambah latihan bertulis kepada subjek kajian secara individu dan kelas
3	Latihan pengulangan	

5.4 Keputusan kajian



Rajah 1. Graf Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Nota: S2 mendapat 0% dalam Ujian Pra

Rajah 1 menunjukkan perbandingan peratusan markah bagi ujian pra dan ujian pasca. Berdasarkan graf di atas, gred dan peratusan subjek kajian dalam topik ini telah meningkat dari sangat lemah kepada cemerlang. Sebanyak empat orang subjek kajian mendapat markah 100% dan seorang subjek mendapat 92.30% markah. Secara keseluruhannya, keputusan yang diperoleh menunjukkan kaedah mnemonik akrostik dapat membantu subjek kajian menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian.

Pemerhatian

Jadual 3
Perbandingan Pemerhatian Kitaran 1 dan Kitaran 2

Subjek Kajian	Jumlah kekerapan Kitaran 1	Jumlah kekerapan Kitaran 2
S1	5	11
S2	3	10
S3	3	10
S4	4	12
S5	6	13

Jadual 3 menunjukkan perbandingan jumlah faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian yang disenaraikan oleh subjek kajian. Keputusan menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan semasa subjek kajian menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dalam kitaran 2. Peningkatan ini menunjukkan keberkesanan kaedah mnemonik akrostik ini dalam membantu subjek kajian menyenaraikan faktor-faktor.

Temubual

Pengkaji turut menjalankan temubual berstruktur selepas intervensi kitaran 2. Sebanyak lima soalan telah ditanya kepada subjek kajian yang berkaitan tentang keberkesanan kaedah ini terhadap mereka. Pengkaji telah membuat generalisasi bahawa subjek kajian menunjukkan respon yang positif terhadap kaedah mnemonik akrostik ini. Subjek bersetuju bahawa kaedah mnemonik akrostik ini membantu mereka dalam menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pertanian yang diajar pengkaji dengan lebih mudah dan menggunakan kaedah ini dalam tajuk-tajuk yang lain.

5.5 Rumusan kajian

Dapatan kajian menunjukkan persoalan kajian terjawab dan objektif kajian tercapai. Keputusan ujian pasca telah menunjukkan peningkatan yang mendadak apabila subjek kajian telah mencapai keputusan cemerlang berbanding ujian pra. Hasil pemerhatian juga mendapati subjek kajian dapat menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dengan cemerlang dalam kitaran 2. Dapatan ini disokong dengan hasil temubual yang dilakukan ke atas subjek. Subjek bersetuju bahawa kaedah mnemonik akrostik ini membantu mereka dalam menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pertanian yang diajar pengkaji dengan lebih mudah dan menggunakan kaedah ini dalam tajuk-tajuk yang lain.

Melalui keputusan yang diperoleh ini pengkaji dapat membuktikan keberkesanan kaedah mnemonik akrostik ini dapat meningkatkan pencapaian subjek dalam menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pertanian. Keputusan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Norhayati (2013). Hasil penggunaan kaedah mnemonik akrostik menunjukkan peningkatan purata markah murid hasil ujian pra ke ujian pasca dari 35% menjadi 64.5%. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah mnemonik yang digunakan dapat meningkatkan keupayaan murid untuk mengingat fakta dan minat murid terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan.

5.6 Refleksi

Pengkaji berharap hasil kajian ini dapat dimanfaatkan kepada guru-guru, individu-individu serta diri pengkaji sendiri kelak untuk memperbaiki mutu keberkesanan PdP ketika di dalam bilik darjah. Semoga kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kerana pengkaji telah membuktikan kajian berkaitan penggunaan kaedah mnemonik akrostik telah memberi impak kepada pencapaian murid terhadap ingatan mereka dalam menyenaraikan fakta-fakta yang dipelajari di dalam bilik darjah. Kekuatan kajian ini dapat diukur apabila objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu meningkatkan pencapaian murid tahun 6 Marikh menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian dapat dicapai. Sebelum intervensi dilakukan, subjek kajian tidak dapat menyenaraikan fakta-fakta yang diajar secara keseluruhannya kerana pengkaji tidak mengamalkan cara pengajaran yang menarik. Semasa intervensi dilaksanakan pengkaji

dapati subjek menjadi lebih aktif dan gembira mempelajari topik ini dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik. Namun begitu, di sebalik kejayaan objektif kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti kelemahan di dalam kajian ini. Kelemahan yang dikenal pasti ialah tempoh masa intervensi yang kurang akibat daripada gangguan seperti program di sekolah.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini.Pengkaji mencadangkan mnemonik akrostik yang pengkaji tetapkan untuk murid diganti dengan mnemonik yang dicipta sendiri oleh subjek kajian. Apabila subjek kajian menggunakan mnemonik ciptaan mereka sendiri akan membuatkan mereka lebih mengingati sesuatu fakta. Selain itu, pengkaji juga bercadang supaya tempoh masa intervensi ditambah pada masa akan datang supaya murid dapat menjalani proses latihan berulang kali. Atkinson dan Shriffin (1977) dalam Azizi Yahaya dan et al (2005) menjelaskan maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam ingatan jangka panjang perlu menjalani latihan beberapa kali. Selain kaedah mnemonik akrostik, pengkaji ingin mencadangkan beberapa kaedah lain yang sesuai untuk mengekalkan ingatan jangka panjang murid untuk penyelidikan pada masa akan datang. Misalnya, kaedah mnemonik hubungan, kaedah nyanyian dan penggunaan peta minda *i- think*.

RUJUKAN

Azizi Ahmad dan Mohd Isha Awang. (2008). *Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya dan Fawziah Yahya. (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Benge, C. dan Robbins, M.E. (2009). Using Keyword Mnemonics to Develop Secondary Students' Vocabularies: A Teacher's Action Research. *Journal of Language and Literacy Education*, *6*(1), pp 93-104. Diperoleh 14 Julai 2014 dari http://www.coa.uga.edu/jolle/2010_1/mneumonics.pdf

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Huraian Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Tahun 6.* Pusat Perkembangan Kurikulum.

Mohammad Amiryousefr dan Saed Ketabi. (2011). Mnemonic Instruction: A Way To Boost Vocabulary Learning And Recall. *Journal Of Language Learning And Research,* pp 78- 182.

Norhayati Muhamad Hassan. (2013). Meningkatkan Keupayaan Murid Mengingat Fakta Tentang Tajuk Kepentingan Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi Menggunakan Kaedah 'Mnemonik Akrostik' Secara Pembelajaran Koperatif. Dalam Roslan Saadon (Ed.). *Kajian Tindakan Pengajian Sosial,* pp 35-42. Pulau Pinang: Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 5 INTAN DALAM MENYENARAIKAN SUMBANGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA MELALUI TEKNIK PADANAN

Oleh:

MOHAMAD AZRAI BIN RASDI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meningkatkan pencapaian murid dalam menyenaraikan sumbangan perdana-perdana menteri Malaysia kepada negara dalam topik "Mengetahui dan Mengenali Perdana Menteri Malaysia". Kajian ini melibatkan lima orang murid 5 Intan di Sekolah Kebangsaan Seri Tasik, Kuala Lumpur. Kaedah ujian (ujian pra dan ujian pasca), pemerhatian dan temu bual telah digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menggunakan ketiga-tiga kaedah pengumpulan data ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam pencapaian subjek dalam menyenaraikan sumbangan perdana-perdana menteri Malaysia. Diharapkan kajian ini dapat diperluaskan penggunaannya ke dalam topik-topik mahu pun mata pelajaran lain di sekolah.

Kata Kunci : Meningkatkan pencapaian, menyenaraikan, sumbangan, teknik padanan.

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di sekitar Kuala Lumpur, pengkaji mendapati beberapa orang murid menghadapi masalah yang paling ketara dan dominan iaitu kesukaran untuk mengetahui apakah sumbangan yang telah dicurahkan oleh perdana-perdana menteri Malaysia kepada negara. Selain itu, mereka juga menghadapi kekeliruan dalam mengenal pasti sumbangan setiap perdana menteri. Sebagai contoh, mereka menghadapi kekeliruan untuk membezakan sumbangan yang telah disumbangkan oleh Tun Abdul Razak dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi dan sebagainya.

2.0 FOKUS KAJIAN

Umum mengetahui bahawa mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merupakan salah satu subjek yang akan dimansuhkan secara berperingkat dalam sistem pendidikan negara yang digantikan dengan mata pelajaran baru iaitu Sejarah. Justeru, topik "Menghormati dan Menghargai Pemimpin Kita" perlu dikuasai oleh murid-murid tahun 5 kerana pada detik ini, sikap menghormati dan menghargai pemimpin dalam kalangan generasi muda semakin terhakis. Jelas sekali mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merupakan medium yang paling sesuai dalam membentuk jati diri murid-murid khususnya bagi sekolah rendah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan pencapaian murid tahun 5 Intan dalam menyenaraikan sumbangan perdana-perdana menteri Malaysia melalui teknik padanan.

3.2 Objektif Khusus

- Menyenaraikan sumbangan perdana-perdana menteri Malaysia menggunakan teknik padanan dengan betul berdasarkan gambar perdana menteri.

- Meningkatkan pencapaian markah murid dalam ujian pasca berbanding ujian pra melalui teknik padanan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran yang telah pengkaji pilih dalam menjalankan kajian penyelidikan ini ialah murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Seri Tasik, Kuala Lumpur yang berada dalam kelas 5 Intan. Seramai lima orang subjek yang telah dipilih dalam menjalankan kajian tindakan ini. Daripada jumlah tersebut, seramai tiga orang subjek merupakan murid perempuan manakala seramai dua orang subjek merupakan murid lelaki.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian, pemerhatian dan temu bual untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat keberkesanan intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian.

5.1 Cara Mengumpulkan Data/Maklumat

Dua instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal iaitu melalui soal selidik dan pemerhatian menggunakan nota lapangan. Pengkaji memilih instrumen pengumpulan data ini berasaskan kesesuaian dalam membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Dalam soal selidik, terdapat lapan soalan yang dianalisis. Satu bahagian mengenai jantina murid-murid dan selebihnya mengenai minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, minat terhadap topik yang dipelajari, aktiviti yang dijalankan serta kesedaran murid terhadap nilai-nilai yang dipelajari dalam topik tersebut. Berdasarkan pemerhatian iaitu menggunakan penulisan nota lapangan, pengkaji mendapati sebahagian besar daripada murid di dalam kelas 5 Intan tidak menguasai topik yang mereka pelajari.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Semasa kitaran 1, pengkaji telah memperkenalkan teknik padanan kepada subjek. Subjek perlu memadankan kad kenyataan sumbangan-sumbangan berdasarkan gambar perdana menteri dengan betul. Namun, hasil daripada teknik tersebut kurang memuaskan menyebabkan pengkaji meneruskan dengan kitaran 2 dengan menambahkan bahan audio sebagai bantuan kepada murid untuk menyenaraikan sumbangan perdana menteri melalui teknik padanan.

5.4 Keputusan Ujian



Rajah 1 : Perbandingan peningkatan peratusan markah subjek kajian dalam ujian pasca berbanding ujian pra.

Berdasarkan rajah 1 di atas, wujud peningkatan bagi kesemua subjek kajian dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Subjek A mencapai peningkatan sebanyak 43% selepas intervensi dijalankan. Sementara itu, Subjek B menunjukkan peningkatan peratusan markah yang diperoleh ialah sebanyak 33%. Subjek C pula peratusan peningkatan markah olehnya ialah sebanyak 30%. Bagi Subjek D, peratusan peningkatan markah sebanyak 36%. Manakala bagi Subjek E, peningkatan peratusan markah bagi subjek terbabit sebanyak 32%. Merujuk kepada peningkatan peratusan markah bagi ujian pra dan ujian pasca ini oleh kesemua subjek, jelas menunjukkan keberkesanan teknik padanan mampu meningkatkan pencapaian subjek-subjek yang terlibat dalam intervensi terbabit.

Pemerhatian



Rajah 2 Perbandingan pencapaian subjek dalam Kitaran 1 dan Kitaran 2 berdasarkan pemerhatian

Dalam aspek pertama iaitu subjek memadankan nama salah seorang perdana menteri Malaysia berdasarkan gambar, wujud peningkatan sebanyak 60% dalam kitaran kedua berbanding dalam kitaran pertama. Manakala dalam aspek kedua iaitu subjek menyenaraikan nama perdana menteri Malaysia mengikut urutan, peningkatan pencapaian yang drastik dapat dilihat kerana dalam kitaran pertama tiada seorang subjek berjaya melakukannya, namun dalam kitaran kedua, sebanyak empat orang subjek bersamaan 80% berjaya melakukannya.

Perbezaan 80% peningkatan ini menunjukkan keberkesanan intervensi dalam kitaran kedua. Dalam aspek ketiga iaitu subjek menyenaraikan salah satu sumbangan perdana menteri Malaysia menggunakan teknik padanan, wujud peningkatan sebanyak 40% kerana dalam kitaran pertama hanya 60% daripada subjek berjaya melakukannya, namun dalam kitaran kedua kesemua subjek bersamaan 100% berjaya melakukannya. Dalam aspek keempat pula iaitu subjek memadankan gelaran perdana menteri Malaysia dengan sumbangan perdana menteri, wujud peningkatan sebanyak 20%. Dalam kitaran pertama hanya tiga orang subjek bersamaan 60% berjaya melakukannya. Dalam kitaran kedua pula seramai empat orang subjek bersamaan 80% berjaya mencapai apa yang diperhatikan oleh pengkaji.

Sementara itu dalam aspek terakhir yang diperhatikan iaitu subjek membanding bezakan sumbangan perdana menteri Malaysia berdasarkan gambar, seramai dua orang subjek sahaja berjaya melakukannya bersamaan 40%, namun dalam kitaran kedua kesemua subjek berjaya melakukannya. Hal ini menunjukkan wujud peningkatan pencapaian sebanyak 60% dalam kitaran kedua berbanding kitaran pertama.

Temu Bual

Temu bual dijalankan secara semi berstruktur ke atas lima orang subjek. Sebanyak tiga soalan disediakan dan diajukan kepada subjek. Hasil daripada temu bual dicatatkan dan dirakam serta dipindahkan

ke dalam bentuk transkripsi. Pengkaji dapat membuat generalisasi bahawa teknik padanan memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian subjek dalam menyenaraikan sumbang perdana-perdana menteri Malaysia.

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan dapatan dibuat dengan menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan ujian dan instrumen-instrumen lain. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 2 September 2014. Kajian ini melibatkan tempoh intervensi selama tiga minggu.

Pengajaran kaedah intervensi ini telah melibatkan pengajaran kaedah padanan ke atas lima orang subjek dalam meningkatkan pencapaian subjek dalam menyenaraikan sumbang perdana-perdana menteri Malaysia kepada negara.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari pelbagai maklumat dari pelbagai sumber seperti perpustakaan negara dan juga perpustakaan institut. Hasilnya, pelbagai bahan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menyiapkan laporan. Melalui kajian juga pengkaji dapat meningkatkan pencapaian subjek dalam menyenaraikan sumbang perdana-perdana menteri Malaysia di samping dapat meningkatkan kesedaran subjek untuk menghormati dan menghargai pemimpin-pemimpin negara.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pengkaji boleh mengaplikasikan kaedah ini kepada sampel yang lain. Setelah subjek-subjek dalam kajian tindakan ini berjaya meningkatkan pencapaian mereka, sampel lain boleh dipilih agar mereka juga dapat meningkatkan pencapaian. Jumlah sampel yang digunakan juga boleh diperbanyakkan berbanding kajian yang telah dijalankan. Selain itu, kaedah intervensi yang telah berjaya dilaksanakan ini juga boleh diaplikasikan ke dalam mata pelajaran lain. Hal ini kerana keadah padanan ini tidak hanya berfokus kepada mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sahaja bahkan intervensi yang dijalankan adalah bersifat universal.

RUJUKAN

Bahagian Pendidikan Guru. (2002). *Garis panduan penyelidikan tindakan untuk Institut Pendidikan Guru Malaysia*. Kuala Lumpur : Kementerian Pendidika Malaysia.

Mok Soon Sang (2009). *Perkembangan Kanak-Kanak*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd

Choong, L.K. (2011). *Murid dan Alam Belajar Edisi Kedua*. Kuala Lumpur : Siri Pendidikan Perguruan. Percetakan Seasons Sdn. Bhd.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MURID MENGINGAT DAN MENULIS NAMA BENUA-BENUA DAN LAUTAN DI DUNIA BERBANTUKAN PERISIAN INTERAKTIF *I-SPRING* PADA "*POWERPOINT*"

Oleh:

MUHAMMAD ARIFF ZAKWAN BIN ISMAIL
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk menentukan sejauh manakah penggunaan perisian interaktif i-spring pada PowerPoint dapat meningkatkan kemahiran murid dalam mengingat dan menulis nama benua-benua dan lautan di dunia dalam mata pelajaran Kajian Tempatan tahun 5. Instrumen kajian yang digunakan adalah ujian pra dan pasca, borang pemerhatian, dan temubual. Kumpulan sasaran bagi kajian ini melibatkan 10 orang murid tahun 5 salah sebuah sekolah di Gombak, Kuala Lumpur. Hasil dapatan kajian menunjukkan peningkatan kemahiran mengingat dan menulis dalam kalangan subjek terhadap topik Benua dan Lautan dalam mata pelajaran Kajian Tempatan apabila perisian interaktif i-spring pada PowerPoint digunakan semasa proses pembelajaran dan pembelajaran. Dapatan juga menunjukkan bahawa pencapaian ujian murid meningkat apabila kaedah ini digunakann di dalam sesi pengajaran.

Kata kunci: Interaktif, Perisian, PowerPoint, Meningkatkan Kemahiran, i-spring, Mengingat, Menulis, Benua dan Lautan

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati terdapat murid yang tidak dapat memahami konsep serta fakta yang diterangkan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat pengkaji rumuskan apabila keputusan ujian bulanan yang berkaitan tajuk yang diajarkan oleh pengkaji adalah hambar di mana kebanyakkan prestasi semua murid adalah sederhana atau lemah.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati murid-murid tidak memberi perhatian semasa sesi pdp dan murid tidak menunjukkan minat dalam Kajian Tempatan dan mengakibatkan murid-murid tidak dapat mengingat dan menulis benua-benua dan lautan di sunia. Justeru itu, pengkaji ini membantu murid-murid dengan menggunakan kaedah perisian interaktif i-spring pada Power Point agar dapat meningkatkan kemahiran mengingat dan menulis murid-murid. Kajian ini difokuskan kepada sepuluh orang murid Tahun 5 Dinamik yang menunjukkan penguasaan yang lemah dalam kemahiran mengingat dan menulis benua-benua dan lautan di dunia.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Untuk membantu murid-murid meningkatkan kemahiran mengingat dan menulis nama benua-benua dan lautan di dunia berbantukan perisian interaktif *i-spring* pada *PowerPoint*.

3.2 Objektif Khusus

- meningkatkan kemahiran murid dalam mengingat dan menulis nama benua-benua dan lautan di dunia dengan berbantukan perisian interaktif *i-spring* pada "*PowerPoint*".

- meningkatkan pencapaian ujian murid bagi topik ini dengan berbantukan perisian interaktif *i-spring* pada "*PowerPoint*".

- menilai kesan intervensi yang dilaksanakan dari aspek kemahiran murid mengingat dan menulis nama-nama benua dan lautan dunia dengan menggunakan instrumen yang ditetapkan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 10 orang murid Tahun 5 Dinamik yang bersekolah di Sekolah Y di sekitar Selangor. Subjek kajian melibatkan tujuh orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Kesemua subjek adalah normal dan di dalam kategori pencapaian lemah di dalam kelas.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian, pemerhatian dan temu bual untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian.

5.1 Cara mengumpulkan data/maklumat

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal ialah ujian, pemerhatian dan analisi dokumen manakala ketika intervensi pengkaji menggunakan ujian, pemerhatian dan temubual begitu bagi melihat keberkesanan hasil intervensi yang telah dilaksanakan.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menggunakan ujian, pemerhatian, soal selidik dan juga temu bual. Ujian yang digunakan mengandungi 10 soalan objektif dan juga 2 soalan subjektif. Pemerhatian dilakukan secara tidak berstruktur ketika sesi pdp berlangsung dan juga analisis dokumen yang dilakukan ke atas orang subjek.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa kitaran 1, pengkaji telah menggunakan aplikasi i-spring pada power point dengan hanya menayangkan gambar peta dunia dan penerangan tidak memfokuskan kepada sesuatu benua dan lautan dengan terperinci. selain itu, slide i-spring juga tidak mengandungi item penyoalan.dari hasil kitaran 1, prestasi subjek masih tidak memuaskan pengkaji menyebabkan pengkaji meneruskan dengan kitaran 2. pada kitaran 2, pengkaji melakukan penambahbaikan terhadap slide i-spring dengan memfokuskan setiap benua dan lautan serta memasukkan item penyoalan dan memperlahankan pergerakan video.

5.4 Keputusan ujian

Ujian Pra dan Pasca

Jadual 1
Perbezaan Peratusan Ujian Subjek

Subjek	Ujian Pra (1)		Ujian Pasca (1) / Ujian Pra (2)		Ujian Pasca (2)		Perbezaan		
	Peratusan (%)	Gred	Peratusan (%)	Gred	Peratusan (%)	Gred	Peratusan Pasca 1 dan Pra 1 (%)	Peratusan Pasca 2 dan Pasca 1 / Pra 2 (%)	Peratusan Pasca (2) dan Pra (1) (%)
A	28	D	39	D	55	C	11	16	27
B	23	D	36	D	53	C	13	17	30
C	30	D	43	C	60	B	13	17	30
D	47	C	56	C	75	B	9	19	28
E	43	C	53	C	70	B	10	17	27
F	44	C	52	C	64	B	8	12	20
G	46	C	50	C	66	B	4	16	20
H	26	D	40	C	62	B	14	22	36
I	20	D	33	D	51	C	13	18	31
J	43	C	52	C	73	B	9	21	30

Kesemua subjek mengalami peningkatan kerana terdapat jurang perbezaan peratusan mereka sebelum intervensi dan juga selepas intervensi. Subjek juga berjaya melepasi tahap pencapaian yang ditetapkan pengkaji iaitu berada pada tahap pencapaian sederhana iaitu melebihi (50%) markah ujian.

Pemerhatian

Sesi pemerhatian dilaksanakan semasa kitaran 1 dan kitaran 2 berlangsung. Pemerhatian dilakukan terhadap tingkah laku subjek ketika sesi pdp berjalan dan dikukur dengan menggunakan kekerapan.

Jadual 2
Keputusan kekerapan pemerhatian

Bil	**Item (Senarai Semak)**	**Kekerapan (%)**				**Beza Kekerapan**
		Intervensi 1		Intervensi 2		
		Bilangan Subjek	Peratusan (%)	Bilangan Subjek	Peratusan (%)	
1.	Murid melakukan aktiviti lain semasa pengajaran sedang berlangsung	5 / 10	(50%)	1/ 10	(10%)	- 4 (40%)
2.	Murid mengangkat tangan untuk menjawab soalan	2 / 10	(20%)	7/ 10	(70%)	5 (50%)
3.	Murid tidur dalam kelas	2 / 10	(20%)	0/ 10	(0%)	- 2 (20%)
4.	Murid tidak menumpukan perhatian di dalam kelas	5 / 10	(50%)	0/ 10	(0%)	- 5 (50%)
5.	Murid berkongsi cerita tentang tajuk pelajaran	7 / 10	(70%)	5/ 10	(50%)	- 2 (20%)
6.	Murid dapat menulis nama benua dan lautan dengan betul pada lembaran kerja yang diberikan.	3 / 10	(30%)	7/ 10	(70%)	4 (40%)
7.	Murid dapat mengingat nama benua dan lautan dengan betul ketika P&P berlangsung	3/10	(30%)	9/10	(80%)	5 (50%)

Jadual 2 di atas menunjukkan perbezaan kekerapan tingkah laku subjek ketika sesi pdp. Daripada hasil pemerhatian menunjukkan kekerapan tingkah laku yang positif ke atas subjek.

Temu bual

Temu bual dijalankan secara berstruktur ke atas 5 orang subjek. Soalan yang diajukan adalah berkaitan dengan keberkesanan i-spring dalam membantu subjek mengingat nama-nama benua dan lautan di dunia. Dari hasil temubual, subjek bersetuju bahawa penggunaan i-spring dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran meyebut nama-nama benua serta meningkatkan pencapaian ujian.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat dengan menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan ujian dan instrumen-instrumen lain. Keseluruhannya, setelah menggunakan kaedah slide *i-spring* pada *PowerPoint* ini kepada subjek, pengkaji dapati sememangnya terdapat peningkatan prestasi subjek dalam mengingat dan menulis nama-nama benua dan lautan dunia di dalam peta. Daripada pemerhatian pengkaji subjek begitu teruja apabila pengkaji menggunakan kaedah baru dalam mengajar topik yang berkaitan peta. Rangsangan daripada perisian *i-spring* yang digunakan berjaya menarik minat mereka dalam menguasai kemahiran mengingat dan menulis nama benua dan lautan serta mengenalpasti kedudukannya di dalam peta. Ini menunjukkan perisian *i-spring* pada *PowerPoint* ini memang menarik minat subjek untuk menguasai topik benua dan lautan ini.

5.6 Refleksi

Secara keseluruhannya pengkaji dapati dengan menjalankan projek penyelidikan tindakan ini banyak ilmu baru yang dapat ditimba. Tambahan ilmu ini sangat berguna kepada saya apabila saya ingin melanjutkan pelajaran pengkaji ke peringkat lebih tinggi kelak. Pengkaji tidak akan berhenti di sini dalam menjalankan penyelididkan tindakan kerana apabila ditempatkan di sekolah kelak pengkaji akan menggunakan ilmu yang diperolehi ini bagi kajian tindakan persendirian untuk membaiki mutu kerja supaya lebih baik dan berkesan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Bagi kajian yang akan datang, pengkaji boleh memperluaskan aplikasi *i-spring* dalam persembahan *PowerPoint* di dalam kelas. Hal ini kerana jika saya terlalu bergantung kepada layaran tulisan dan gambar sahaja serta sumber yang ada terlalu terhad. Jadi kemungkinan besar tidak semua layaran maklumat tersebut sesuai digunakan untuk pengajaranmata pelajaran Kajian Tempatan. Antara jenis video yang boleh pengkaji gunakan untuk sesi pengajaran ialah, drama pendek, animasi 2D, dokumentari, sorotan filem dan sebagainya.

RUJUKAN

Aszoura Muhamed Salleh. (2007). *Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Berbantukan Komputer Penggunaan Perisian Power Point Interaktif Terhadap Peningkatan Penguasaan Konsep Sains Dalam Tajuk Sel Untuk Sains Tingkatan Satu.* Kuala Lumpur: Universiti Terbuka Malaysia.

Azizi Yahya et.al (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur :PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd

Kartini Abdul Mutalib, Ahamad Shabudin Yahya, Rosli Sahat, Badrul Hisham Alang Osman.(2012). *Menguasai Penyelidikan Tindakan : Untuk PISMP dan DPLI*. Ipoh: IPGKPM Kampus Ipoh

MENINGKATKAN PRESTASI PEMBELAJARAN MURID DALAM MATA PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN (KT) TAHUN 5 KIAMBANG MELALUI PENGGUNAAN GAMBAR

Oleh:

MUHAMMAD HAFIZ HAKIMI BIN RAHIM
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini untuk melihat adakah penggunaan kaedah gambar dapat meningkatkan prestasi pembelajaran murid dalam Kaijian Tempatan bagi tahun 5 Kiambang. 22 orang murid di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Sri Petaling, Selangor di pilih dalam kajian ini. Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada penggunaan gambar sebagai Bahan Bantu Mengajar dapat meningkatkan prestasi pembelajaran murid tahun 5 Kiambang. Tinjauan awal mendapati murid mempunyai masalah dalam prestasi pembelajaran seperti kesukaran memahami dan mengingati, kurang interaksi dan penglibatan semasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Keputusan menunjukkan murid berjaya meningkatkan prestasi pembelajarannya dengan baik setelah intervensi pertama dan kedua dilaksanakan. Cadangan kajian seterusnya adalah memilih murid berbeza kognitif atau lokasi sekolah lain.

Kata kunci: penggunaan gambar, prestasi pembelajaran

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sekolah yang dipilih pada semester 7 yang lalu iaitu pada tahun 2014, pengkaji mendapati murid-murid memiliki prestasi pembelajaran yang lemah dalam mata pelajaran Kajian Tempatan bagi tahun 5 Kiambang. Pengkaji dapati murid-murid sukar mengingati perkara yang dipelajari dan seterusnya mereka akan tercicir dalam KT. Hal ini menyukarkan pencapaian objektif yang disasarkan. Murid majoriti bersifat pasif dan berpencapaian sederhana dan rendah. Selain it,u mereka juga memiliki kesukaran memahami topik iaitu topik yang melibatkan fakta dan ayat dan seterusnya mereka kerap kali hilang fokus dan tumpuan semasa PdP.

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan sebagai alat bantu dalam mencari penyelesaian terhadap isu ini serta teori yang berkaitan di mana boleh digunakan guru dalam membantu untuk meningkatkan prestasi pembelajaran murid dan seterusnya memudahkan pengajaran guru di kelas. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu penggunaan teori kognitif yang dipelopori oleh Robert M. Gagne (1975) dengan menggunakan bahan bercetak sebagai medium menyampaikan maklumat iaitu dari mudah ke rumit.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati bahawa murid mengalami masalah dalam pembelajarannya terutamanya dalam memahami, dan mengingati isi pelajaran. Murid kurang mempamerkan interaksi semasa PdP dijalankan. Majoriti murid adalah bertingkahlaku pasif dan memiliki pencapaian akademik yang sederhana dan lemah. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah menggunakan gambar sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam memperbaiki prestasi pembelajaran murid dengan lebih baik.Pengkaji telah menjalankan menyediakan borang senarai semak pemerhatian untuk mengesan masalah dan prestasi murid.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan tahun 5 Kiambang dengan penggunaan gambar bagi meningkatkan prestasi pembelajaran murid dalam bilik darjah.

3.2 Objektif Khusus

- Mengenal pasti keberkesanan penggunaan gambar dalam meningkatkan prestasi pembelajaran dan penguasaan murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

- Meningkatkan pencapaian ujian mereka hasil dari proses pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah gambar

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 22 orang murid. Subjek yang dipilih terdiri daripada murid berpencapaian sederhana dan lemah dari kelas 5 Kiambang iaitu 10 orang lelaki dan 12 orang perempuan yang kesemuanya berusia 11 tahun. Rasional pemilihan murid ini kerana mereka memiliki prestasi pembelajaran yang lemah, pasif semasa di kelas, kurang memberikan interaksi dan tindak balas semasa guru mengemukakan soalan.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrument seperti pemerhatian, soal selidik dan ujian pra dan pasca untuk membantu dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih penggunaan gambar sebagai modul dan Bahan Bantu Mengajar untuk meningkatkan prestasi pembelajaran murid dalam Kajian Tempatan.

5.1 Cara mengumpulkan data / maklumat

Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian iaitu nota lapangan dan senarai semak disepanjang tempoh kajian dilaksanakan. Seterusnya adalah soal selidik yang dilaksanakan setelah intervensi dilaksanakan. Akhir sekali adalah ujian pra pasca dan ujian intervensi. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini kerana kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini serta mengesahkan hasil dapatan yang dilaksanakan.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pertamanya adalah pemerhatian. Pemerhatian tidak berstruktur dilakukan melalui penulisan dapatan di sepanjang tempoh sebelum dan sesi intervensi dilaksanakan dan data dikumpul melalui penulisan ilmiah. Manakala pemerhatian berstruktur melalui borang senarai semak dan data dikumpul mengikut kriteria yang ditetapkan. Keduanya pengkaji telah menjalankan ujian pra dan hasilnya menunjukkan murid tidak mencapai keputusan yang telah ditetapkan. Majoriti murid tidak menguasai dan memahami topik yang telah dipelajari. Hal ini menyebabkan pengkaji melaksanakan intervensi bagi mengatasi masalah yang dihadapi mereka

5.3 Tindakan menangani masalah

Pengkaji telah melaksanakan dua kitaran di mana kitaran pertama tidak mencapai matlamat yang disasarkan. Oleh yang demikian pengkaji telah memperbaiki dan merangka satu kaedah pengajaran sebagai medium untuk meningkatkan prestasi pembelajaran. Di mana penambahbaikan yang dilaksanakan dengan penyediaan modul pengajaran menggunakan gambar dengan bantuan perisian komputer. Pengkaji telah menggunakan suara latar, muzik, gambar bergerak, peta minda serta penulisan ayat dan fakta yang mudah difahami murid. Pengkaji telah menyediakan nota di akhir PdP bertujuan untuk mengatasi isu murid menyalin nota dengan lambat dan seterusnya dapat memanfaatkan masa sepenuhnya dengan pengisian isi pelajaran yang berguna. Pengkaji menggunakan gambar yang mudah difahami, jelas, dan menarik. Pengkaji menggunakan kaedah pengajaran dari mudah ke susah dengan meningkatkan interaksi bersama murid, memberi penglibatan dan interaksi antara mereka. Pengkaji turut menukar lokasi dari kelas kepada makmal komputer bagi mengatasi faktor gangguan persekitaran.

5.4 Keputusan Kajian

Pemerhatian



Rajah 1 : Perbandingan Skor Pemerhatian

Keputusan skor pemerhatian berdasarkan rajah 1 menunjukkan bahawa murid telah menunjukkan prestasi yang baik setelah kitaran kedua dilaksanakan. Murid mampu menjawab soalan yang diberikan dengan baik. Pencapaian ujian murid dan kefahaman dalam isi pengajaran keseluruhannya adalah di peringkat sederhana. Manakala interaksi antara murid dan penglibatan semasa PdP yang dijalankan mempamerkan skor baik setelah kitaran kedua dilaksanakan dengan penambahbaikan cara pengajaran dan pembelajaran berbantukan gambar.

Soal Selidik



Rajah 2 : Keputusan Soal Selidik

Berdasarkan rajah 2 menunjukkan keputusan yang diperolehi daripada 22 orang murid. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa murid sangat selesa dengan penggunaan gambar sebagai BBM dalam pengajaran. Dalam kenyataan 1, 95.5% subjek sangat setuju penggunaan gambar dalam

pengajaran. 81.8% subjek sangat setuju bahawa mereka sangat bersemangat apabila penggunaan gambar diterapkan dalam PdP. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati bahawa intervensi yang dilaksanakan memberikan keputusan yang positif berdasarkan respon yang dipamerkan oleh 22 orang murid.

Ujian Pra dan Pasca



Berdasarkan rajah 3, pencapaian ujian yang dilaksanakan adalah meningkat dengan lebih baik. Di mana selepas ujian pasca dilaksanakan, pengkaji dapati tiada murid yang gagal berbanding semasa ujian pra iaitu 13.60% gagal. Begitu juga peningkatan keputusan yang memperoleh A iaitu meningkat daripada 9.10% kepada 45.5%. ini menunjukkan bahawa penggunaan gambar dapat membantu dalam meningkatkan prestasi pembelajaran dan seterusnya pencapaian ujian dapat ditingkatkan dengan lebih baik.

5.5 Rumusan kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan pengkaji mendapati penggunaan gambar berkesan dalam meningkatkan prestasi pembelajaran subjek dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Hasil daripada pemerhatìan yang dijalankan menunjukkan berlaku peningkatan ke atas keupayaan subjek menjawab soalan yang diajukan dengan betul dan boleh menyatakan semula perkara yang telah dipelajarì. Hasil soal selidik juga menjawab persoalan kajìan dengan dapatan menunjukkan murid majoriti menyatakan mereka lebih mudah ingat sekìranya gambar digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran kajian tempatan. Ini menunjukkan bahawa subjek merasakan gambar membantu mereka untuk lebih ingat kandungan isi pelajaran yang disampaikan. Guru-guru digalakkan untuk menggunakan gambar dalam proses pengajaran dan pembelajaran kajian tempatan. Hal ini kerana kombinasi di antara gambar dan perkataan atau lisan dapat mengukuh lagi prestasi pembelajaran murid dalam pengajaran dan pembelajaran.

Fungsi gambar dilihat mengkonkritkan konsep yang abstrak sama ada perkataan yang ditulis atau disebut oleh guru melalui pembentukan imej mental dalam minda murid. Pembentukan imej mental ini akan membantu murid untuk lebih faham dan jelas tentang perkara yang disampaikan oleh guru. Antara faktor subjek mengalami kesukaran dalam memahami gambar adalah kemungkinan subjek keliru dengan perkataan. Ini disebabkan oleh subjek terdiri daripada murid berpencapaian sederhana dan lemah. Faktor kemungkinan kedua adalah penggunaan gambar yang digunakan oleh guru adakalanya sukar difahami oleh sesetengah murid berpencapaian rendah. Faktor lain adalah gambar tidak menepati maksud yang ingin disampaikan oleh guru serta gambar yang tidak jelas semasa paparan di tujukan kepada murid.

Dapatan kajian juga mendapatì penggunaan gambar bergerak atau video lebih diminati oleh murid berbanding gambar 2 dimensi yang statik tanpa disertakan kesan tambahan seperti bunyi. Dapatan kajian soal selidik mendapati majorit subjek sangat setuju jika guru menggunakan gambar berwama dan bergerak kerana dapat menarik minat mereka. Pada perìngkat kanak-kanak, menjadi lumrah mereka lebih mudah

tertarik pada objek yang berwarna dan bergerak dan berbunyi. Pembelajaran yang mengambil kira aspek ini menjadi pembelajaran tersebut menjadi lebih efektif.

5.6 Refleksi

Kajian membantu pengkaji dalam memudahkan pengajaran dan pembelajaran dengan berbantukan gambar. Pengkaji mengetahui bagaimana kesesuaian gambar yang dipilih untuk memastikan ia membantu dalam meningkatkan prestasi pembelajaran. Kaedah persembahan gambar memainkan peranan agar isi pengajaran yang dijalankan memberi manfaat kepada diri murid. Kelemahan yang jelas adalah kegagalan saya menyempurnakan kitaran pertama. Hal ini adalah pandangan awal saya menyediakan persembahan gambar yang boleh dianggap mudah walau bagaimanapun hal ini amat sukar untuk menunjukkan kefahaman murid. Gambar sepatutnya lebih besar, jelas dan menarik minat murid. Selain itu juga persembahan melalui perisian komputer juga penting berikutan penggunaan teknologi yang meluas pada zaman ini. Selain itu juga kelemahan yang dilihat adalah kekangan masa dalam melaksanakan intervensi dan tinjauan. Adalah lebih baik pengurusan masa yang sistematik untuk memastikan setiap aspek dapat dicapai dengan sempurna.

6.0 Cadangan Kajian Selanjutnya

Antara langkah yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kajian ini adalah dengan penambahan tempoh kajian. Apabila sesuatu kajian yang dikaji dalam suatu tempoh yang agak panjang perubahan-perubahan yang berlaku dapat dilihat dan diperhatikan dengan lebih jelas. Selain itu, kajian perlu dilakukan dalam tempoh yang berbeza seperti awal tahun sesi persekolahan dan akhir tahun sesi persekolahan. Hal ini kerana guru-guru dapat melihat impikasi terhadap daya ingatan murid di awal dan akhir penggunaan gambar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran mereka.Seterusnya dicadangkan untuk melakukan kajian di sekolah yang sama tetapi menggunakan responden dari kelas yang berbeza atau melakukan kajian di sekolah-sekolah yang berlainan. Faktor kedudukan sekolah sama ada di bandar mahupun luar bandar berkemungkinan memberi keputusan yang berbeza terhadap kajian yang dijalankan. Hal ini disebabkan kedudukan geografi serta sosioekonomi yang berbeza boleh memberi kesan yang berbeza dari aspek kognitif dan sikap murid.

Di samping itu, kajian juga akan menjadi lebih baik sekiranya mewujudkan satu kumpulan kawalan yang terdiri daripada murid yang berbeza aras pencapaian akademik mereka. Hasil dapatan daripada kumpulan kawalan digunakan untuk membuat perbandingan bagi membantu pengkaji meneliti kesan penggunaan gambar ke atas kumpulan kajian dengan lebih baik.

RUJUKAN

Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Sekolah Rendah. 2005. Kajian Tempatan Tahun 5. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kurt Lewin. (1946), Laidlaw (2004). Kajian Tempatan. Capaian talian pada 12 Jun, 2014 dari http://www.ptss.edu.my/v3/index.php?option=com_docman

Lee SM.(2004). Murid dan Proses Pembelajaran. Asas Pendidikan 2. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Micheal Gurian, Kathy Steven & Kelly King. (2008). Strategies for Teaching Boys & Girls Elementary Level. United States: Jossey-Bass.

Ngui Kuan Sang. (2007). Strategi Pengajaran Geografi: Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd

Othman Haji Saaid. (2008). Pengajaran Geografi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka

Paivio, A. (2006). Dual Coding theory and education. Pathways to literacy achievement for high poverty children. University of Michigan School of Education, September 29 & October 1, 2006.

Yates, (2006). The art of memory. London: Routledge & Kegan Paul.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 5 DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK ILUSTRASI BERBANTUKAN PERISIAN *POWER POINT* DALAM TAJUK ZON IKLIM DUNIA

Oleh :

Muhammad Nasrool Shazrin Bin Samsuddin
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan pencapaian murid melalui teknik ilustrasi dengan bantuan perisian Power Point. Kajian ini melibatkan lapan orang murid tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Tun Hussein Onn. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada ujian pra dan pasca, ujian formatif dan juga sesi pemerhatian bagi melihat tahap pencapaian murid sebelum dan selepas menggunakan teknik ini. Hasil daripada kajian ini mendapati teknik yang digunakan dapat meningkatkan tahap pencapaian murid. Selain itu, hasil daripada kajian ini juga mendapati bahawa teknik yang digunakan ini berkesan untuk meningkatkan pencapaian murid. Berdasarkan keputusan ujian pasca, kesemua kumpulan sasaran memperoleh tahap pencapaian yang baik iaitu lima orang murid berjaya mendapat gred A jika dibandingkan dengan ujian pra.

Kata Kunci : perisian Power Point

1.0 PENDAHULUAN

Pengkaji telah menjalankan sesi praktikum selama 12 minggu dan empat minggu sesi internship di Sekolah Kebangsaan Tun Hussein Onn, Kampung Pandan. Semasa berada di sekolah berkenaan pengkaji telah mengajar mata pelajaran Kajian Tempatan. Pengkaji telah mengajar tajuk Zon Iklim Dunia kepada murid tahun 5 Amanah di Sekolah Kebangsaan Tun Hussein Onn, dan pengkaji telah mengesan beberapa masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Masalah utama yang dikesan adalah dari segi pencapaian murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Murid-murid di kelas ini sukar untuk mengingati dan memahami fakta-fakta yang pengkaji sampaikan. Pengkaji mula mengesan masalah ini apabila murid disoal mengenai topik yang telah mereka pelajari, mereka tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Ini menunjukkan tahap pencapaian mereka berada dalam kedudukan yang rendah.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati bahawa murid berdepan dengan masalah terhadap topik Zon Iklim Dunia. Melalui topik ini, murid dilihat sukar untuk menguasai ciri-ciri setiap zon iklim dan juga contoh-contoh kawasan setiap zon yang berkenaan. Oleh sebab itu, pengkaji telah memilih penggunaan teknik ilustrasi dengan berbantukan perisian *power point* sebagai cara untuk mengatasi masalah ini. Pemilihan teknik ini adalah untuk mempelbagaikan cara pengajaran, membantu murid untuk meningkatkan prestasi, daya ingatan, serta mengelakan murid berasa bosan dengan pengajaran yang hanya berpandukan buku teks sahaja. Murid yang mempunyai persepsi visual ini akan lebih suka belajar dengan bahan bantu mengajar seperti carta, gambar, graf, rajah, salid dan video (Mok Soon Sang, 2009)

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Murid dapat menguasai tajuk Zon Iklim Dunia melalui teknik ilustrasi dengan bantuan perisian *power point.*

3.2 Objektif Khusus

i. meningkatkan pencapaian murid melalui teknik ilustrasi dengan bantuan perisian *power point.*

ii. Keberkesanan teknik ilustrasi dengan bantuan perisian *power point* untuk meningkatkan pencapaian murid.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Pemilihan kumpulan sasaran adalah berdasarkan hasil analisis yang telah pengkaji lakukan semasa peringkat tinjauan awal. Oleh yang demikian, berdasarkan analisis tinjauan awal tersebut pengkaji telah memilih seramai lapan orang subjek kajian dari kelas 5 Amanah di Sekolah Kebangsaan Tun Hussein Onn. Kumpulan sasaran ini terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan lima orang murid perempuan. Pemilihan murid ini telah dilakukan berdasarkan analisis tinjauan awal. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengambil keputusan untuk menjadikan subjek kajian ini sebagai kumpulan sasaran untuk mengenalpasti adakah intervensi yang pengkaji lakukan ini berkesan bagi meningkatkan pencapaian mereka terhadap fakta yang disampaikan berbanding dengan kaedah tradisional yang digunakan oleh guru lain sebelum ini.

5.0 PERLAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen untuk mengumpul maklumat dalam kajian ini. Antara instrumen yang digunakan ialah Pemerhatian, Ujian Pra dan Pasca dan Ujian Formatif. Instrumen ini dipilih untuk menilai tahap keberkesanan teknik ilustrasi serta menilai peningkatan tahap pencapaian murid berdasarkan teknik ilustrasi dengan berbantukan perisian *power point.* dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan model Stphen Kemmis sebagai garis panduan dalam menjalankan kajian ini

5.1 Cara Pengumpulan Data

Pengkaji telah memilih untuk menggunakan pemerhatian, analisis dokumen dan soal selidik bagi mendapatkan maklumat mengenai tahap pencapaian subjek dalam tinjauan awal. Instrumen ini dipilih mengikut kesesuaian maklumat yang ingin diperoleh oleh pengkaji mengikut kesesuaian data yang ingin dikumpul. Manakala pada peringkat intervensi pula, pengkaji telah menggunakan ujian pra dan pasca, ujian formatif dan pemerhatian bagi melihat tahap pencapaian subjek bagi mendapatkan pandangan dan penerimaan subjek mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Menurut Othman (2012), ujian pra dan pasca merupakan kaedah yang paling disarankan untuk membuat perbandingan kumpulan sasaran dan mengukur tahap perubahan yang berlaku sebelum dan selepas melakukan intervensi.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian untuk membuat penilaian terhadap persepsi dan penglibatan murid semasa sesi pengajaran tajuk Zon Iklim Dunia dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Melalui pemerhatian yang dilaksanakan, pengkaji dapat melihat bagaimana penglibatan yang ditunjukkan oleh murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu pengkaji turut menganalisis dokumen keputusan ujian murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat menilai tahap pencapaian murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Kaedah terakhir ialah kaedah soal selidik. Pengkaji telah menjalankan soal selidik kepada semua murid tahun 5 Amanah untuk menilai pendapat mereka tentang cara pengajaran dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

Oleh yang demikian, berdasarkan analisis tinjauan awal yang telah dilaksanakan, pengkaji telah memilih lapan orang murid untuk dijadikan sebagai kumpulan sasaran bagi kajian ini. Pemilihan kumpulan sasaran ini adalah berdasarkan semua keputusan tinjauan awal yang telah dianalisis. Hasil daripada analisis tinjauan awal tersebut telah memperlihatkan bahawa lapan orang murid yang dipilih ini mempunyai masalah dari segi pencapaian dalam tajuk tersebut.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Pengkaji telah menggunakan Model Penyelidikan Tindakan Stephen Kemmis dalam melaksanakan kajian ini. Di dalam model penyelidikan ini terdapat empat fasa di dalam setiap kitaran iaitu fasa merancang, fasa tindakan, fasa memerhati dan fasa refleksi.Menurut Norasiah (2012), elemen ilustrasi tersebut akan sentiasa mengekalkan kontak mata murid ke arah maklumat yang ingin guru sampaikan.

Dalam intervensi pertama, pengkaji telah merancang untuk menggunakan teknik ilustrasi dengan berbantukan perisian *power point*. Pengkaji juga telah menyediakan ujian pra dan ujian formatif untuk dilaksanakan sebelum dan selepas intervensi pertama. Dalam fasa tindakan pula pengkaji telah melaksanakan ujian pra sebelum melaksanakan intervensi dalam pengajaran dan pembelajaran serta melaksanakan ujian formatif setelah melaksanakan intervensi. Semasa melaksanakan sesi intervensi, pengkaji juga menjalankan kaedah pemerhatian dengan bantuan daripada rakan pengkaji. Dalam fasa memerhati, pengkaji telah menganalisis ujian yang telah dilaksanakan oleh subjek. Pengkaji juga telah menilai hasil pemerhatian yang dilaksanakan dan membuat refleksi berdasarkan tahap pencapaian murid setelah menggunakan teknik ilustrasi dengan berbantukan perisian *power point*. Pengkaji telah merancang intervensi kedua kerana terdapat subjek yang masih tidak mencapai tahap pencapaian yang ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji telah menambah baik teknik ilustrasi dengan berbantukan perisian *power point* dengan membuat penambahan video dan soalan interaktif. Selain itu pengkaji juga telah menjalankan ujian pasca di akhir proses pengajaran dan pembelajaran bagi melihat tahap pencapaian murid setelah melaksanakan intervensi kedua.

5.4 Keputusan Kajian
Ujian Pra dan Pasca



Rajah 1: Perbandingan antara ujian pra dan pasca.

Berdasarkan Rajah 1, berlaku peningkatan pencapaian murid dalam ujian pasca berbanding dengan ujian pra. Hasil daripada penambahbaikan yang telah dilakukan, ia dapat meningkatkan pencapaian murid dalam ujian pasca. Enam daripada lapan orang murid telah mendapat markah 86% dan berada dalam gred A. Berbanding dengan ujian pra, pencapaian tertinggi ialah seorang murid mendapat 77% markah dan terdapat juga seorang murid yang gagal iaitu memperoleh markah 30%.

Pemerhatian

Menurut Zamri dan Nor Razah (2011), pemerhatian adalah cara terbaik untuk mengumpul data asas *"first hand encounter"* tentang apa yang hendak dikaji. Hasil pemerhatian yang pertama iaitu pemerhatian semasa kitaran pertama, rakan pengkaji melihat subjek kajian yang tidak begitu fokus terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan oleh pengkaji. Subjek kajian dilihat melakukan perkara lain seperti berbual dan bermain dengan alat tulis semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya terdapat subjek kajian yang tidak dapat menjawab soalan yang diajukan oleh pengkaji. Subjek kajian dilihat tidak yakin dalam menjawab soalan yang ditanyakan oleh pengkaji. Subjek kajian kelihatan teragak-agak untuk memberikan jawapan semasa pengkaji mengemukakan soalan. Perkara ini terjadi akibat daripada murid keliru dengan fakta yang disampaikan. Kebanyakan subjek kajian keliru mengenai ciri-ciri Zon Iklim Dunia yang dilihat seakan-akan sama. Pada akhir pembelajaran ada diantara subjek kajian yang tidak dapat menceritakan apa yang telah dipelajari pada hari tersebut. Subjek kajian tersebut tidak dapat mengingat semula ciri-ciri Zon Iklim Dunia yang disampaikan oleh pengkaji.

Setelah membuat penambahbaikan kaedah yang digunakan dalam kitaran pertama, pengkaji telah melaksanakan pemerhatian buat kali yang kedua untuk menilai sama ada penambahbaikan yang telah dilakukan dalam kitaran yang kedua dapat menjawab persoalan kedua dalam kajian ini. Hasil daripada pemerhatian rakan pengkaji semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kitaran yang kedua ialah subjek kajian memberi fokus semasa pengkaji melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Subjek kajian dilihat menumpukan perhatian dan tidak melakukan perkara lain seperti berbual dengan rakan dan bermain dengan alat tulis. Perkara ini terjadi kerana pengkaji telah melakukan penambahbaikan dengan memasukkan video dan soalan interaktif yang membolehkan murid tersebut berasa berminat dan dapat meningkatkan fokus mereka. Seterusnya subjek kajian juga dapat menjawab soalan yang diberikan oleh pengkaji. Pada kitaran kedua ini, pengkaji telah memberikan soalan berbentuk interaktif untuk menguji pemahaman subjek kajian. Subjek kajian dapat menjawab kesemua soalan tersebut dengan betul. Mereka juga kelihatan yakin dengan jawapan yang diberikan. Murid dilihat yakin berdasarkan kriteria aspek pemerhatian iaitu murid dapat memberikan jawapan dengan jelas dan tidak teragak-agak semasa memberikan jawapan. Selain itu pada akhir pembelajaran murid juga dapat menceritakan semula apa yang telah dipelajari. Murid dilihat dapat menceritakan ciri-ciri salah satu zon yang telah dipelajari dalam tajuk Zon Iklim Dunia.

5.5 Rumusan Kajian

Melalui dapatan daripada ujian pra dan ujian pasca yang dilaksanakan, pengkaji melihat bahawa penggunaan teknik ilustrasi dengan bantuan perisian *power point* ini dapat meningkatkan pencapaian murid dan berkesan digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Secara keseluruhannya, melalui ujian pra dan pasca ini, pengkaji dapat melihat perbezaan pencapaian murid sebelum intervensi dilaksanakan dan selepas intervensi dilaksanakan. Sebelum intervensi tersebut dilaksanakan, peratus pencapaian subjek kajian berada pada tahap yang tidak begitu membanggakan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa objektif kajian ini telah dapat dicapai serta telah menjawab kedua-dua persoalan kajian dengan menggunakan teknik yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Tahap pencapaian subjek kajian turut dapat ditingkatkan melalui teknik ilustrasi. Ini bersesuaian dengan model gaya pembelajaran yang dipelopori oleh Montessori (1920) yang menyatakan bahawa setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri.

Setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang membolehkan mereka belajar dan memperoleh ilmu secara berkesan. Berdasarkan teori VAK kebanyakan murid mempunyai gaya pembelajaran yang dominan atau mengutamakan satu gaya pembelajaran, namun masih terdapat segelintir murid menggunakan beberapa gaya pembelajaran atau kesemua gaya pembelajaran dalam memperoleh ilmu. Oleh yang demikian, dengan penggunaan teknik ilustrasi berbantukan perisian *power point,* pengkaji dapat menerapkan pelbagai elemen seperti bunyi, gambar dan pergerakan dalam bahan tersebut mampu menarik perhatian dan tumpuan subjek kajian yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran bersama. Oleh itu, maklumat yang disampaikan oleh guru dapat diserap dan difahami oleh murid mengikut gaya pembelajaran mereka yang tersendiri. Ini dapat dilihat apabila murid yang mempunyai gaya pembelajaran visual akan tertarik dan mudah mengingati apa yang dilihat menggunakan gambar dan video yang ditunjukkan oleh pengkaji.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah menggunakan pelbagai kemudahan seperti internet dan perpustakaan untuk mendapatkan maklumat dan rujukan yang berkaitan dengan kajian ini. Pengkaji turut merujuk pensyarah bagi meminta pandangan serta nasihat bagi menambah baik kaedah dan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Melalui teknik yang digunakan, subjek kajian dapat memahami apa yang dipelajari khususnya dalam tajuk Zon Iklim Dunia. Seterusnya, melalui teknik ini pencapaian subjek kajian dapat ditingkatkan.

Namun begitu, kekangan dari aspek masa dan perancangan dalam melaksanakan kajian ini menyebabkan pengkaji terpaksa mengumpulkan data yang diperlukan pada waktu yang singkat. Kelemahan lain yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji pula ialah, melalui teknik yang digunakan pengkaji

tidak dapat menerapkan unsur pembelajaran koperatif. Justeru itu, sebagai penambahbaikan pengkaji perlu lebih peka terhadap suasana pembelajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kaedah pembelajaran koperatif adalah satu perkara yang boleh diterapkan supaya subjek kajian dapat bersama-sama melakukan aktiviti secara berkumpulan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pada masa akan datang, pengkaji akan cuba menghasilkan satu ilustrasi yang lebih baik dengan gabungan dari pelbagai elemen seperti warna, bentuk tulisan, animasi dan penerapan elemen kesan bunyi, video serta soalan interaktif supaya dapat menarik minat semua murid dan dapat mengekalkan fokus murid supaya murid akan dapat memahami dan mengingat segala fakta yang disampaikan oleh guru.

Seterusnya pengkaji juga akan cuba menerapkan unsur permainan dalam teknik yang digunakan. Tujuan pengkaji ingin menerapkan unsur permainan adalah kerana pengkaji tidak mahu subjek kajian berasa tertekan semasa dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji mahu menerapkan unsur santai dalam sesi pengajaran yang dijalankan. Justeru itu, subjek kajian tidak akan berasa tertekan dan ia akan meningkatkan motivasi subjek kajian untuk belajar.

RUJUKAN

Mok, S. S. (2009). *Siri Pengajian Profesional Perkembangan Kanak-Kanak*.Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Selangor.

Ngin Wei Haw. (2012). *Keberkesanan penggunaan power point terhadap penguasaan konsep sains bagi murid tahun 5*. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Kuching, Sarawak. Malaysia.

Norasiah Abdullah. (2012). *Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran*.Selangor.Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Othman Lebar. (2012). *Kajian Tindakan Dalam Pendidikan: Teori Dan Amalan.* Reka Cetak. Sdn.Bhd. Selangor.

Tan, Phei Yee (2007) *Kesan gaya pembelajaran visual, audio dan kinestatik terhadap pembelajaran bahasa pengaturcaraan di kalangan pelajar politeknik.* Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.

Zamri Mahamod dan Nor Razah Lim. (2011). *Kepelbagaian kaedah penyoalandalam pengajaran guru dalam Bahasa Melayu : Kaedah Pemerhatian.* Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1 : (2) pg. 51-65

MENINGKATKAN SKOR UJIAN MURID BAGI TAJUK TUMBUH-TUMBUHAN SEMULAJADI DAN HIDUPAN LIAR DALAM MATA PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN MENGGUNAKAN TEKNIK PERMAINAN "PUZZLE" BERGAMBAR DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 EFEKTIF

Oleh:

MUHAMAD ZUHAIRI BIN MOHD SHUKRI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan skor ujian murid bagi tajuk tumbuh-tumbuhan semulajadi dan hidupan liar dalam mata pelajaran Kajian Tempatan menggunakan teknik permainan "puzzle" bergambar. Kajian ini dijalankan terhadap murid Tahun 5 di sebuah sekolah yang terletak di Gombak, Selangor. Instrumen kajian ini terdiri daripada Ujian Pra dan Ujian Pasca, borang soal selidik dan pemerhatian. Tindakan yang telah dijalankan merangkumi 3 bahagian utama iaitu yang sebelum intervensi, kitaran 1 dan kitaran 2. Di akhir kajian, sesi soal selidik telah dijalankan bagi menyokong dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan teknik permainan "puzzle" bergambar telah membantu dalam meningkatkan skor ujian murid bagi subjek kajian tempatan.

Kata kunci : permainan "puzzle".

1.0 PENDAHULUAN

Dalam sistem pendidikan di setiap sekolah, proses pengajaran dan pembelajaran adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian. Berdasarkan pengalaman pengkaji setelah melalui fasa-fasa praktikum kaedah pengajaran yang berbeza sedikit sebanyak memberi kesan kepada kefahaman sampel kajian terhadap ilmu yang disampaikan. Justeru itu pengkaji mengambil langkah untuk mengukur sejauh mana keberkesanan perubahan kaedah pengajaran di sekolah dengan beberapa cara antaranya menukarkan corak pengajaran menjadi dua hala. Pengkaji akan lebih banyak bertanya kepada sampel kajian. Selain itu, penerapan elemen permainan dalam pembelajaran iaitu permainan "puzzle " bergambar (intervensi) adalah cara terbaik dimana murid dapat belajar secara berkumpulan dan dapat menggalakkan murid agar menggunakan akal mereka untuk berfikir.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini adalah mengenai bagaimana penggunaan permainan "puzzle" bergambar membantu meningkatkan skor ujian murid bagi tajuk tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar di Malaysia dalam mata pelajaran kajian tempatan. Berdasarkan rekod refleksi pengkaji selepas mengajar, didapati sampel kajian tidak dapat menumpukan perhatian semasa sesi P&P sekiranya pengkaji menggunakan teknik mengajar tradisional iaitu dengan menggunakan kapur dan papan tulis sahaja. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengambil inisiatif semasa menjalankan kajian ini dengan memperkenalkan teknik belajar secara berkumpulan dengan menggunakan permainan "puzzle" bergambar.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif umum

- Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan skor murid bagi tajuk tumbuh-tumbuhan semulajadi dan hidupan liar dalam mata pelajaran Kajian Tempatan menggunakan teknik permainan "puzzle" bergambar dalam kalangan murid tahun 5 Efektif.

3.2 Objektif khusus

- Meningkatkan skor ujian untuk mata pelajaran Kajian Tempatan dengan menggunakan kaedah puzzle bergambar.

- Meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknik koperatif.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan murid Tahun 5 Efektif di sebuah sekolah yang terletak di Gombak, Selangor. Jumlah keseluruhan murid di dalam kelas ini adalah seramai 33 orang, iaitu 15 orang murid lelaki dan 17 orang murid perempuan dan kesemuanya adalah berbangsa Melayu. Melalui pemerhatian saya, setiap murid di dalam kelas ini mempunyai tahap kognitif dan personaliti yang berbeza. Berpandukan penerangan yang diberikan oleh guru kelas ini, majoriti muridnya mempunyai tahap kognitif yang sederhana sahaja. Mereka tidak terlalu pandai dan tidak pula terlalu lemah. Pemilihan responden adalah secara rawak dan seimbang.antara lelaki dan perempuan. Seramai empat orang sampel kajian telah dikenal pasti sebagai kumpulan sasaran kajian selepas analisis tinjauan awal.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah melaksanakan intervensi mengikut empat fasa dalam Model Kurt Lewin (1946) yang termasuk fasa perancangan, fasa tindakan, fasa pemerhatian dan fasa refleksi. Lewin (1946) merupakan pengasas kepada penyelidikan tindakan. Beliau menyatakan bahawa kajian tindakan yang mempunyai empat peringkat dalam lingkaran iaitu bermula dengan refleksi diikuti dengan perancangan, tindakan dan pemerhatian. Likaran tersebut boleh berulang ke lingkaran kedua, ketiga dan seterusnya sehingga masalah yang dihadapi dapat diselesaikan.

5.1 Cara pengumpulan data

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian tindakan ialah ujian, pemerhatian dan juga soal selidik. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pada sesi pengajaran dan pembelajaran yang lepas, pengkaji telah menghadapi masalah di mana sampel kajian tidak memahami topik yang diajar. Hal ini dapat dikesan apabila pengkaji bersoal jawab dengan sampel kajian dan mereka tidak dapat menjawab soalan dengan tepat. Terdapat juga sampel kajian yang langsung tidak memberikan respon apabila diajukan soalan. Selain itu pengkaji juga telah memberikan lembaran kerja yang berkisar topik yang diajar bagi menilai tahap kefahaman sampel kajian. Terbukti keputusan adalah sama, dimana pelajar tidak dapat memberi jawapan yang tepat kepada soalan. Maka pengkaji merumuskan bahawa sampel kajian tidak memahami topik yang disampaikan.

5.3 Tindakan menangani masalah





5.4 Keputusan kajian

Pemerhatian

Jadual 1
Sebelum dan semasa intervensi

Bil	Item	Sebelum intervensi		Kitaran kedua	
		YA	TIDAK	YA	TIDAK
1	Murid berjalan-jalan di dalam kelas	3	1	0	4
2	Murid berkhayal semasa guru mengajar.	3	1	1	3
3	Murid mengganggu rakan semasa guru mengajar.	3	1	0	4
4	Murid membuat kerja sendiri seperti melukis.	2	2	0	4
5	Murid kerap minta izin untuk ke luar ke tandas	2	2	1	3
6	Murid seronok dengan cara guru mengajar	0	4	4	0
7	Murid melibatkan diri secara aktif semasa sesi P&P	1	3	4	0
8	Murid dapat menjawab soalan yang diajukan dengan baik.	1	3	4	0
9	Tugasan yang diberikan dapat diselesaikan	1	3	4	0
10	Murid tidak menyiapkan lembaran kerja	4	0	0	4

Jadual di atas menunjukkan data pemerhatian yang telah dilakukan sebelum intervensi dijalankan dan semasa intervensi dijalankan. Setelah pengkaji menjalankan intervensi ke atas sampel kajian, pengkaji mendapati bahawa sampel kajian menunjukkan peningkatan yang positif terhadap item yang telah disenaraikan.

Ujian

Jadual 2
Perbezaan markah Ujian Pra dan Ujian Pos

Nama	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)	Perbezaan markah (%)
Sampel 1	33	60	27
Sampel 2	53	63	10
Sampel 3	41	67	26
Sampel 4	43	69	26

Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian pra dan ujian pasca yang telah dijalankan terhadap sampel kajian. Berdasarkan data tersebut, pencapaian sampel kajian mengalami peningkatan setelah intervensi dijalankan.

Soal selidik

Jadual 3
Dapatan borang soal selidik

Bil	Item	Sebelum (%)		Kitaran 2(%)	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Melalui kaedah ini, saya dapat memahami topik-topik dalam subjek Kajian Tempatan.	25	75	100	0
2	Gaya pengajaran cikgu menyeronokkan.	0	100	75	25
3	Guru menggunakan pelbagai jenis bahan untuk mengajar.	0	100	100	0
4	Guru memberi hadiah atau ganjaran kepada murid.	0	100	100	0
5	Saya dapat menjawab soalan ujian yang diberikan kepada saya dengan yakin.	25	75	75	25

Jadual di atas menunjukkan dapatan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian. sampel kajian memberikan respon yang positif terhadap intervensi yang telah dijalankan.

5.5 Rumusan kajian

Penggunaan teknik permainan “puzzle” bergambar ini dilihat berkesan untuk meningkatkan skor ujian murid. Melalui data-data yang diperolehi ujian, pemerhatian dan soal selidik masing-masing menunjukkan perubahan yang positif terhadap sampel kajian. Hal ini dapat dilihat apabila, kesemua sampel kajian menunjukkan peningkatan skor ujian yang telah dijalankan terhadap mereka. Boon dan Sharifah (2009) mengatakan bahawa melalui aktiviti bermain pemikiran murid akan dapat diperkembang secara menyeluruh. Teori ini terbukti benar berdasarkan kajian yang telah dilakukan. Melalui pemerhatian semasa kajian dilaksanakan, teknik permainan “puzzle” telah mewujudkan elemen kerjasama sesama murid. pengkaji dapat perhatikan bahawa ketua kumpulan akan membahagikan tugas-tugas kepada ahli kumpulannya. Sebagai contoh aktiviti mencantum gambar dilakukan secara berperingkat peringkat iaitu proses menyusun, mencantum dan melekat. Setiap ahli kumpulan memainkan peranan agar gambar dapat dicantumkan seberapa segera. Secara tidak langsung, ia juga dapat melahirkan sifat berusaha dan tidak mudah berputus-asa. Walaupun sukar untuk mendapat padanan gambar yang sesuai, mereka tetap berusaha agar gambar itu dapat dicantumkan.

5.6 Refleksi

Antara kekuatan pengkaji semasa menyelesaikan tugasan ini ialah, pengkaji menerima banyak tunjuk ajar dan dorongan daripada pensyarah dan juga rakan-rakan. Kekuatan yang seterusnya ialah sumber yang banyak dan senang untuk pengkaji mengaksesnya adalah pemangkin kepada kejayaan pengkaji menyiapkan tugasan ini. Disebalik kekuatan itu, ada juga kelemahan yang menggangu pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. kekangan masa adalah faktor yang utama yang menggangu pengkaji untuk menyiapkan kajian pada kali ini. semasa menyiapkan kajian ini, pengkaji berada di sekolah dan sedang mengikuti program internship. Kekangan masa ini dilihat kerana pengkaji sibuk menguruskan projek-projek yang diberikan oleh pihak sekolah dan pada masa yang sama pengkaji juga perlu menjalankan intervensi kajian tindakan terhadap murid-murid yang memakan masa yang banyak untuk membuat persediaan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Untuk kajian seterusnya, dari segi perancangan, masa sebulan menghadiri kuliah bagi subjek ini dilihat masih kurang memberi ilmu yang secukupnya kepada pengkaji mengenai pengertian dan konsep kajian tindakan. Mungkin masalah ini berpunca daripada kelemahan pengkaji sendiri iaitu kurang memberi perhatian dalam kelas. Dari segi pelaksanaan pula, penggunaan instrumen yang lebih pelbagai akan menjadikan kajian ini lebih baik dan boleh dipercayai. Alasan pengkaji menggunakan instrument yang terhad adalah kerana kekangan masa semasa menjalani *internship*. Selain daripada kajian ini, pengkaji juga terpaksa menyiapkan projek di sekolah bagi memenuhi kehendak *internship*. Memandangkan pengkaji perlu menggunakan pengajaran secara tradisional semasa menjalankan kajian, pelaksanaannya adalah terhad kerana tidak sesuai untuk dipraktikkan semasa internship. Soalan Ujian 1 dan Ujian 2, soal selidik dan temu bual masih boleh diperbaiki kualitinya agar ia dapat membantu pengkaji mendapatkan keputusan yang lebih tepat dan menyeluruh. Responden juga boleh ditambah bilangannya. Jika lebih ramai responden, maka lebih mantap bukti yang dapat dikumpul.

Rujukan

Catron, C., dan Allen, J. (1999).Early childhood curriculum. Upper Saddle River, NJ: Merrill/Prentice-Hall.

Conny R Semiawan dan Djeniah Alim. (2002). Petunjuk Layanan Dan Pembinaan Kecerdasan Kanak-kanak. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Haliza Hamzah. (2008). Siri pendidikan guru: Perkembangan kanak-kanak untuk Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Edisi Ke-2). Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 5 CEMERLANG DALAM TOPIK BENTUK MUKA BUMI DAN KEPENTINGANNYA MENGGUNAKAN KAEDAH *MULTISENSORY*

Oleh :

NOORAZIEMAH BINTI MOHAMED
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid tahun dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dengan menggunakan kaedah Multisensory. Subjek kajian ini terdiri daripada enam orang murid tahun 5 di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Subjek kajian terdiri daripada 6 orang murid yang mempunyai pencapaian yang lemah dalam topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya. Data kajian dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang mendadak iaitu lebih 60% daripada markah ujian pra selepas menjalani intervensi menggunakan kaedah Multisensory. Hasil dapatan dalam analisis temu bual turut menunjukkan persepsi yang positif terhadap penggunaan kaedah Multisensory dalam pengajaran topik Bentuk Muka dan Kepentingannya. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kaedah Multisensory ini membantu meningkatkan pencapaian markah murid tahun 5 Cemerlang bagi topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Cadangan kajian seterusnya adalah menambahkan tempoh masa intervensi dan menggunakan instrument pengumpulan data yang lain.

Kata kunci : *Multisensory*

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani sesi praktikum Fasa 3 di salah sebuah sekolah di kawasan Kuala Lumpur, pengkaji mendapati sebahagian murid mempunyai masalah memahami, mengingati dan menguasai topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya. Masalah menguasai isi pelajaran topik tersebut mula dikesan semasa pengkaji memberikan lembaran kerja kepada murid. Pengkaji mendapati sebahagian besar murid menghadapi kesukaran untuk melengkapkan lembaran kerja tersebut. Pengkaji juga melihat sebahagian besar murid mula mencari-cari jawapan kepada soalan lembaran kerja tersebut di dalam buku teks. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka tidak dapat menguasai topik tersebut dengan baik dan seterusnya menjadi punca kegagalan murid untuk mengingati isi pelajaran yang telah dipelajari. Hasil daripada temu bual juga mendapati mereka menghadapi kesukaran untuk mengingati terlalu banyak fakta dalam sesuatu topik pembelajaran.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian pengkaji adalah untuk meningkatkan pencapaian murid tahun 5 Cemerlang dengan menggunakan kaedah kepelbagaian deria *Multisensory*.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian murid tahun 5 dalam topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya dengan menggunakan kaedah '*Multisensory'*.

3.2 Objektif Khusus

i. Meningkatkan pencapaian murid tahun 5 Cemerlang dalam topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya dengan menggunakan kaedah '*Multisensory'*.

ii. Keberkesanan kaedah *'Multisensory'* dalam meningkatkan pencapaian murid tahun 5 Cemerlang dalam topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan enam orang murid tahun 5 Cemerlang berumur 11 tahun dan berbangsa Melayu. Subjek kajian terdiri daripada lima orang murid lelaki dan seorang murid perempuan. Pencapaian akademik mereka di dalam kelas adalah pada tahap sederhana dan lemah. Tiga orang daripada subjek kajian merupakan seorang murid yang bersifat pendiam di dalam kelas manakala selebihnya bersifat aktif dalam sesi PdP. Pemilihan kumpulan sasaran ini adalah persampelan bertujuan.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah merancang satu pengajaran yang menggunakan kaedah *Multisensory* untuk meningkatkan pencapaian murid dalam topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya. Kaedah *Multisensory* ini merupakan kaedah pengajaran yang melibatkan lebih daripada satu deria murid (Nassihah, 2008). Jacob, Ladan (2009) mendefinisikan kaedah *Multisensory* sebagai satu pengajaran yang melibatkan penggunaan lebih daripada satu deria semasa proses pembelajaran murid. Menurut Catherine, Jenny, Robert (2008), pembelajaran menggunakan kaedah '*Multisensory*' merupakan pembelajaran perkara baru yang melibatkan penggunaan dua atau lebih deria. Oleh itu, pembelajaran menggunakan kaedah yang melibatkan pelbagai deria ini membolehkan murid memahami sesuatu bahan atau perkara dengan lebih mudah memandangkan setiap manusia dikurniakan dengan gaya pembelajaran yang berbeza.

Pengkaji telah memilih Model Stephen Kemmis sebagai panduan penyelidikan tindakan. Terdapat lima langkah kajian model Kemmis yang terdiri daripada perancangan, tindakan, refleksi, pemerhatian dan semakan semula perancangan (Akhiar, Shamsina, 2011). Menurut Kemmis dalam Kartini et.al (2012), menyatakan bahawa penyelidikan tindakan adalah satu proses yang berterusan tetapi terdapat gelungan-gelungan refleksi kendiri dalam perkembangan kajian.

5.1 Cara Mengumpulkan Data

Data-data yang diperolehi dari ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca dianalisis menggunakan skema permakahan analitik. Skema pemarkahan analitik digunakan bertujuan untuk menentukan keberkesanan penggunaan sesuatu kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran (Abdullah, 2005). Berikut merupakan skema pemarkahan ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini.

Jadual 1 :
Skema Permarkahan Analitik Ujian Pra dan Ujian Pasca

Gred	Peratusan Markah	Tahap Keberkesanan
A	80 - 100	Cemerlang
B	60 - 79	Baik
C	40 - 59	Kurang Memuaskan
D	0 -39	Gagal

Jadual 2 :
Skema Permarkahan Analitik Ujian Pencapaian

Gred	Markah	Tahap Keberkesanan
A	8 – 10	Cemerlang
B	6 - 7	Baik
C	4 – 5	Kurang Memuaskan
D	0 -3	Gagal

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji membuat tinjauan awal dengan menganalisis lembaran kerja yang diberikan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya dan keputusan ujian diagnosik murid bagi topik tersebut. Pengkaji menganalisis lembaran kerja tersebut untuk menilai tahap penguasaan, kefahaman dan ingatan murid terhadap tajuk yang diajar. Pengkaji mula mengenalpasti masalah tersebut apabila melihat sebahagian murid tidak berjaya kesemua soalan yang diberikan dengan betul walaupun ada di antara mereka berjaya melengkapkan lembaran kerja tersebut dengan tepat. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka tidak dapat menguasai topik tersebut dengan baik dan seterusnya menjadi punca kegagalan murid untuk mengingati isi pelajaran yang telah dipelajari. Semasa ditanya secara lisan kepentingan bentuk muka bumi didapati murid tidak dapat menyenaraikan kepentingan tersebut dengan baik. Hasil daripada temu bual bersama salah seorang murid menyatakan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk mengingati terlalu banyak fakta dalam sesuatu topik pembelajaran. Perkara ini secara tidak langsung telah menjejaskan pencapaian akademik murid.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Intervensi bagi kitaran pertama melibatkan penggunaan deria penglihatan (visual) dan pendengaran (audio) sahaja. Aktiviti yang dijalankan melalui penggunaan deria penglihatan adalah pelaksanaan pembelajaran melalui slaid power point yang mengandungi ilustrasi gambar dan isi-isi penting bagi topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya. Ini memudahkan subjek kajian untuk memahaminya dan seterusnya dapat membantu subjek kajian untuk mengingati sesuatu maklumat dalam jangka masa yang lebih lama. Bagi aktiviti yang melibatkan penggunaan deria pendengaran melalui pancaindera telinga ini pula, subjek kajian belajar menggunakan empat video bentuk muka bumi yang telah disediakan.

Intervensi bagi kitaran kedua pula melibatkan penggunaan deria sentuhan (*tactile*) dan pergerakan (kinestetik). Subjek kajian dikehendaki membina model bentuk muka bumi yang diperolehi mengikut kreativiti dan kefahaman mereka dan perlu melabelkannya. Aktiviti ini bermatlamat untuk membantu subjek kajian mengaplikasikan semula bentuk muka bumi yang dipelajari kepada bentuk model 3D. Aktiviti yang melibatkan pergerakan yang dijalankan adalah “Magic Mat”. Subjek kajian dikehendaki membaling dadu bagi menentukan nombor yang akan digerakkan dari garisan permulaan. Pada setiap petak terdapat soalan yang berlainan dan subjek kajian perlu menjawab soalan pada petak mereka berhenti. Pemilihan aktiviti kinestetik ini bertujuan untuk menguji kefahaman dan penguasaan topik oleh subjek kajian selepas menjalani aktiviti audio, visual dan *tactile*.

5.4 Keputusan Kajian



Rajah 1. Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Rajah 1 menunjukkan perbandingan pencapaian markah antara ujian pra dan ujian pasca. Hasil analisis graf di atas memberikan maklumat bahawa kesemua subjek kajian telah menunjukkan peningkatan yang positif dalam ujian pasca. Kesemua subjek kajian juga telah memperolehi gred yang lebih baik berbanding dalam ujian pra. Pencapaian yang ditunjukkan oleh kesemua subjek kajian dalam ujian pasca ini juga adalah peralihan dari gred gagal kepada gred lulus. Perbezaan yang ketara ini amat positif dalam membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan.Secara keseluruhannya boleh disimpulkan bahawa pencapaian markah subjek kajian telah meningkat selepas menjalani intervensi kitaran kajian.

Temu Bual

Pengkaji telah menjalankan temu bual berstruktur berbentuk lisan bersama kesemua subjek kajian yang terdiri daripada tujuh soalan berbentuk terbuka dan tertutup. Dapatan dalam analisis temu bual menunjukkan persepsi yang positif terhadap penggunaan kaedah *Multisensory* dalam pengajaran topik Bentuk Muka dan Kepentingannya. Kesemua subjek kajian menyatakan kesetujuan bahawa kaedah ini membantu meningkatkan pemahaman dan ingatan mereka dalam topik tersebut. Kaedah ini turut menjadikan sesi pembelajaran mereka lebih menyeronokkan. Situasi ini dapat dilihat semasa mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti *Multisensory* terutamanya aktiviti pembinaan model bentuk muka bumi dan aktiviti 'Magic Mat' yang mana mereka kelihatan begitu seronok dan bersemangat. Penglibatan subjek kajian secara aktif dalam aktiviti-aktiviti tersebut menjadikan suasana kelas hidup dan responsif. Pembelajaran menggunakan pelbagai deria ini turut memberikan kesan ke atas minat subjek kajian untuk mengikuti pembelajaran pengkaji.

Pemerhatian

Menurut Azman (2008), pemerhatian merupakan satu kaedah pengumpulan data yang amat berguna untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang aktiviti atau situasi yang dikaji serta kaya dengan maklumat yang terperinci dan mendalam. Pemerhatian ini dijalankan bertujuan untuk memerhatikan tahap penguasaan subjek kajian bagi topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya semasa penggunaan kaedah *Multisensory* diaplikasikan. Pengkaji telah menggunakan borang senarai semak Ya Tidak yang mengandungi lima item tingkah laku yang diukur sebagai instrumen yang digunakan semasa sesi pemerhatian dijalankan.

Hasil analisis pemerhatian kitaran 1 dan kitaran 2 mendapati kesemua subjek kajian telah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti intervensi. Pernyataan ini dibuktikan dengan tingkah laku yang ditunjukkan oleh subjek kajian. Begitu juga dengan item terakhir yang diukur melalui tingkah laku yang dipamerkan oleh subjek kajian iaitu subjek kajian dapat memahami pengajaran guru. Subjek kajian dilihat dapat menyebut semula isi pelajaran yang ditanya dengan tepat apabila ditanya menerusi aktiviti-aktiviti intervensi. Hasil analisis pemerhatian juga mendapati subjek kajian dapat menjawab soalan yang ditanya dengan betul. Pengkaji juga dapat melihat keyakinan yang ditunjukkan oleh subjek kajian semasa menjawab soalan pengkaji. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati kaedah ini membantu meningkatkan tahap kemahaman dan penguasaan subjek kajian terhadap topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya menerusi item-item yang dinilai dalam borang senarai semak pemerhatian.

5.5 Rumusan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan persoalan kajian terjawab dan objektif kajian tercapai. Keputusan ujian pasca telah menunjukkan peningkatan yang mendadak apabila subjek kajian telah memperolehi keputusan yang lebih baik berbanding ujian pra. Hasil pemerhatian turut mendapati subjek dapat menguasai dan memahami topik pembelajaran dengan lebih baik. Dapatan ini disokong dengan hasil sesi temu bual yang dijalankan. Subjek bersetuju bahawa kaedah *Multisensory* telah membantu subjek kajian untuk menguasai topik Bentuk Muka Bumi dan Kepentingannya dengan lebih mudah dan baik. Keseluruhan hasil kajian menunjukkan peningkatan positif dan boleh disifatkan sebagai kejayaan oleh pengkaji sepanjang tempoh intervensi dijalankan.

5.6 Refleksi

Semasa intervensi dilaksanakan, pengkaji mendapati subjek melibatkan diri dengan lebih aktif dan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih menyeronokkan dengan menggunakan kaedah *Multisensory.* Kaedah ini juga dilihat dapat menarik minat dan fokus subjek kajian untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran pengkaji. Perkara ini seterusnya telah membawa kepada pencapaian kedua-dua objektif kajian.

Pengkaji juga turut menghadapi kekangan masa dan penggunaan salah satu bahan bantu mengajar yang dilihat kurang sesuai semasa intervensi dijalankan. Pengkaji merasakan tempoh masa sebulan tidak mencukupi untuk melihat keberkesanan kaedah ini secara terperinci dan menyeluruh. Begitu juga dengan penggunaan salah satu video yang dilihat kurang jelas dan tidak dapat difahami fokusnya oleh subjek kajian.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam kajian seterusnya ialah menggunakan instrumen penilaian selain daripada kaedah intervensi yang digunakan oleh pengkaji. Pengkaji juga ingin mengutarakan agar kajian seterusnya melibatkan lebih ramai subjek kajian malahan terdiri daripada murid yang mempunyai tahap pencapaian yang berbeza. Selain itu, pengkaji ingin mengesyorkan penambahan masa untuk setiap kitaran kajian bagi melihat keberkesanan kaedah ini secara menyeluruh. Tambahan juga, pengkaji juga ingin mencadangkan penyerapan kaedah ini dalam topik yang lain.

RUJUKAN

Abdullah Abdul Wahab (2005). Gaya Pembelajaran di Kalangan Guru Pelatih MPSAH. *Jurnal Penyelidikan MPSAH*, 9(3), 40-45.

Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin. (2011). *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Azman Fadzil (2008). *Penilaian, Pengukuran dan Pentaksiran*. Kuala Lumpur : Open University Malaysia.

Jenny R.R, Catherine A.K dan Robert L.D (2008). The Evolution Of The Importance Of Multi-Sensory Teaching Techniques In Elementary Mathematics: Theory And Practice. *Journal of Theory and Practice in Education*. 4 (2), 239-252.

Kartini Abdu Mutalib, Ahamad Shabudin Yahaya, Rosli Sahat dan Badrul Hisham Alang Osman. (2012). Menguasai Penyelidikan Tindakan: Untuk PISMP dan DPLI. Ipoh : Institut Pendidikan Guru KPM Kampus Ipoh.

Nassihah Ahmad Rosdi (2008). *Penggunaan Kaedah Multisensori Untuk Meningkatkan Daya Tumpuan Bagi Murid Autisme*. Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka.

Robert A.J dan Ladan S. (2010). *Visual Learning In Multisensory Learning*, 1-9. doi : 10.1111/j.1756-8765.2009.01056.x.

PENGGUNAAN PERMAINAN PUZZLE MAP MEMBANTU MURID TAHUN 5 MARIKH MELABEL KEDUDUKAN NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA

Oleh:

NORSYAFIKA BINTI NASIR
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan permainan puzzle map membantu murid tahun 5 marikh melabel kedudukan negara-negara di Asia Tenggara. Seramai empat orang murid dari kelas Tahun 5 Marikh telah dipilih sebagai subjek kajian. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual bersama murid dan ujian pra dan ujian pasca. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti permainan puzzle map ini telah berjaya membantu subjek melabel kedudukan negara-negara di Asia Tenggara berdasarkan peningkatan peratusan markah pemerhatian semasa kitaran 1 dan kitaran 2, respon positif daripada murid dan keputusan tahap pencapaian ujian pasca yang cemerlang. Keputusan kajian telah menunjukkan bahawa persoalan kajian telah terjawab iaitu subjek kajian dapat melabel kedudukan negara-negara di Asia Tenggara menggunakan permainan puzzle map dan dapat meningkatkan pencapaian markah ujian pasca berbanding dengan ujian pra. Beberapa cadangan kajian lanjutan bagi pengkaji yang ingin meneruskan kajian ini pada masa akan datang juga turut dicadangkan.

kata kunci: Permainan *puzzle map*

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalankan Paraktikum Fasa 3 di salah sebuah sekolah di kawasan Cheras, pengkaji mendapati sebahagian murid lemah untuk mengenal pasti dan melabel kedudukan negara dalam peta terutama dalam peta Asia Tenggara. Semasa mengajar tajuk 'Mengenali Negara-negara Asia Tenggara', pengkaji mendapati murid-murid sukar untuk mengenal pasti kedudukan negara-negara dalam peta Asia Tenggara. Ketika diberi lembaran kerja berkaitan tajuk ini, pengkaji mendapati terdapat segelintir murid yang salah memberikan jawapan dan tidak memenuhi ruang jawapan yang disediakan. Selain itu, apabila disoal secara lisan, murid tidak dapat menjawab dengan betul dan memberi alasan seperti *saya kelirulah cikgu, saya tak ingatlah cikgu.* Kaedah penerangan yang disampaikan oleh guru juga kurang menarik minat murid.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian pengkaji adalah membantu murid melabel kedudukan negara-negara di Asia Tenggara dalam kalangan murid Tahun 5 Marikh menggunakan permainan *puzzle map*.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan membantu murid Tahun 5 Marikh melabel kedudukan negara-negara Asia Tenggara menggunakan permainan *puzzle map*.

3.2 Objektif Khusus

i. Melabel kedudukan negara-negara dalam peta Asia Tenggara menggunakan permainan *puzzle map* dalam kalangan murid Tahun 5 Marikh.

ii. Meningkatkan pencapaian markah ujian pasca murid Tahun 5 Marikh berbanding ujian pra selepas menggunakan kaedah permainan *puzzle map*.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran adalah seramai empat orang murid Tahun 5 Marikh yang terdiri daripada seorang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Pencapaian akademik mereka di dalam kelas adalah pada tahap yang lemah. Sampel yang dipilih terdiri daripada tiga orang bangsa Melayu dan seorang bangsa India. Pemilihan kumpulan sasaran ini adalah persampelan bertujuan.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah merancang satu pengajaran menggunakan kaedah belajar sambil bermain iaitu permainan puzzle map untuk membantu murid melabel kedudukan negara dalam peta Asia Tenggara. Pengkaji menggunakan Model Stphen Kemmis sebagai panduan pelaksanaan tindakan. Kemmis dalam Kartini Abdul Mutallib et.all (2012) menyatakan penyelididkan tindakan adalah satu proses yang berterusan tetapi terdapat gelungan-gelungan refleksi kendiri dalm perkembangan kajian.

5.1 Cara mengumpul data/maklumat

Data yang dikumpul daripada ujian pra dan ujian pasca dianalisis berdasarkan skema pemarkahan anlitikal. Menurut Maznah (2006), skema pemarkahan analitik bertujuan untuk menentukan keberkesanan penggunaan sesuatu kaedah dalam pembelajaran dan pengajaran melalui peratusan (%). Berikut menunjukkan pecahan skor pemarkahan anlitik yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini

Jadual 1
Skor Pemarkahan Analitik

Gred	Peratusan Markah (%)	Tahap Pencapaian
A	80-100	Cemerlang
B	60-79	Baik
C	40-59	Memuaskan
D	0-39	Gagal

Bagi menganalisis borang senarai semak, pengkaji menggunakan jadual kekerapan subjek kajian melabel kedudukan 11 buah negara Asia Tenggara. Jumlah kekerapan semasa pemerhatian satu dan dua dibuat untuk melihat sama ada murid dapat melabel lebih daripada lima buah kedudukan negara di Asia Tenggara. Selepas intervensi dijalankan, satu temubual berstruktur yang mengandungi tiga soalan telah dijalankan. Pengkaji membuat generalisasi terhadap pernyataan murid mengenai permainan puzzle map membantu mereka melabel kedudukan negara di Asia Tenggara.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji menggunakan kaedah triangulasi data semasa membuat tinjauan awal. Pengkaji telah menganalisis kertas ujian bulanan 1 murid. Berdasarkan keputusan ujian, semua murid lulus, namun pengkaji dapati terdapat empat orang murid tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam ujian. Apabila disemak kertas ujian, bahagian D tidak dilengkapkan dan jawapan yang diberikan semua salah. Pengkaji telah merujuk nota lapangan refleksi pengajaran dan pembelajaran (PdP) mendapati murid gagal mengenal pasti dan melabel kedudukan negara-negara Asia Tenggara. Sebagai contoh, semasa membuat lembaran kerja murid telah memberikan jawapan yang salah dan meninggalkan tempat kosong pada petak jawapan. Apabila disoal pula, mereka juga mengatakan bhawa mereka keliru dengan kedudukan negara yang berdekatan seperti Thailand, Mynamar, Laos, Vietnam dan Kampuchea. Selain itu, pengkaji juga telah menemubual guru mata pelajaran Kajian Tempatan Tahun 5 Marikh untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam mengingat kedudukan negara dalam peta dan mengesan murid yang lemah yang perlu diberi bimbingan secara intensif.

5.3 Tindakan mengatasi masalah

Pengkaji telah menjalankan intervensi kitaran 1 dan kitaran 2 dalam tindakan mengatasi masalah.

Jadual 2
Pelaksanaan Intervensi Kitaran 1 dan Kitaran 2

Bil.	Kitaran 1	Kitaran 2
1.	Guru menyampaikan pengajaran kepada subjek kajian menggunakan *puzzle map.*	Menggunakan permainan *puzzle map* semasa aktiviti dan menjadikan perkataan negara sebagai tanda label mengikut arah mata angin
2.	Menggunakan permainan *puzzle map* semasa aktiviti dan menjadikan nombor sebagai tanda label mengikut arah mata angin	Mengadakan kuiz kecil berkaitan tajuk pengajaran
3.	Membuat lembaran kerja untuk menguji kebolehan dan prestasi subjek kajian.	Menemubual subjek kajian untuk mengenal pasti keberkesanan permainan *puzzle map* membantu murid melabel kedudukan negara-negara Asia Tenggara.

5.4 KEPUTUSAN KAJIAN

Pemerhatian

Jadual 2
Keputusan Perbandingan Pemerhatian Kitaran 1 dan Kitaran 2

Subjek kajian	Jumlah kekerapan Kitaran 1	Jumlah Kekerapan Kitaran 2
Subjek A	6/11	11/11
Subjek B	3/11	9/11
Subjek C	5/11	11/11
Subjek D	4/11	9/11

Jadual 2 menunjukkan perbandingan jumlah kedudukan negara Asia Tenggara yang telah dilabel semasa kitaran 1 dan kitaran 2. Keputusan menunjukkan terdapat peningkatan yang ketara semasa subjek kajian melabel kedudukan negara-negara Asia Tenggara semasa kitaran 1 dan kitaran 2. Peningkatan ini menunjukkan bahawa permainan puzzle map dapat membantu murid melabel kedudukan negara-negara di Asia Tenggara.

Temubual

Pengkaji telah menjalankan temubual berstruktur terhadap empat orang subjek kajian selepas intervensi 2 dilaksanakan. Sebanyak tiga soalan telah ditanya kepada subjek kajian yang berkaitan tentang perasaan, keberkesanan kaedah belajar sambil bermain iaitu permainan puzzle map, dan isi pelajaran yang telah dipelajari. Pengkaji telah membuat generalisasi bahawa subjek kajian menunjukkan respon yang positif terhadap intervensi yang telah dijalankan dan kaedah yang digunakan. Subjek kajian juga dapat menyatakan kedudukan negara-negara yang berjiran dengan Malaysia. Subjek kajian juga bersetuju bahawa penggunaan permainan puzzle map dapat membantu melabel kedudukan negara-negara Asia Tenggara.

Ujian Pra dan Ujian Pasca



Rajah 1. Graf Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca.

Rajah 1 menunjukkan perbandingan peratusan markah ujian pra dan ujian pasca. Berdasarkan graf di atas, gred dan peratusan subjek kajian dalam topik ini telah meningkat daripada gagal kepada cemerlang. Sebanyak dua orang subjek kajian mendapat markah 100% dan dua orang subjek lain memperoleh markah sebanyak 80% dan 90%. Secara keseluruhannya, berdasarkan keputusan yang diperoleh ini menunjukkankan bahawa permainan puzzle map dapat membantu murid melabel kedudukan negara-negara Asia Tenggara.

5.5 Rumusan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan objektif kajian tercapai dan persoalan kajian telah terjawab. Hasil pemerhatian mendapati subjek kajian dapat melabelkan lebih daripada lima kedudukan negara dalam peta Asia Tenggara. Dapatan ini disokong dengan hasil temubualyang dilakukan ke atas subjek. Subjek bersetuju bahawa penggunaan permainan puzzle map dapat membantu mereka melabel kedudukan negara-negara Asia Tenggara. Subjek kajian juga seronok dan berminat dengan pembelajaran melalui kaedah belajar sambil bermain ini. Hal ini disokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Ahmad Mohd. Salleh (2004), iaitu permainan merupakan satu teknik yang baik dan untuk menjadikan pengajaran di sekolah lebih seronok, menarik dan praktis. Kanak-kanak akan memperoleh pembelajaran yang paling berkesan sekiranya mereka mempelajari sesuatu sesuai dengan minat, tujuan dan faedah mereka. Keputusan ujian pra dan ujian pasca telah menunjukkan peningkatan yang mendadak apabila subjek kajian telah mencapai keputusan yang cemerlang berbanding dengan ujian pra. Melalui keputusan yang diperoleh ini, pengkaji dapat membuktikan keberkesanan penggunaan permainan puzzle map membantu murid melabel kedudukan negara-negara di Asia Tenggara.

5.6 Refleksi

Pengkaji berharap hasil kajian dapat dimanfaatkan kepada murid-murid, guru-guru dan diri sendiri kelak untuk memperbaiki keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ketika di dalam bilik darjah. Kajian yang telah dijalankan ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada guru-guru untuk menggunakan kaedah belajar sambil bermain dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi guru mata pelajaran Kajian Tempatan khususnya, mereka dapat mempelbagaikan cara untuk mengajar murid memahami kedudukan negara dalam peta. Pembelajaran akan lebih menarik sekiramya melibatkan permainan di mana murid dapat melakukan sendiri aktiviti tersebut di samping dapat mengingat sesuatu dengan lebih baik, berbanding daripada hanya bergantung kepada penerangan guru sahaja dan menggunakan buku teks. Melalui kaedah belajar sambil bermain seperti permainan *puzzle map* ini dapat memberikan

keseronokkan dan secara tidak langsung dapat membantu murid menguasai isi pelajaran dengan lebih baik. Seterusnya, kajian ini juga dapat membantu menambahbaik amalan pengajaran guru melalui peningkatan tahap proesionalisme keguruan dalam diri sendiri. Pengalaman melaksanakan kajian tindakan dilihat membantu mengembangkan lagi pofesionalisme keguruan dalam diri pengkaji. Kajian tindakan berupaya mengembangkan kemampuan guru sebagai peneroka pengetahuan yang bersifat profesional selain berupaya merintis jalan bagi menangani pelbagai masalah pengajaran dan pembelajaran dengan tidak semata-mata mengamalkan pengetahuan yang dikemukakan oleh orang lain (Abdul Rahman Ishak, 2007).

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Cadangan kajian seterusnya adalah pengkaji boleh menggunakan pembelajaran interaktif iaitu power point yang dapat menarik minat murid. Sebagai contoh, murid dapat melabel kedudukan negara-negara Asia Tenggara menggunakan perisian power point interaktif yang mempunyai unsur grafk, warna, animasi, simulasi dan dialog. Dengan unsur multimedia yang menarik ini secara tidak langsung dapat mempercepatkan lagi proses pemahaman isi pelajaran yang ingin disampaikan dengan berkesan. Menurut Ee (2000), kelebihan menggunakan perisian power point ini dapat membantu pelajar yang lemah, memberi maklum balas yang cepat dan membantu dalam pemahaman murid. Selain itu, menambah bilangan kumpulan sasaran. Sekiranya dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan empat orang subjek tetapi kajian seterusnya pengkaji dapat menggunakan sampel seramai semua murid di dalam satu kelas. guru perlu kreatif dan inovatif dalam mengubahsuai kaedah yang bersesuaian dengan jumlah sasaran yang dikaji. Sebagai contoh, dalam kajian ini bahan bantu mengajar terhadap kepada satu bahan sahaja iaitu *puzzle map* yang menggunakan polistrene. Tetapi pengkaji boleh mengubahsuai bahan dengan menggunakan *mounting board* yang bersaiz A4 untuk dijadikan sebagai bahan bantu mengajar bagi aktiviti permainan *puzzle map.*

Cadangan lain adalah pelaksanaan permainan *puzzle map* juga boleh dilaksanakan secara berkumpulan. Guru boleh membahagikan sasaran kepada beberapa kumpulan dan memberikan satu tugasan dalam kumpulan untuk melengkapkan *puzzle* yang diberi dan melabel setiap kedudukan negara-negara pada peta Asia Tenggara dengan betul. Melalui pembelajaran koperatif ini, murid dapat membina akauntibiliti individu, interaksi yang baik dalam kumpulan dan dapat mengaplikasikan kemahiran sosial dalam aktiviti.

RUJUKAN

Abdul Rahman Ishak. (2007). *Guru Sebagai Penyelidik*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn Bhd.

Ee Ah Meng. (2000). *Pedagogi 1: Kurikulum Bilik Darjah*. Shah Alam. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kartini Abdul Mutallib. Ahamad Shabudin Yahya. Rosli Sahat. Badrul Hisham Alang Osman.(2012). Menguasai Penyelidikan Tindakan: Untuk PISMP dan DPLI. Ipoh : Institut Pendidikan Guru KPM.

Maznah Mahmood. (2000). *Miskonsepsi Dalam Operasi Penambahan Pecahan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

MENINGKATKAN SKOR MURID DALAM TAJUK ZON IKLIM DUNIA KAJIAN TEMPATAN TAHUN 5 MENGGUNAKAN MODEL KOPERATIF *"STUDENT TEAMS-ACHIEVEMENT DIVISIONS" (STAD)*

Oleh:

NUR ADILA HANI BINTI ABDUL HAMID
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji peningkatan skor murid dengan menggunakan kaedah koperatif model "Student Teams-Achievement Divisions (STAD)" terhadap murid tahun 5 yang menghadapi masalah mendapat skor yang rendah dalam tajuk Zon Iklim Dunia. Selain itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menambah baik amalan pengajaran saya berkaitan dengan pengajaran mata pelajaran Kajian Tempatan. Seramai 24 orang subjek yang telah dibahagikan kepada 4 kumpulan yang menghadapi masalah dalam memperoleh skor dalam ujian yang dijalankan bagi tajuk Zon Iklim Dunia. Data telah diperolehi melalui Ujian Pra dan Ujian Pasca, pemerhatian dan temu bual. Data tersebut dikumpul dan kemudian dianalisis. Analisis data mendapati STAD berjaya meningkatkan skor murid dalam tajuk Zon Iklim Dunia.

Kata kunci: pembelajaran koperatif, Student Team Achievement Division (STAD)

1.0 PENDAHULUAN

Pengkaji telah menjalani sesi praktikum pada fasa tiga selama 12 minggu di Sekolah Kebangsaan Sentul 2, Sentul, Kuala Lumpur. Pengkaji telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Kajian Tempatan bagi kelas 5 Cekap yang merupakan kelas ketiga daripada empat kelas bagi Tahun Lima. Populasi subjek yang berada dalam kelas ini adalah seramai 24 orang murid. Tinjauan mendapati mereka agak sukar untuk memahami fakta-fakta yang telah diajar meskipun baru selesai sesi pengajaran dan pembelajaran skor pencapaian subjek juga rendah.

Terdapat pelbagai kaedah sebagai alat bantu dalam mencari penyelesaian kepada masalah ini. Teknik yang digunakan oleh guru untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran adalah teknik koperatif. Teknik ini dapat membantu meningkatkan keberkesanan terhadap pencapaian murid. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu teori konstruktivisme.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati subjek mengalami masalah dalam mendapatkan skor yang baik dalam tajuk Zon Iklim Dunia. Terdapat beberapa ciri yang perlu dikenalpasti oleh subjek dalam tajuk ini. Mereka perlu membanding beza antara ciri-ciri tersebut. Antara ciri utama yang perlu dikenal pasti oleh murid adalah kawasan, suhu dan taburan hujan bagi setiap zon. Murid perlu memahami dan membanding beza setiap ciri bagi keempat-empat zon.

Pengkaji memfokuskan kajian terhadap 24 orang murid dalam kelas Tahun 5 Cekap. Bagi memudahkan kajian pengkaji membahagikan subjek kepada empat kumpulan. Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran iaitu aktiviti (STAD) setiap kumpulan mengandungi enam orang ahli yang terdiri daripada pelbagai tahap kebolehan, latar belakang dan jantina. Subjek daripada kelas ini terdiri daripada murid yang lemah daripada segi akademik namun begitu mereka mempunyai sahsiah yang baik dan sering membantu rakan yang mempunyai masalah dalam pembelajaran.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan skor murid-murid menggunakan Teknik Koperatif (STAD) "Student Teams-Achievement Divisions" dalam tajuk Zon Iklim Dunia Kajian Tempatan Tahun 5 di Sekolah Kebangsaan Sentul 2.

3.2 Objektif Khusus

Mengenalpasti adakah penggunaan teknik '*Student Team Achievement Division' STAD* mampu meningkatkan skor murid-murid dalam tajuk Zon Iklim Dunia.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 24 orang murid Tahun 5 Cekap berumur 11 tahun yang bersekolah di Sekolah yang terletak di sekitar kawasan Sentul, Kuala Lumpur. Subjek kajian terdiri daripada 16 orang lelaki dan 8 orang perempuan. Mereka dibahagikan kepada empat kumpulan yang terdiri daripada pelbagai tahap. Setiap kumpulan mempunyai tahap yang lemah sederhana dan baik.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti Ujian Pra dan Ujian Pasca, pemerhatian dan temubual untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk mengukur hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah koperatif *Student Team Achievement Division STAD* untuk meningkatkan kefahaman dan seterusnya skor murid dalam tajuk Zon Iklim Dunia.

5.1 Cara Mengumpulkan Data / Maklumat

Tiga instrumen yang digunakan pengkaji semasa menjalankan kajian iaitu Ujian Pra dan Ujian Pasca, pemerhatian dan temubual. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji membuat satu tinjauan awal terhadap responden yang terdiri daripada murid Tahun 5 Cekap. Berdasarkan tinjauan awal ini pengkaji telah menjalankan satu pemerhatian iaitu pengkaji telah menyediakan satu pemerhatian yang mendapati bahawa murid tidak dapat menjawab soalan ulangkaji guru secara lisan. Murid-murid tidak dapat memberikan ciri-ciri keempat-empat zon iklim dunia.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Dalam intervensi peringkat pertama ini, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah dalam bentuk kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai enam orang ahli kumpulan. Mereka dikehendaki melakukan pembentangan di dalam kelas setelah berbincang dalam kumpulan untuk menyelesaikan aktiviti yang diberikan oleh pengkaji. Diantara enam orang ahli kumpulan ini mempunyai tahap dan kebolehan yang berbeza. Markah yang diperolehi daripada Ujian Pra menjadi penanda aras peningkatan skor mereka. Semasa intervensi kedua kumpulan berstesyen telah dijalankan, guru menyediakan empat jenis aktiviti yang berbeza bagi setiap stesyen. Bagi aktiviti ini guru tidak menjalankan aktiviti di dalam kelas sebaliknya guru menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Murid lebih teruja dan bersemangat untuk menjalani aktiviti yang telah disediakan oleh guru. Penambahbaikan yang dilakukan semasa intervensi kedua adalah aktiviti setiap stesyen adalah berlainan dan subjek perlu melaksanakan kesemua aktiviti di keempat-empat stesyen yang telah disediakan oleh guru.

5.4 Keputusan Kajian
Perbandingan Perbezaan Ujian Pra dan Ujian Pasca



Rajah 1: Perbandingan Perbezaan Ujian Pra Dan Ujian Pasca

Berdasarkan ujian pra dan ujian pasca perbandingan dapat dilakukan dan daripada analisis yang dilakukan oleh pengkaji mendapati keempat-empat kumpulan berjaya meningkatkan skor kumpulan mereka. Semasa ujian pra kumpulan 1 mendapat skor yang paling tinggi namun begitu apabila ujian pasca dilaksanakan peningkatan yang dapat diperoleh oleh Kumpulan 1 adalah 3.33% dengan markah yang diperolehi oleh kumpulan ini adalah 28.33%. bagi kumpulan kedua pula mendapat 11.11% semasa Ujian Pra dan dapat meningkatkan skor sebanyak 18.33% apabila Ujian Pasca dilaksanakan, markah kumpulan yang diperoleh semasa Ujian Pasca adalah 29.44%. Bagi Kumpulan 3 semasa ujian pra markah yang diperoleh adalah 14.44% peratus namun peningkatan yang ketara dapat dilihat melalui Kumpulan ini apabila berjaya meningkatkan skor kumpulan mereka sebanyak 35%. Kumpulan 3 mendapat jumlah peningkatan skor yang tertinggi berbanding kumpulan 1, 2 dan 4. Markah yang diperoleh kumpulan 3 adalah 49.44. Kumpulan terakhir iaitu kumpulan 4 mendapat 16.11% semasa ujian pra berjaya meningkatkan skor sebanyak 16.67% dan mendapat skor sebanyak 32.78% semasa ujian pasca.

Pemerhatian

Berdasarkan senarai semak melalui pemerhatian terhadap tingkah laku subjek mendapati ada perubahan yang berlaku. Perbandingan diantara pemerhatian semasa intervensi pertama dan intervensi kedua menunjukkan terdapat perubahan tingkah laku dalam kumpulan. Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan oleh pembantu guru semasa intervensi dijalankan.

Temubual

Berdasarkan soalan temubual yang dibina pengkaji telah menemubual 3 orang subjek daripada 4 kumpulan kajian yang telah dijalankan. Kelima lima soalan temubual ini adalah berdasarkan tema minat subjek terhadap aktvititi berkumpulan yakni kaedah koperatif yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian.

Analisis terhadap soalan 1 menunjukkan subjek 1, 2 dan 3 berminat dengan gaya pembelajaran berkumpulan. Ketiga tiga subjek merasakan belajar secara berkumpulan lebih menyeronokkan. Bagi soalan 2 menunjukkan subjek lebih berminat belajar secara berkumpulan berbanding secara individu kerana apabila mereka belajar secara berkumpulan terdapat rakan – rakan yang akan membantu mereka semasa menjalankan aktiviti. Soalan 3 pula memfokuskan kepada tajuk Zon Iklim Dunia yang telah

dijadikan sebagai kajian pengkaji. ketiga-tiga subjek menyatakan bahawa dengan belajar secara berkumpulan atau koperatif ini mereka sedikit berminat dengan tajuk berbanding jika sebelum ini belajar secara berpusatkan guru mereka tidak mendengar penerangan guru tetapi lebih kepada bermain ketika guru sedang mengajar. Soalan 4 pula menunjukkan bagaimana pembelajaran berkumpulan dapat menarik minat subjek untuk mempelajari tajuk Zon Iklim Dunia. Ketiga-tiga subjek memberikan jawapan agak berminat kerana mereka belajar sambil bermain. Pada intervensi kedua pengkaji telah membawa murid mengadakan sesi PdP di luar kelas. Soalan yang terakhir iaitu yang soalan 5 pengkaji mengemukakan soalan berkenaan hasil kerja yang telah mereka laksanakan meningkatkan motivasi mereka terhadap minat mereka terhadap pembelajaran. Ketiga-tiga subjek menunjukkan bahawa mereka semakin berminat disebabkan boleh mendapat bantuan rakan dan belajar sambil menjawab soalan di luar kelas.

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan dapat dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 2 September 2014. Kajian ini melibatkan tempoh intervensi selama 4 minggu iaitu daripada 7 Julai 2014 hingga 8 Ogos 2014.

Pengajaran kaedah intervensi ini telah melibatkan pengajaran teknik koperatif '*STAD'* ke atas 24 orang subjek yang telah dibahagikan kepada enam kumpulan. Tujuan kaedah ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan skor murid dalam tajuk Zon Iklim Dunia.

5.6 Refleksi

Pengkaji berharap hasil dapatan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada guru, individu, serta diri sendiri pada masa hadapan untuk meningkatkan skor murid dalam menjawab soalan ujian yang dikemukakan bagi tajuk Zon Iklim Dunia. Kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji untuk membuktikan bahawa penggunaan kaedah Koperatif STAD ini mampu membantu mempertingkatkan minat dan sekaligus meningkatkan peratus skor subjek dalam ujian yang diberikan.

Sebelum intervensi dijalankan, pengkaji hanya menggunakan strategi berpusatkan guru iaitu guru menerangkan di hadapan kelas dan murid hanya mendengar. Didapati murid-murid tidak dapat mengikuti pengajaran dan tidak memberikan tumpuan semasa di dalam kelas. Terdapat murid yang bermain dan berbual semasa guru sedang mengajar. Tambahan pula subjek kajian tidak aktif semasa di dalam kelas apabila guru mengajar mereka tidak bertanya dan hanya mengatakan faham apabila guru meminta mereka menyatakan sebarang persoalan yang tidak difahami. Namun, setelah pengkaji menggunakan kaedah koperatif STAD ini untuk mengajar tajuk Zon Iklim Dunia, subjek kelihatan lebih menumpukan perhatian kerana mereka perlu menjalankan sendiri aktiviti tersebut. Subjek juga sangat aktif semasa aktiviti dijalankan. Mereka juga dapat meningkatkan minat belajar secara berkumpulan. Mereka saling bantu membantu rakan yang lemah dalam kumpulan mereka.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikkan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikkan bagi membantu meningkatkan kefahaman dan skor murid dalam tajuk Zon Iklim Dunia adalah memberi lebih banyak masa untuk menjalankan aktiviti intervensi. Selain itu, pengkaji merasakan bilangan ahli kumpulan perlu dikurangkan supaya aktiviti yang dijalankan lebih berkesan dan semua ahli boleh melibatkan diri.

RUJUKAN

Anisah Harun dan Nurhijrah Zakaria. (2011). Tahap Kesediaan Pentadbiran Sekolah Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Matapelajaran Pengajian Sosial. Muaadib Jurnal Penyelidikan, Jilid VII, 97-110.

Azwani Ismail. (2012). Kesan Model STAD Terhadap Sikap dan Kemahiran Berkomunikasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. Jurnal Pendidikan dan Latihan, Jilid 4 Bil 1, 65-78.

Badariah Hashim. (2009). Penggunaan Pembelajaran Berkumpulan Untuk Meningkatkan Pencapaian Pelajar dalam matapelajaran Fizik. Jurnal Penyelidikan Dedikasi, Jilid 1, 91-104.

Hajah Noresah Baharom. (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashilah Abd. Rahman dan Suria Baba. (2008). Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Koperatif dalam Aktiviti Menulis Karangan Bahasa Melayu Tahun 5. Jurnal Semarak Bahasa. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Bahasa Melayu. Bil 1/2008, 79-91

Hatija Saleng. (2011). Strategi Koperatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Pengajian Am . Kompilasi Kajian Tindakan Edisi 2, 40-65.

Ismail Said. (2009). Kaedah Pemelajaran Koperatif Sekolah Rendah. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Manisah Manshor dan Tengku Zawawi. (2011). Kesan Pembelajaran Koperatif ke atas Pencapaian Matematik dan Pengekalan Pengetahuan dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. Muaddib Jurnal Penyelidikan, Jilid VII, 1-31.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 5 DALAM TAJUK PERDAGANGAN ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA MELALUI KAEDAH CARTA KLASIFIKASI.

Oleh:

NUR AIN BINTI BAHRIM
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan pencapaian murid melalui kaedah carta klasifikasi dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Sampel kajian terdiri daripada dua orang murid perempuan dan tiga orang murid lelaki. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada ujian pra dan pasca, ujian formatif dan juga sesi temu bual bagi melihat tahap pencapaian murid sebelum dan selepas menggunakan kaedah ini. Hasil kajian mendapati tahap pencapaian murid telah meningkat melalui kaedah carta klasifikasi. Berdasarkan ujian pasca didapati kesemua kumpulan sasaran memperoleh tahap pencapaian yang cemerlang dimana tiga orang murid mendapat markah penuh di dalam ujian pasca tersebut berbanding ujian pra. Ini membuktikan bahawa markah murid dapat ditingkatkan menggunakan kaedah carta klasifikasi berbanding menggunakan kaedah "chalk and talk". Hasil kajian ini mencadangkan supaya dijalankan sesi pengajaran dengan menggunakan kaedah ini secara koperatif di dalam kumpulan bagi tajuk-tajuk yang berlainan dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

Kata kunci : Carta klasifikasi.

1.0 PENDAHULUAN

Sepanjang pengkaji menjalani praktikum, pengkaji mendapati kebanyakan murid mempunyai tahap kefahaman yang lemah dalam memahami fakta yang dibaca di dalam buku teks. Mereka juga sukar mengingat fakta-fakta yang terdapat di dalam buku teks dan apa yang dijelaskan oleh pengkaji secara lisan. Ini dapat dilihat apabila pengkaji menanyakan soalan kepada mereka, mereka tidak dapat menjawab soalan yang diajukan dan menyatakan mereka tidak mamahami apa yang dibaca di dalam buku teks. Terdapat juga segelintir murid yang meminta guru untuk menjelaskan semula apa yang telah dibaca di dalam buku teks dengan memberikan gambaran mengenai apa yang cuba disampaikan oleh guru. Ini kerana murid pada tahap ini memerlukan penjelasan dalam bentuk visual berbanding lisan.

Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah carta klasifikasi dalam membantu murid meningkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Pengkaji turut menggunakan Teori Perkembangan Kognitif serta Visual, Auditori dan Kinestatik (VAK) dalam melaksanakan kajian ini bagi membantu meningkatkan pencapaian murid yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran.

2.0 FOKUS KAJIAN

Berdasarkan masalah yang dilihat oleh pengkaji melalui proses pengajaran yang lalu, memberi kesedaran kepada pengkaji bahawa satu kaedah yang berkesan perlu digunakan untuk menarik minat murid supaya terus kekal dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan sekali gus memahami apa yang diterangkan supaya proses pengajaran dan pembelajaran tersebut lebih bermakna dan tidak membuang masa. Masalah yang dihadapi oleh murid yang sukar memahami apa yang diajar ini dilihat berkaitan dengan kaedah yang digunakan oleh pengkaji ketika mengajar. Penerangan yang panjang tidak dapat memberi rangsangan kepada murid dan menjadikan mereka bosan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sehingga menunjukkan sikap dingin dan tidak mahu belajar. Menurut Pierangelo & Giuliani (2006), kebanyakan kanak-kanak boleh membaca, namun demikian tidak boleh memahami apa yang telah dibaca.

Pengkaji telah memfokuskan kajian ini terhadap kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi menyelesaikan masalah murid yang tidak memahami dan mengenal pasti maklumat yang terdapat di dalam topik pembelajaran mereka serta apa yang telah dibaca. Pengkaji turut memfokuskan kajian

bagaimana cara untuk meningkatkan pencapaian murid melalui kaedah carta klasifikasi. Menurut Mok (2010) keistimewaan carta klasifikasi ialah tidak memerlukan ayat yang panjang, hanya isi-isi yang penting sahaja yang dimasukkan dalam carta, memberi fokus kepada tumpuan pelajar dan memperkembang pemikiran kritis serta mudah disediakan dan diperoleh. Oleh itu, isu bagi kajian ini ialah bagaimana untuk meningkatkan pencapaian murid tahun 5 Adil dalam tajuk Perdagangan Zaman Kesultanan Melayu Melaka melalui kaedah carta klasifikasi. Menurut Ishak Ramly (2005), carta adalah sebagai satu bahan yang digunakan untuk menerangkan idea atau konsep dalam bentuk visual.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan tahap pencapaian murid tahun 5 Adil dalam tajuk Perdagangan Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

3.2 Objektif Khusus

Murid dapat menjawab soalan berbentuk isi tempat kosong dengan betul berdasarkan carta klasifikasi yang digunakan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 5 orang murid tahun 5 Adil, Sekolah Kebangsaan Batu Sembilan Jalan Cheras yang mempunyai masalah dalam memahami tajuk Pusat Perdagangan Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kumpulan sasaran ini terdiri daripada 3 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan yang kesemuanya berbangsa Melayu. Pemilihan ini dibuat berdasarkan analisis ujian formatif dan hasil soal selidik terhadap murid ketika di dalam kelas yang telah dilaksanakan oleh pengkaji di dalam tinjuan awal.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti soal selidik dan ujian formatif bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi dan bagi melihat keberkesanan intervensi yang telah dilaksanakan kepada subjek kajian. Pengkaji telah menetapkan untuk menggunakan kaedah carta klasifikasi dalam meningkatkan pencapaian murid tahun 5 dalam tajuk Perdagangan Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pengkaji turut merancang tindakan yang akan dilaksanakan di dalam intervensi bagi membantu subjek meningkatkan tahap pencapaian mereka. Pengkaji juga telah memilih instrumen yang akan digunakan bagi mendapatkan maklumat dan menilai keberkesanan kaedah yang dipilih semasa intervensi dengan menggunakan ujian pra dan pasca, temu bual dan ujian formatif.

5.1 Cara pengumpulan data / maklumat.

Pengkaji telah memilih untuk menggunakan ujian formatif dan soal selidik bagi mendapatkan maklumat mengenai tahap pencapaian subjek dalam tinjauan awal. Instrumen ini dipilih mengikut kesesuaian maklumat yang ingin diperoleh oleh pengkaji mengikut kesesuaian data yang ingin dikumpul. Manakala dalam intervensi pula, pengkaji telah menggunakan ujian pra dan pasca, ujian formatif dan temu bual bagi melihat tahap pencapaian subjek bagi mendapatkan pandangan dan penerimaan subjek mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Menurut Othman Lebar (2012), ujian pra dan pasca merupakan kaedah yang paling disarankan untuk membuat perbandingan kumpulan sasaran dan mengukur tahap perubahan yang berlaku sebelum dan selepas melakukan intervensi.

5.2 Analisis tinjauan awal.

Pengkaji telah menggunakan ujian formatif bagi mendapatkan maklumat dan data awal mengenai tahap kefahaman subjek terhadap pengajaran guru yang hanya menggunakan *white board* dan buku teks sebagai medium pengajaran. Ujian ini telah dianalisis dalam bentuk peratus. Pengkaji turut menggunakan soal selidik bagi mendapatkan pandangan subjek mengenai mata pelajaran kajian tempatan serta kaedah

pengajaran yang digunakan oleh pengkaji dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan analisis tinjauan awal mendapati, bahawa terdapat sebilangan murid yang masih tidak memahami topik pembelajaran dan keliru dengan maklumat yang diperoleh dan dibaca. Daripada hasil dapatan ini maka pengkaji telah mengambil subjek yang terdiri daripada murid yang lemah dan masih tidak menguasai topik pembelajaran untuk mengikuti intervensi yang telah dirancang oleh pengkaji bagi membolehkan subjek menguasai topik yang dipelajari dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian subjek dalam topik Perdagangan Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

5.3 Tindakan menangani masalah.

Pengkaji telah menggunakan Model Penyelidikan Tindakan Stephen Kemmis dalam melaksanakan kajian ini. Di dalam model penyelidikan ini terdapat 4 fasa di dalam setiap kitaran iaitu fasa merancang, fasa tindakan, fasa memerhati dan fasa refleksi. Dalam intervensi pertama, pengkaji telah merancang untuk menggunakan kaedah carta klasifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kad perkataan. Pengkaji juga telah menyediakan ujian pra dan ujian formatif untuk dilaksanakan sebelum dan selepas intervensi pertama. Dalam fasa tindakan pula pengkaji telah melaksanakan ujian pra sebelum melaksanakan intervensi dalam P&P dan melaksanakan ujian formatif setelah melaksanakan intervensi. Dalam fasa memerhati, pengkaji telah menganalisis ujian yang telah dilaksanakan oleh subjek dan membuat refleksi berdasarkan tahap pencapaian murid setelah menggunakan kaedah carta klasifikasi dalam proses P&P. Pengkaji telah merancang intervensi kedua kerana terdapat subjek yang masih tidak mencapai tahap pencapaian yang ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji telah menambah baik kaedah carta klasifikasi dengan menggunakan gambar dan melaksanakan ujian pasca di akhir proses P&P bagi melihat tahap pencapaian murid setelah melaksanakan intervensi kedua. Menurut Mok (2009), pelajar visual tidak memerlukan penerangan lisan seperti pelajar auditori.

5.4 Keputusan kajian.
Ujian pra dan pos



Rajah 1: Perbandingan antara ujian pra dan pasca.

Berdasarkan ujian pra dan pasca dalam rajah 1 menunjukkan berlaku peningkatan pencapaian subjek dalam ujian pasca setelah menggunakan kaedah carta klasifikasi berbanding ujian pra yang tidak menggunakan carta klasifikasi. Secara keseluruhan, subjek telah menunjukkan pencapaian yang ketara di mana keseluruhan subjek mendapat peratus markah 76 % dan ke atas di dalam ujian pasca. Berdasarkan ujian pasca juga menunjukkan bahawa 3 orang subjek telah mendapat markah sebanyak 100%. Ini menunjukkan persoalan kajian telah tercapai melalui ujian pasca yang telah dilaksanakan oleh pengkaji.

Ujian formatif



Rajah 2 : Peratus ujian formatif subjek.

Keputusan ujian formatif menunjukkan berlaku peningkatan terhadap tahap pencapaian subjek berbanding sebelum menggunakan carta klasifikasi dalam proses P&P. Walaupun peratus keputusan ujian formatif ini tidak menyeluruh, namun berlaku peningkatan terhadap pencapaian subjek dan ini merupakan perubahan positif kepada subjek yang lemah dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

Temubual.

Pengkaji telah melaksanakan temu bual berstruktur bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam bagi melihat pandangan dan pendapat subjek. Menurut Zaidatol Akmalia Lope Pihie (2011), temu bual digunakan untuk meninjau persepsi subjek. Berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan mendapati subjek lebih memahami pelajaran yang disampaikan oleh pengkaji dengan menggunakan carta klasifikasi. Ini dapat dilihat apabila peratus markah ujian subjek meningkat berbanding sebelum menggunakan carta klasifikasi.

Subjek turut menyatakan bahawa dengan penggunaan carta klasifikasi membuatkan proses P&P menjadi lebih seronok dan tidak membosankan. Subjek boleh menerima kaedah yang digunakan iaitu penggunaan carta klasifikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Subjek juga secara keseluruhannya tidak memahami maklumat yang terdapat di dalam buku teks kerana maklumat yang terdapat di dalam buku teks tidak menunjukkan proses dan maklumat penting secara terperinci yang menyebabkan subjek hanya mampu membaca tanpa memahami isi yang dibaca. Maka ini jelas menunjukkan bahawa subjek harus memahami sesuatu maklumat sebelum mereka boleh mengingat dan menggunakan maklumat yang diperolehi untuk jangka masa yang panjang. Pengkaji telah mentranskripkan temu bual bersama subjek. Soalan yang diajukan oleh pengkaji mengandungi 5 soalan yang untuk melihat persepsi, minat dan perasaan subjek terhadap proses P&P pengkaji.

5.5 Rumusan Kajian

Pengkaji telah melaksanakan kajian ini sepanjang minggu intership. Pengkaji telah menggunakan carta klasifikasi dan kad perkataan semasa intervensi pertama. Tahap pencapaian subjek meningkat namun tidak menyeluruh menyebabkan pengkaji merancang untuk melaksanakan intervensi kedua. Di dalam intervensi kedua pengkaji telah menambah baik bahan yeng digunakan dengan memasukkan gambar bagi membolehkan subjek lebih memahami maklumat yang disampaikan. Menurut Piaget (1980 dalam Mok, 2010), murid di sekolah rendah berada di peringkat operasi konkrit (7-12 tahun) dan keupayaan berfikir secara logik masih terbatas kepada konkrit sahaja dan tidak boleh menyelesaikan masalah yang kompleks.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan didapati kaedah yang dipilih oleh pengkaji berjaya meningkatkan pencapaian subjek dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Persoalan dan objektif kajian turut tercapai berdasarkan hasil analisis ujian yang dilaksanakan dan menunjukkan peningkatan yang ketara terhadap prestasi subjek dalam palajaran setelah menggunakan kaedah carta klasifikasi dalam proses P&P.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah menggunakan pelbagai kemudahan seperti internet dan perpustakaan untuk mendapatkan maklumat dan rujukan yang berkaitan dengan kajian ini. Pengkaji turut merujuk pensyarah bagi meminta pandangan serta nasihat bagi menambah baik kaedah dan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

Namun begitu, kekangan dari aspek masa dan perancangan dalam melaksanakan kajian ini menyebabkan pengkaji terpaksa mengumpulkan data yang diperlukan pada waktu yang singkat.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dilakukan dalam kajian yang seterusnya iaitu menggunakan peta *i-think* bagi melatih murid untuk berfikir secara kreatif dalam mendapatkan maklumat. Penggunaan media seperti video dan *power point* juga mampu menarik minat subjek untuk mengikuti P&P. Pengkaji juga boleh menggunakan kaedah belajar sambil bermain bagi membolehkan subjek terlibat secara aktif dalam proses P&P. Penggunaan kaedah koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran turut mampu meningkatkan kefahaman subjek secara langsung dalam proses mendapatkan maklumat. Pembelajaran secara koperatif juga boleh dilakukan dengan menggunakan carta klasifikasi dalam kumpulan yang kecil bagi membolehkan murid berbincang dan melaksanakan tugasan bersama. Selain itu, pengkaji juga boleh melakukan aktiviti seperti kuiz dengan memberikan ekonomi token atau ganjaran kepada subjek untuk menarik minat dan fokus subjek bagi mengikuti proses pengajaran.

.

RUJUKAN

Ishak Ramly. (2005). *Inilah Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Mok, S. S. (2009). *Siri Pengajian Profesional Perkembangan Kanak-Kanak*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Selangor.

Mok, S. S. (2010). *Psikologi Pendidikan Dan Pedagogi Murid Dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Othman Lebar. (2012). *Kajian Tindakan Dalam Pendidikan: Teori Dan Amalan.* Reka Cetak. Sdn. Bhd. Selangor.

Pierangelo,R., & Giuliani, G, A. (2006). *Assessment In Special Education: A Practical Approach (2nd Edition)*. Boston: Pearson.

Zaidatol Akmalia Lope Pihie. (2011). *Transformasi Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Dan Hala Tuju.* Selangor. Universiti Putra Malaysia.

KEBERKESANAN KAEDAH *SMART NOTES* DALAM MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID BAGI TOPIK KEGIATAN EKONOMI DAN LOKASI KE ATAS LIMA MURID TAHUN 6 JUJUR

Oleh:

NUR AZRIN BINTI MOHAMMED MOHAYADDIN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Subjek Kajian Tempatan merupakan subjek yang menuntut ketekunan murid untuk menghafal banyak fakta, istilah, nama-nama negeri, tokoh dan melabel. Satu kaedah yang sesuai dan menepati cita rasa murid masa kini perlu dicari agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dikendalikan oleh guru Kajian Tempatan akan mencapai kepuasan yang maksimum. Menyedari pencapaian murid yang tidak memberangsangkan serta kemahiran mengingat dan mencatat nota yang lemah, penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran ini. Kajian dilakukan dengan mengaplikasikan kaedah Smart Notes untuk membantu murid-murid mencatat nota isi pelajaran Kajian Tempatan agar dapat meningkatkan pencapaian murid-murid. Kajian dijalankan ke atas lima orang murid Tahun 6 Jujur Sekolah X, Kuala Lumpur. Segala maklumat yang diperlukan untuk dianalisis diperolehi melalui ujian pra pasca, temu bual, soal selidik dan pemerhatian. Berdasarkan dari dapatan kajian, didapati kaedah Smart Notes dapat meningkatkan pencapaian lima orang murid-murid Tahun 6 Jujur dan menjadikan pembelajaran menjadi bermakna. Keputusan kajian membuktikan bahawa penggunaan kaedah Smart Notes berjaya membantu meningkatkan pencapaian murid-murid dalam tajuk Kepentingan Ekonomi dan Lokasi.

Kata kunci: Keberkesanan, Kaedah, *Smart Notes*, Meningkatkan Pencapaian,Mengingat

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati terdapat sebahagian murid-murid yang tidak dapat menguasai isi penting subtopik pelajaran mengenai Kegiatan Ekonomi dan Lokasi yang telah diterangkan oleh guru sehingga menjejaskan pencapaian mereka. Pengkaji dapati subjek yang telah dikenal pasti ini mempunyai masalah dalam mencatat nota dan tidak dapat mengingat sesuatu fakta untuk jangka masa panjang. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kaedah *Smart Notes* dalam membantu subjek mengatasi masalah ini seterusnya meningkatkan pencapaian mereka.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati murid-murid mengambil catatan nota dengan cara yang salah apabila mereka menyalin keseluruhan ayat yang terdapat di dalam buku teks serta murid-murid tidak mampu untuk mengingat kembali isi pelajaran yang di ajarkan pada sesi pembelajaran dan pengajaran kelas sebelumnya. Justeru fokus kajian adalah untuk meningkatkan kemahiran mencatat nota bagi murid-murid agar dapat meningkatkan kemahiran mengingat sekaligus meningkatkan pencapaian murid-murid.

Kajian ini difokuskan kepada lima orang murid Tahun 6 Jujur yang menunjukkan penguasaan yang lemah dalam topik Kegiatan Ekonomi dan Lokasinya. Subjek seterusnya diajarkan mencatat nota dengan menggunakan kaedah *Smart Notes* serta mengaplikasinya untuk mencatat nota pelajaran.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian bagi lima orang subjek Tahun 6 Jujur dalam mata pelajaran Kajian Tempatan menerusi kaedah *Smart Notes.*

3.2 Objektif Khusus

- Dapat meningkatkan pencapaian untuk tajuk Kegiatan Ekonomi dan Lokasi dengan menggunakan kaedah catatan kreatif berwarna *Smart Notes.*
- Menilai keberkesanan kaedah *Smart Notes* dalam meningkatkan pencapaian subjek bagi tajuk Kegiatan Ekonomi dan Lokasi.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan lima orang murid Tahun 6 Jujur yang bersekolah di Sekolah X di sekitar Kuala Lumpur. Subjek kajian melibatkan dua orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Kesemua subjek adalah normal dan di dalam kategori pencapaian sederhana di dalam kelas.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian, pemerhatian, soal selidik dan temu bual untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian.

5.1 Cara mengumpulkan data/maklumat

Empat instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal ialah ujian, pemerhatian, soal selidik dan temubual begitu juga bagi melihat hasil intervensi yang telah dilaksanakan. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menggunakan ujian, pemerhatian, soal selidik dan juga temu bual. Ujian yang digunakan mengandungi 10 soalan objektif dan juga 20 soalan subjektif. Pemerhatian dilakukan secara tidak berstruktur ketika sesi pdp berlangsung, soal selidik sebanyak 10 item dan juga temu bual yang dilakukan ke atas lima orang subjek.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa kitaran 1, pengkaji telah mengajarkan subjek untuk mencatat nota dengan menggunakan kaedah *Smart Notes* iaitu dengan menggunakan peta minda dan juga penggunaan warna dalam mengasingkan isi penting. Namun hasil kerja subjek tidak menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan menyebabkan pengkaji meneruskan kitaran 2 dengan memecahkan peta minda yang dihasilkan mengikut subtopik agar lebih ringkas serta membekalkan gambar dan peta lokasi supaya subjek lebih jelas dan mudah untuk mengingat.

5.4 Keputusan



Rajah 1: Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam Rajah 1 menunjukkan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan. Jumlah perbezaan peratusan ujian pra dan ujian pasca adalah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan bagi setiap subjek. Perbezaan yang ketara ini amat positif dalam membuktikan keberkesanan intervensi dijalankan. Sekaligus menunjukkan kaedah *Smart Notes* mampu meningkatkan tahap pencapaian 5 orang subjek dalam topik Kegiatan Ekonomi dan Lokasinya.

Pemerhatian

Sesi pemerhatian dilaksanakan semasa kitaran 1 dan kitaran 2 berlangsung. Pemerhatian dilakukan terhadap tingkah laku subjek ketika sesi pdp berjalan dan diukur dengan menggunakan kekerapan.

Jadual 1
Perbandingan Pemerhatian Tingkah laku Subjek Ketika Kitaran Satu dan Dua

Bil.	**Tingkah Laku Subjek**	**Kekerapan**		
		K1	**K1**	**Perbezaan**
1.	Membuat kerja lain semasa guru mengajar • Berangan-rangan • Melukis • Memandang kosong	**10**	**2**	**-8**
2.	Berborak dengan rakan ketika guru mengajar	**8**	**3**	**-5**
3.	Bertembung mata dengan pengkaji	**3**	**9**	**+6**
4.	Eksperi muka yang ceria	**3**	**9**	**+6**
5.	Subjek cuba menjawab soalan yang diberikan pengkaji	**2**	**7**	**+5**
6.	Subjek dapat membuat rumusan mengenai isi pelajaran dengan tepat.	**0**	**5**	**+5**
7.	Menganggu rakan lain	**9**	**3**	**-6**
8.	Fokus membuat latihan yang diberi	**2**	**5**	**+3**

Jadual 1 di atas menunjukkan perbezaan kekerapan tingkah laku subjek ketika sesi pdp. Dapat dilihat perbezaan postif yang berlaku di dalam kitaran 1 dan juga kitaran 2. Peningkatan ini menunjukkan keberkesanan intervensi yang dijalankan terhadap subjek dalam menarik minat subjek ketika sesi pdp.

Soal selidik

Pengkaji telah menggunakan soal selidik dalam kajian ini bertujuan untuk mengetahui perasaan, kesan dan maklum balas mengenai kaedah *Smart Notes* yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 1
Analisis Data Bagi Setiap Item Soal Selidik Selepas Perlaksanaan Kaedah Smart Notes

Bil	Item	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Pengajaran guru lebih menarik dan mudah untuk difahami selepas menggunakan kaedah *Smart Notes.*	100	-
2.	Saya lebih mudah untuk mengingati isi pelajaran selepas menggunakan kaedah *Smart Notes*.	100	-
3.	Saya dapat menjawab ujian dengan lebih baik.	100	-
4.	Saya dapat melabelkan Lokasi Kegiatan Ekonomi di atas peta.	100	-
5.	Saya dapat menyatakan hasil bagi setiap Kegiatan Ekonomi dengan tepat.	100	-
6.	Saya dapat membezakan Kegiatan Ekonomi mengikut jenisnya.	100	-
7.	Saya boleh mengaplikasikan kaedah *Smart Notes* untuk tajuk dan mata pelajaran lain.	100	

Berdasarkan Jadual 1, kelima-lima subjek ataupun 100% subjek bersetuju bahawa kaedah *Smart Notes* dapat menjadikan pengajaran guru lebih menarik dan mudah untuk difahami. Subjek juga bersetuju bahawa kaedah *Smart Notes*, memudahkan mereka untuk mengingati isi pelajaran yang menyebabkan mereka dapat menjawab ujian dengan lebih baik berbanding ujian pra.

Temu bual

Temu bual dijalankan secara berstruktur ke atas 5 orang subjek. Sebanyak 3 soalan disediakan dan diajukan kepada subjek. Hasil dari temu bual yang dicatatkan dan dirakam serta dipindahkan dalam bentuk transkripsi, pengkaji dapat membuat generalisasi bahawa kaedah *Smart Notes* memberikan kesan yang positif terhadap cara subjek mengambil nota, perasaan dan sekaligus dapat meningkatkan pencapaian murid-murid.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat dengan menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan ujian dan instrumen-instrumen lain. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 2 september 2014. Kajian ini melibatkan tempoh intervensi selama 3 minggu.

Pengajaran kaedah intervensi ini telah melibatkan pengajaran kaedah *Smart Notes* ke atas 5 orang subjek dalam meningkatkan pencapaian subjek bagi tajuk Kegiatan Ekonomi dan Lokasinya.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari pelbagai maklumat dari pelbagai sumber seperti perpustakaan negara dan juga perpustakaan institut. Hasilnya pelbagai bahan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menyiapkan laporan. Melalui kajian juga pengkaji dapat meningkatkan pencapaian subjek dalam tajuk Kegiatan Ekonomi dan Lokasinya di samping dapat mengajar cara yang betul untuk menyalin nota dan meningkatkan kemahiran mengingat subjek.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambah baikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam kajian seterusnya ialah memberi lebih peluang kepada subjek untuk membuat *Smart Notes* sama ada dalam bentuk latihan mahupun aktiviti berkumpulan agar subjek menjadi terbiasa dengan kaedah ini.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan untuk meluaskan penggunaan kaedah *Smart Notes* dalam subjek yang lain bagi menilai keberkesanan dan kebolehpercayaan kaedah ini dalam meningkatkan pencapaian murid-murid.

RUJUKAN

Choong L.K. (2011). *Murid Dan Belajar*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd

Mahani Razali, Ramlah Jantan dan Shahabuddin Hashim. (2007). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur:PTS Publication

Mok Soon Sang (2009). *Perkembangan Kanak-Kanak*. Selangor:Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID BAGI TAJUK KEGIATAN EKONOMI DAN JENIS PEKERJAANNYA DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK *COLOURFUL MAPPING* KE ATAS LIMA ORANG MURID TAHUN 6 AMANAH

Oleh:

NURUL HIDAYAH BINTI MOHD NOR
Jabatan Pengajian Sosial

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk melihat adakah penggunaan teknik Colourful Mapping dapat meningkatkan pencapaian murid sebuah sekolah di Kuala Lumpur telah dipilih dalam kajian ini. Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada teknik Colourful Mapping dapat meningkatkan pencapaian murid dalam kegiatan ekonomi dan jenis pekerjaan. Tinjauan awal mendapati responden mempunyai masalah untuk mengenal pasti isi penting dan kurang mengingati fakta dalam tajuk Tegiatan Ekonomi dan Jenis Pekerjaan. Responden terdiri daripada lima orang subjek di sebuah sekolah di sekitar Kuala Lumpur. Insturmen yang digunakan oleh pengkaji ialah ujian, pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Keputusan menunjukkan responden meningkatkan pencapaian murid dengan menggunkan teknik Colourful Mapping setelah melakukan intervensi. Cadangan kajian seterusnya adalah dengan mempelbagaikan lagi aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya ialah permainan puzzle.

Kata kunci : *Colourful Mapping*,mengingati, meningkatkan pencapaian

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati murid-murid lemah dalam mengenal isi penting dan mengingati fakta penting dalam tajuk Kepentingan Kegiatan Ekonomi dan Jenis Pekerjaan. Pengkaji mendapati pencapaian subjek dalam mata pelajaran kajian tempatan juga lemah. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan teknik *Colourful Mapping* dalam membantu subjek untuk meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati subjek mempunyai masalah dalam mengingati fakta dan mengetahui isi-isi penting dalam sesuatu tajuk. Apabila murid tidak dapat mengambil isi penting menyebabkan murid kurang memahami isi pelajaran pada hari tersebut. Selagi gus, murid juga agak sukar untuk mengingati fakta yang telah diajar oleh pengkaji. Masalah sebegini sering terjadi dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Justeru itu teknik *Colourful Mapping* ini adalah untuk membantu subjek dalam mengenal pasti isi penting dalam tajuk Kepentingan Kegiatan Ekonomi dan Jenis Pekerjaan agar dapat meningkatkan pencapaian subjek.

Kajian ini difokuskan kepada lima orang murid tahun 6 Amanah yang menunjukkan penguasaan yang lemah dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Subjek diterangkan dengan menggunakan teknik *Colourful Mapping*, kemudian subjek diminta untuk melengkapkan nota mereka di dalam lembaran yang telah disediakan. Nota tersebut boleh jadikan rujukan pada masa yang akan datang.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian bagi lima orang subjek Tahun 6 Amanah dalam mata pelajaran KajianTempatan menerusi teknik *Colourful Mapping*.

3.2 Objektif Khusus

- Subjek dapat meningkatkan pencapaian untuk tajuk kepentingan kegiatan Ekonomi dan Jenis Pekerjaan dengan menggunakan teknik *Colourful Mapping*.

- Subjek dapat meningkatkan pencapaian dengan menggunakan teknik *Colourful Mapping* setelah intervensi dijalankan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan lima orang murid Tahun 6 Amanah yang bersekolah di sekolah Y di sekitar Kuala Lumpur. Subjek kajian melibatatkan dua orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Kesemua subjek kajian adalah normal dan di dalam kategori pencapaian yang rendah di dalam kelas.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian, analisis dokumen, soal selidik dan temu bual untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian.

5.1 Cara mengumpul data/maklumat

Pengkaji telah menggunakan empat instrumen dalam menjalankan tinjauan awal iaitu analisis dokumen, pemerhatian, soal selidik dan temu bual. Semasa menjalankan intervensi, pengkaji telah menggunakan instrumen pemerhatian, ujian, soal selidik dan temu bual. Pengkaji telah memilih empat intrumen berdasarkan kepada kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menggunakan analisis dokumen, pemerhatian, soal selidik dan temu bual dalam menjalankan tinjauan awal. Pengkaji telah menggunakan keputusan ujian formatif dalam analisis dokumen. Pemerhatian juga dilakukan secara berstruktur, soal selidik sebanyak lima item dan temu bual pula sebanyak tiga item kepada lima orang subjek 6 Amanah.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa kitaran pertama, pengkaji telah mengajar menggunakan teknik *Colourful Mapping* berbantukan power point. Pengkaji telah menggunakan pelbagai warna dalam menggunakan teknik *Colourful Mapping*. Namun, subjek masih lagi tidak dapat menyenaraikan jenis pekerjaan mengikut kepentingan ekonomi. Ini menunjukkan pencapaian yang tidak memberangsangkan. Pengkaji telah menjalankan intervensi yang kedua dengan mengurangkan penggunaan warna dalam teknik *Colourful Mapping*. Pengkaji telah memutuskan warna merah untuk utama manakala warna biru untuk isi penting. Ini dapat mengelakkan kekeliruan dalam mengenal pasti isi penting dengan jenis-jenis pekerjaan. Kemudian,subjek diminta untuk mengisi semula di dalam lembaran kerja berbentuk *Colourful Mapping.* Ini adalah untuk melatih dan membantu subjek dalam mengingati fakta-fakta penting sekaligus mengajar subjek untuk menyalin nota.

5.4 Keputusan kajian

Pengkaji telah menggunakan empat instrumen semasa menjalankan intervensi iaitu pemerhatian, ujian, soal seldik serta temu bual.

Ujian

Berdasarkan keputusan ujian pra dan ujian pasca, pengkaji mendapati terdapat peningkatan pencapaian dalam kalangan subjek kajian. Berikut merupakan data perbandingan ujian pra dan ujian pasca.



Rajah 1 Perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam rajah 1 menunjukkan perbandingan ujian pra dan ujian pasca. Julat perbezaan peratusan antara ujian pra dan ujian pasca menunjukkan pertingkatan yang memberangsangkan. Perbezaan ini amat positif dalam membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan. Ini telah memberikan bukti yang kukuh bahawa penggunakan teknik *Colourful Mapping* mampu untuk meningkatkan pencapaian lima orang murid dalam topik Kepentingan Ekonomi dan Jenis Pekerjaan.

Pemerhatian

Pemerhatian ini telah dilakukan semasa menjalankan intervensi pertama dan intervensi kedua. Pemerhatian ini adalah untuk melihat tingkah laku subjek semasa sesi PdP dijalankan dengan menggunakan kekerapan.

Jadual 1
Perbezaan Pemerhatian Antara Intervensi Pertama Dan Intervesi Kedua

Bil.	**Tingkah Laku subjek semasa kelas dijalankan**	**Kekerapan Intervensi**		**Julat Perbezaan**
		Pertama	Kedua	
1	Bercakap yang tiada kaitan dengan topik pengajaran	7	5	3
2	Pemikiran di tempat lain	8	2	6
3	Berangan-angan	5	1	4
4	Berjalan dari satu tempat ke tempat lain	4	0	4
5	Membuat kerja lain	2	0	2
6	Mengganggu subjek lain secara fizikal	6	3	3
7	Mencuba untuk menarik perhatian	5	2	3
8	Lain-lain aktiviti (seperti keluar bilik darjah)	7	0	7
9	eye contact	6	15	-9

Peningkatan ini merupakan satu peningkatan yang positif bagi pengkaji kerana telah dapat membuktikan bahawa segala intervensi yang diberikan oleh pengkaji kepada subjek berjaya membantu

dalam meningkatkan tahap pencapaian subjek. Sekali gus dapat membuktikan bahawa subjek berminat dengan teknik *Colorful Mapping*.

Soal selidik

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual untuk mengetahui perasaan, kesan dan maklum balas mengenai teknik *Colourful Mapping* yang telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 2
Soal Selidik Selepas Menjalankan Intervensi

Bil	**Item**	**4**		**3**		**2**		**1**	
		sangat bersetuju		Setuju		Kurang setuju		Sangat tidak setuju	
		Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%
1.	Saya berminat untuk belajar topik-topik bagi mata pelajaran Kajian Tempatan.	3	60%	2	40%	0	0%	0	0%
2.	Saya suka dengan kaedah pengajaran guru yang menggunakan buku teks.	0	0%	0	0%	3	60%	2	40%
3.	Saya dapat meningkatkan kefahaman tentang kegiatan ekonomi dan jenis pekerjaan	4	80%	1	20%	0	0%	0	0%
4.	Saya dapat menyatakan jenis pekerjaan mengikut kegiatan ekonomi.	2	40%	3	60%	0	0%	0	0%
5.	Saya suka sekiranya guru menggunakan kaedah *Colourful Mapping* semasa guru mengajar.	5	100%	0	0%	0	0%	0	0%

Berdasarkan Jadual 2, kelima-lima subjek (100%) sangat bersetuju sekiranya pengkaji menggunakan teknik *Colourful Mapping* pada proses pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa subjek berminat dengan teknik yang telah digunakan oleh pengkaji. Subjek juga menyatakan bahawa, boleh menyatakan jenis pekerjaan mengikut ekonomi setelah pengkaji menggunakan teknik *Colourful Mapping.*

Temu bual

Temu bual secara berstruktur telah dijalankan ke atas lima orang subjek. Sebanyak tiga soalan telah diajukan kepada subjek. Hasil daripada temu bual yang dicatatkan dan dirakam telah dipindahkan ke dalam bentuk transkripsi. Dengan adanya transkripsi ini, pengkaji boleh membuat generalisasi tentang perasaan subjek berkaitan dengan teknik *Colourful Mapping.* Respon yang diberikan oleh subjek adalah positif sekali gus dapat meningkatkan pencapaian subjek dalam tajuk Kepentingan Kegiatan Ekonomi dan Jenis Pekerjaan.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan ini dibuat dengan menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan pemerhatian, ujian, temu bual dan soal selidik. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 2 September 2014. Kajian intervensi ini telah mengambil masa selama tiga minggu.

Pengajaran teknik intervensi ini telah melibatkan teknik *Colourful Mapping* ke atas lima orang subjek yang berperanan sebagai klien. Tujuan teknik ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pencapaian murid dalam teknik *Colourful Mapping* dalam tajuk Kepentingan Kegiatan Ekonomi dan Jenis Pekerjaan

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari pelbagai bahan dan sumber rujukan di perpustakaan negara dan serta di perpustakaan institut bagi mengumpul maklumat yang telah disarankan oleh pensyarah kepada pengkaji. Hasilnya, pengkaji telah mendapat pelbagai bahan dan maklumat yang berguna untuk dijadikan rujukan semasa kajian dan menyiapkan laporan.

Melalui kajian ini juga pengkaji dapat meningkatkan pencapaian subjek dalam tajuk Kepentingan Kegiatan Ekonomi dan Lokasinya di samping dapat mengajar cara yang betul dan membantu subjek menyalin nota serta dapat meningkatkan kemahiran mengingat subjek.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan dalam kajian seterusnya ialah memberi lebih peluang kepada subjek untuk menggunakan teknik *Colourful Mapping* penggunaan mode suara agar dapat menarik perhatian subjek yang kurang memberikan tumpuan.

Pengkaji juga mencadangkan untuk meluaskan penggunaan teknik *Colourful Mapping* dalam bentuk permainan seperti puzzle. Hal ini disebabkan oleh, subjek gemar bermain semasa PdP dijalankan. Dengan teknik permainan ini juga akan membantu subjek dalam meningkatkan pencapaian subjek.

RUJUKAN

Choong L.K. (2011). *Murid Dan Belajar*. SelangorL Kumpulan Budiman Sdn. Bhd

Mahani Razali, Ramlah Jantan dan Shahabuddin Hashim. (2007). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication

Mok Soon Sang (2009). *Perkembangan Kanak-Kanak*. Selahor:Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd

PENGGUNAAN TEKNIK SIMULASI DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH TAHUN 4

Oleh:

NURULFATIN AMIRA BINTI ABDUL HALIM
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji penggunaan teknik simulasi ke atas subjek bagi mata pelajaran Sejarah Tahun 4. Kajian telah dijalankan terhadap 10 orang subjek daripada Tahun 4 Smart yang melibatkan lima orang lelaki dan lima orang perempuan di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Objektif utama kajian ini adalah mengkaji sama ada teknik simulasi dapat meningkatkan kemahiran berfikir subjek dalam mata pelajaran Sejarah. Pengkaji telah menggunakan instrumen kajian seperti pemerhatian, soal selidik serta ujian pra dan ujian pasca untuk mengumpul data kajian. Hasil dapatan pemerhatian menunjukkan tahap kefahaman subjek dapat ditingkatkan setelah menggunakan teknik simulasi. Dengan menggunakan soal selidik, pengkaji mendapati bahawa teknik simulasi dapat membantu subjek berfikir dengan lebih mendalam. Hasil perbandingan antara ujian pra dan ujian pasca menunjukkan peningkatan dalam pencapaian subjek. Keputusan ini menunjukkan bahawa penggunaan teknik simulasi mampu meningkatkan kemahiran berfikir subjek bagi mata pelajaran Sejarah Tahun 4.

Kata kunci: Simulasi, Kemahiran Berfikir, Meningkatkan Pencapaian

1.0 PENDAHULUAN

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah yang dijalankan di kelas 4 Smart di Sekolah Kebangsaan Bandar Tun Razak (1), majoriti murid – murid meminati mata pelajaran Sejarah. Ini dapat dilihat apabila murid melibatkan diri secara aktif semasa pengajaran dan pembelajaran diadakan. Lembaran kerja diedarkan kepada murid di setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Apabila perbincangan jawapan diadakan, terdapat beberapa orang murid hanya dapat menjawab soalan yang menguji pengetahuan. Apabila soalan beraras lebih tinggi seperti soalan yang menguji kefahaman, aplikasi dan penilaian diutarakan, majoriti murid – murid tidak dapat menjawabnya. Setelah mengkaji punca permasalahan ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk menambahbaikkan pengajaran dengan menggunakan kaedah simulasi agar dapat meningkatkan kualiti pembelajaran mereka.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati kebanyakan murid hanya tertumpu kepada fakta yang dipelajari di dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja dan tidak dapat mengaitkan apa yang dipelajari dengan kehidupan seharian. Justeru fokus kajian adalah penggunaan teknik pembelajaran yang dapat menggerakkan minda murid untuk berfikir dan bukan menerima fakta yang disampaikan oleh guru semata – mata.

Kajian ini difokuskan kepada sepuluh orang murid Tahun 4 Smart yang menunjukkan penguasaan yang lemah dalam topik Bentuk Muka Bumi di Tempat Tinggal Murid. Subjek dibimbing untuk menjalankan teknik simulasi berdasarkan topik tersebut.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir murid dalam mata pelajaran Sejarah**.**

3.2 Objektif Khusus

- Subjek dapat meningkatkan kemahiran berfikir untuk tajuk Bentuk Muka Bumi di Tempat Tinggal Murid dengan menggunakan teknik simulasi

- Subjek dapat meningkatkan pencapaian dengan teknik simulasi setelah menjalankan intervensi

4.0 KUMPULAN SASARAN

Pengkaji menggunakan 10 orang murid sebagai subjek kajian yang bersekolah di Sekolah X di sekitar Kuala Lumpur. Subjek kajian melibatkan lima orang murid lelaki dan lima orang murid perempuan. Kesemua subjek adalah normal dan mempunyai pencapaian akademik yang sederhana.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti analisis dokumen, soal selidik dan pemerhatian untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi. Manakala bagi melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian, instrumen yang digunakan ialah ujian, pemerhatian dan soal selidik.

5.1 Cara mengumpulkan data/maklumat

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal ialah analisis dokumen, soal selidik dan pemerhatian. Manakala, tiga instrumen yang digunakan untuk melihat hasil intervensi ialah ujian, pemerhatian dan soal selidik. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menggunakan analisis dokumen, soal selidik dan pemerhatian. Analisis dokumen yang pengkaji gunakan ialah lembaran kerja yang telah diedarkan kepada murid – murid bagi menguji kefahaman murid terhadap topik Bentuk Muka Bumi di Tempat Tinggal Murid. Pemerhatian dilakukan secara tidak berstruktur iaitu melalui catatan bebas manakala soal selidik sebanyak tujuh item yang berbentuk soalan tertutup diberikan kepada murid – murid..

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa tindakan pada kitaran kajian 1, pengkaji telah membimbing subjek untuk menjalankan teknik simulasi berdasarkan situasi di bentuk muka bumi tertentu. Namun, hasil daripada teknik simulasi yang dijalankan kurang memuaskan menyebabkan pengkaji meneruskan kitaran kajian 2 dengan menyuntik elemen nyanyian dalam teknik simulasi yang dibuat.

5.4 Keputusan Kajian

Ujian



Rajah 1: Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam Rajah 1 menunjukkan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan. Jumlah perbezaan peratusan ujian pra dan ujian pasca adalah menunjukkan peningkatan bagi setiap subjek. Perbezaan yang ketara ini amat positif dalam membuktikan keberkesanan intervensi dijalankan kerana soalan ujian yang dijalankan menguji kefahaman serta kemahiran berfikir subjek. Keputusan ujian ini jelas teknik simulasi mampu meningkatkan kemahiran berfikir 10 orang subjek dalam topik Bentuk Muka Bumi di Tempat Tinggal Murid.

Pemerhatian

Sesi pemerhatian secara tidak berstruktur dilaksanakan semasa kitaran 1 dan kitaran 2 berlangsung.

Jadual 1
Perbandingan Pemerhatian Tingkah laku Subjek Ketika Kitaran Satu dan Dua

Hasil pemerhatian semasa kitaran 1	Hasil pemerhatian semasa kitaran 2
Persediaan subjek : • Subjek masih tertanya – tanya mengapa mereka dipilih oleh pengkaji	Persediaan subjek : • Subjek kelihatan bersedia untuk menjalankan teknik simulasi
Cara melaksanakan simulasi : • Penyediaan kad situasi • Pemberian masa untuk latihan • Tidak berbincang bersungguh – sungguh dalam kumpulan • Props diambil di sekeliling	Cara melaksanakan simulasi : • Penyediaan kad situasi • Mengajar baris lagu untuk dimasukkan dalam persembahan simulasi • Pemberian masa untuk latihan • Subjek melibatkan diri secara aktif semasa perbincangan dalam kumpulan • Props diambil di sekeliling
Masalah yang dihadapi subjek semasa simulasi : • Kurang menekankan aspek yang dikehendaki dalam situasi tersebut. Suara kurang jelas dan perlahan	Kekuatan semasa simulasi : • Subjek mengetahui peranan masing – masing

Masalah yang dihadapi oleh pengkaji : • Kesukaran untuk menilai kerana tidak tahu bagaimana ingin menilai	Kelemahan semasa simulasi : • Kumpulan sukar dikawal kerana subjek terlalu teruja
Tahap kefahaman subjek : • 5 orang subjek berjaya menjawab soalan lisan yang diajukan • 4 orang subjek tidak mencapai tahap yang memuaskan dalam latihan yang diberi	Tahap kefahaman subjek : • 9 orang subjek berjaya menjawab soalan yang diajukan

Jadual 1 di atas menunjukkan perbezaan tingkah laku subjek ketika intervensi dijalankan. Dapat dilihat perbezaan postif yang berlaku di dalam kitaran 1 dan juga kitaran 2. Peningkatan ini menunjukkan keberkesanan intervensi yang dijalankan terhadap subjek.

Soal selidik

Soal selidik dijalankan ke atas subjek untuk mengenal pasti kekuatan serta kelemahan terhadap teknik simulasi yang dijalankan.

Jadual 2
Analisis Data Bagi Setiap Item Soal Selidik Selepas Teknik Simulasi

Bil	Item	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Saya suka belajar apabila guru mengadakan sesi simulasi	100	-
2.	Saya suka melibatkan diri dalam aktiviti simulasi	100	-
3.	Saya lebih faham tentang bentuk muka bumi setelah menjalankan teknik simulasi	100	-
4.	Saya dapat berfikir dengan lebih mendalam setelah menjalankan teknik simulasi	100	-
5.	Saya dapat menjawab soalan yang diberi oleh guru setelah menjalankan teknik simulasi	100	-
6.	Penggunaan simulasi membantu saya menjawab latihan yang diberi dengan baik	100	-
7.	Saya yakin untuk menduduki peperiksaan setelah menjalankan teknik simulasi	100	

Berdasarkan Jadual 1, kelima-lima subjek ataupun 100% subjek bersetuju bahawa teknik simulasi dapat menjadikan pengajaran guru lebih menarik dan mudah untuk difahami. Subjek juga bersetuju bahawa teknik simulasi membantu meningkatkan kemahiran berfikir mereka sekaligus membantu mereka dalam menjawab latihan yang diberi guru. Subjek turut berasa lebih yakin untuk menduduki peperiksaan dalam mata pelajaran Sejarah selepas teknik simulasi dijalankan.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat dengan menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada instrumen kajian. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 2 September 2014. Kajian ini melibatkan tempoh intervensi selama 3 minggu.

Pengajaran kaedah intervensi ini telah melibatkan pengajaran teknik simulasi ke atas 10 orang subjek dalam meningkatkan kemahiran berfikir bagi tajuk Bentuk Muka Bumi di Tempat Tinggal Murid.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari pelbagai maklumat dari pelbagai sumber seperti perpustakaan negara dan juga perpustakaan institut. Hasilnya pelbagai bahan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menyiapkan laporan. Melalui kajian juga pengkaji dapat meningkatkan pencapaian subjek dalam tajuk Bentuk Muka Bumi di Kawasan Tempat Tinggal Murid di samping dapat membimbing subjek untuk menjalankan teknik simulasi.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam kajian seterusnya ialah melibatkan lebih ramai subjek di antara beberapa kelas tahun 4.

Selain itu, teknik simulasi ini turut boleh diguna pakai dalam mata pelajaran yang lain seperti Sains dan Pendidikan Islam. Bagi kajian seterusnya, pengkaji boleh menjalankan teknik simulasi dengan menyediakan terlebih dahulu barang – barang yang boleh digunakan oleh subjek semasa mempersembahkan simulasi.

RUJUKAN

Choong Lean Keow. (2011), *Murid Dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mahani Razali, Ramlah Jantan dan Shahabuddin Hashim. (2007). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Publication

Mok Soon Sang (2009). *Perkembangan Kanak-Kanak*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 6 AMANAH DALAM TOPIK KRONOLOGI PERISTIWA KE ARAH KEMERDEKAAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH CARTA GARIS MASA

Oleh:

RAIHANA BINTI ABDUL RAHMAN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan dengan menggunakan Kaedah Carta Garis Masa. Subjek dalam kajian ini terdiri daripada lima orang murid Tahun 6 Amanah iaitu dua lelaki dan tiga perempuan. Carta Garis Masa telah digunakan bagi meningkatkan kemahiran membuat urutan peristiwa terhadap subjek. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui kaedah analisis dokumen iaitu menganalisis hasil latihan murid. Hasil tinjauan menunjukkan subjek kajian masih lemah dan kurang mahir membuat urutan peristiwa dengan betul. Data-data kajian dikumpulkan menggunakan kaedah ujian, soal selidik dan pemerhatian. Tiga jenis instrumen yang digunakan ialah ujian pra dan pos, borang senarai semak dan borang soal selidik. Analisis data ujian pra dan pos telah menunjukkan peningkatan markah dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Subjek kajian telah memperoleh markah penuh yang menunjukkan jumlah peningkatan markah yang tinggi. Berdasarkan hasil keputusan kajian, secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa penggunaan kaedah Carta Garis Masa dalam kajian tindakan ini berkesan membantu meningkatkan pencapaian murid dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan.

Kata Kunci: Carta Garis Masa, Kronologi Persitiwa Ke Arah Kemerdekaan

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum fasa tiga di Sekolah Kebangsaan Batu Sembilan pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati murid-murid kurang mahir membuat urutan peristiwa dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan. Pengkaji dapati murid-murid keliru dan tidak dapat membuat urutan peristiwa yang betul semasa sesi soal jawab. Hal ini jelas kelihatan ketika pengkaji memilih beberapa orang murid secara rawak dan bertanyakan soalan berkaitan peristiwa ke arah kemerdekaan serta tahun peristiwa tersebut berlaku. Pengkaji meminta mereka menyatakan “Apakah persitiwa yang berlaku pada tahun 1956?”, murid hanya mendiamkan diri, memberikan jawapan salah dan keliru peristiwa yang berlaku sama ada Perjanjian London atau Rombongan Merdeka Ke London. Murid-murid juga membuka buku teks serta meniru rakan ketika menjawab soalan latihan lembaran kerja. Pengkaji berpendapat pasti ada kaedah yang boleh digunakan bagi memperbaiki amalan pengajaran supaya menjadi lebih berkesan. Tambahan itu, murid-murid juga dapat meningkatkan pencapaian dalam membuat urutan tahun dan peristiwa mengikut kronologi yang betul. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu Model Pemprosesan Maklumat Gagne.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati sebahagian murid kelas tahun 6 Amanah mempunyai masalah membuat urutan peristiwa dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan. Tambahan itu, pengkaji memfokuskan kepada peningkatan pencapaian murid membuat enam urutan peristiwa dalam topik tersebut. Kaedah Carta Garis Masa dipilih dan digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Kajian Tempatan sebagai intervensi untuk mengatasi masalah ini. Penggunaan Carta Garis Masa adalah salah satu kaedah yang difikirkan sesuai untuk meningkatkan pencapaian murid dalam membuat urutan peristiwa ke arah kemerdekaan Malaysia berdasarkan topik yang telah dipelajari. Masalah ini berlaku kerana murid sukar mendapat gambaran yang jelas tentang urutan peristiwa sebelum kemerdekaan Malaysia, mendengar penerangan yang diberikan oleh guru berpandukan buku teks semata serta tidak mempelajari topik tersebut secara berterusan.

Sekiranya masalah ini tidak diatasi, murid mempunyai masalah untuk membuat urutan peristiwa dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan dan kemungkinan memberi kesan kepada pembelajaran subjek Sejarah pada peringkat sekolah menengah. Oleh itu, pencapaian murid mungkin berada di tahap lemah dan kurang berlaku peningkatan. Kemahiran penguasaan tahun dan kronologi peristiwa sangat penting dalam topik ini. Sekiranya kemahiran ini dapat dikuasai oleh murid, maka murid mudah untuk membuat urutan peristiwa Kemerdekaan Malaysia dengan baik.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan pencapaian murid tahun 6 Amanah dalam topik Kronologi Ke Arah Kemerdekaan dengan menggunakan kaedah Carta Garis Masa di Sekolah Kebangsaan Batu Sembilan, Cheras.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan markah ujian pos berbanding ujian pra bagi murid tahun 6 Amanah dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan selepas menggunakan kaedah Carta Garis Masa.

- Meningkatkan kemahiran membuat urutan peristiwa bagi murid Tahun 6 Amanah dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan menggunakan kaedah Carta Garis Masa.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Subjek kajian merupakan kumpulan murid yang terdiri daripada lima orang murid dari kelas 6 Amanah di Sekolah Kebangsaan Batu Sembilan, Cheras, Selangor. Subjek yang dipilih adalah murid-murid yang berumur 12 tahun iaitu terdiri daripada tiga orang murid perempuan dan dua orang murid lelaki. Di samping itu, subjek kajian ini terdiri daripada beberapa orang murid yang lemah serta kurang berkemahiran membuat urutan peristiwa dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan. Namun begitu, subjek kajian terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum serta mewakili kelas dan sekolah dalam pelbagai pertandingan. Subjek A dan B merupakan seorang murid yang gemar bercakap dan menyampuk pengajaran guru semasa sesi PdP. Subjek kajian yang lain merupakan murid yang pasif.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian pra dan pasca, pemerhatian serta soal selidik untuk mengenal pasti berlakunya peningkatan pencapaian dan kemahiran membuat urutan peristiwa ke atas subjek kajian. Di samping itu, pengkaji juga ingin melihat hasil intervensi yang telah dijalankan terhadap subjek kajian. Pengkaji telah memilih kaedah Carta Garis Masa untuk meningkatkan pencapaian subjek dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan.

5.1 Cara Pengumpulan Data/Maklumat

Dua instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal iaitu pemerhatian dan dokumen analisis. Pengkaji memilih instrumen pengumpulan data ini kerana berasaskan kesesuaian, kerelevanan serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji mendapatkan data dan maklumat. Pemilihan instrumen ini juga membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji telah menggunakan kaedah nota lapangan sebagai salah satu cara pengumpulan data. Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap tingkah laku subjek dan mencatat apa yang telah diperhatikan semasa sesi PdP. Pengkaji juga menggunakan kaedah dokumen analisis dengan menganalisis hasil latihan murid untuk mengumpul data dari dokumen yang dikaji. Data bagi dokumen analisis ini dipersembahkan dalam bentuk peratus kategori baik dan lemah pencapaian subjek kajian.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Pengkaji telah menjalankan kitaran pertama dan kedua dalam tindakan menangani masalah. Kitaran pertama merupakan tindakan mengatasi masalah subjek membuat urutan peristiwa manakala kitaran kedua pula tindakan untuk meningkatkan pencapaian dan kemahiran subjek menggunakan kaedah yang telah di tambah baik.

Jadual 1
Langkah-langkah dalam tindakan mengatasi masalah bagi kitaran pertama dan kedua

Kitaran Pertama	Kitaran Kedua
1. Subjek didedahkan dengan kaedah Carta Garis Masa sebagai bahan bantu mengajar oleh pengkaji di hadapan bilik darjah mengikut kronologi peristiwa ke arah kemerdekaan. 2. Subjek dipanggil untuk melabel kad perkataan tersebut secara individu. Pemerhatian dilakukan oleh pengkaji semasa subjek melabel kad perkataan mengikut urutan peristiwa yang betul. 3. Subjek dikehendaki menjawab soalan latihan dalam lembaran kerja yang diedarkan oleh pengkaji.	1. Subjek diajar cara untuk mengingat peristiwa ke arah kemerdekaaan dengan menggunakan singkatan perkataan peristiwa manakala tahun peristiwa mengikut kronologi pula diajar dengan menggunakan formula pengiraan nombor. 2. Aktiviti kuiz dijalankan secara berkumpulan untuk menilai penglibatan aktif dan kemahiran membuat urutan peristiwa. 3. Subjek diberikan ujian pasca dan soal selidik selepas intervensi menggunakan kaedah Carta Garis Masa dalam sesi PdP.

5.4 Keputusan Kajian

Ujian Pra dan Pasca



Rajah 1: Perbandingan ujian pra dan pasca antara subjek kajian

Keputusan ujian pra dan pasca dalam Rajah 1 menunjukkan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan antara subjek kajian. Pencapaian tertinggi jumlah perbezaan peratusan antara ujian pra dan pasca adalah dicapai oleh subjek A dan D iaitu peningkatan markah sebanyak 65% manakala pencapaian peratus terendah ialah subjek E iaitu peningkatan sebanyak 25%. Ujian pra mencatatkan subjek A mendapat 35 dan subjek D mendapat 20%. Manakala subjek E mendapat 45%. Ujian pasca pula mencatatkan subjek A mendapat 90% dan subjek D mendapat 85%. Manakala subjek E mendapat 70%. Ujian pra dan pasca digunakan bagi mengukur tahap pencapaian subjek bagi ujian yang dijalankan terhadap mereka.

Pemerhatian

Jadual 2
Jumlah dan peratus pemerhatian kitaran pertama dan kitaran kedua bagi setiap subjek

No.	Subjek	Jumlah 'Ya' Pemerhatian Kitaran 1	Peratus (%)	Jumlah 'Ya' Pemerhatian Kitaran 2	Peratus (%)
1.	A	5/6	83.3	6/6	100
2.	B	6/6	100	6/6	100
3.	C	6/6	100	6/6	100
4.	D	5/6	83.3	6/6	100
5.	E	4/6	66.7	6/6	100

Jadual 2 di atas menunjukkan perbandingan jumlah 'Ya' selepas kitaran pertama dan kedua pemehatian senarai semak. Peningkatan jumlah 'Ya' dapat dilihat dalam sesi pemerhatian kedua berbanding sesi pertama. Peningkatan ini menunjukkan subjek A,B,C,D dan E dapat membuat urutan perisitwa dengan betul. Di samping itu, peningkatan ini juga menunjukkan keberkesanan intervensi yang dijalankan oleh pengkaji terhadap subjek kajian semasa kitaran pertama dan kedua.

Soal Selidik



Rajah 2: Analisis perbandingan jumlah dan peratus bagi setiap pernyataan dalam soal selidik

Rajah 2 di atas menunjukkan analisis perbandingan jumlah dan pertaus bagi setiap pernyataan item-item dalam borang soal selidik. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik jenis Ya-Tidak kepada subjek kajian sebagai kaedah pengumpulan data. Hasil dapatan daripada borang soal selidik telah dikaji dan dianalisis supaya pengkaji dapat mengesan sikap dan kemahiran subjek pada item-item yang telah ditetapkan. Subjek kajian menyatakan 'Ya' bahawa kaedah Carta Garis Masa membantu dalam proses pembelajaran, membuat urutan peristiwa dan mengingat peristiwa yang berlaku dalam topik Kronologi Peristiwa Ke Arah Kemerdekaan.

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Objektif kajian yang pertama telah tercapai dengan berlakunya peningkatan markah ujian pasca berbanding markah ujian pra dengan menggunakan kaedah Carta Garis Masa.

Keputusan kajian yang diperolehi sangat memberangsangkan iaitu 4 orang subjek (80%) mencapai gred A dan seorang subjek (20%) mencapai gred B dalan ujian pasca berbanding ujian pra. Persoalan kajian kedua telah dijawab melalui keputusan pemerhatian senarai semak apabila berlaku peningkatan kemahiran membuat urutan peristiwa semasa intervensi kitaran pertama dan kitaran kedua. Dapatan kajian yang diperoleh semasa intervensi kitaran pertama menunjukkan seramai dua subjek dapat membuat urutan peristiwa dengan memperoleh 6 jumlah urutan betul (100%) semasa kitaran pertama. Dua subjek lagi pula memperoleh 5 daripada 6 jumlah urutan yang betul (83.3%) semasa kitaran pertama. Manakala seorang subjek memperoleh 4 daripada 6 jumlah urutan betul (66.7%) semasa membuat urutan peristiwa. Perbandingan dapatan kajian pemerhatian antara kitaran pertama dan kitaran kedua menunjukkan kesemua subjek (100%) berjaya membuat urutan peristiwa ke arah kemerdekaan semasa kitaran kedua kajian.

5.6 Refleksi

Kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji untuk membuktikan bahawa penggunaan kaedah Carta Garis Masa telah membantu subjek dalam meningkatkan kemahiran membuat urutan peristiwa. Subjek adalah sangat aktif semasa tindakan intervensi dijalankan. Mereka juga memberi respons positif dan menumpukan perhatian terhadap bahan pengajaran yang dibuat. Hasil keputusan kajian ternyata penggunaan kaedah Carta Garis membantu subjek meningkatkan pencapaian dalam kemahiran membuat urutan peristiwa melalui intervensi yang telah dijalankan. Namun begitu, kelemahan yang dapat dilihat dalam kajian ini ialah subjek kurang dapat menggambarkan peristiwa yang berlaku dengan hanya mendengar dan melihat carta tanpa penggunaan bahan visual.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Pengkaji mencadangkan supaya menggunakan bahan visual seperti gambar atau video agar dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada subjek tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku. Tambahan itu, pengkaji juga bolehlah menggunakan peneguhan positif secara berterusan semasa tindakan intervensi dijalankan bertujuan menaikkan semangat ketika tindakan kajian dan proses PdP. Pengkaji juga boleh menggunakan kaedah pengumpulan data temu bual untuk mengetahui perasaan subjek tentang kaedah yang digunakan. Pengkaji boleh mendapatkan maklumat daripada subjek sendiri tentang minat, perasaan dan hasil pencapaiannya dengan menggunakan kaedah Carta Garis Masa.

RUJUKAN

Baharom Mohamad dan Iliyas Hashim. (2010). *Gaya Pengajaran dan Pembelajaran*. Batu Caves: Selangor, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Benjamin anak Kibong.(2006). *Cartamu.* (Projek Penyelidikan Pelajar IPG Kampus Batu Lintang, Batu Lintang yang tidak diterbitkan). Sarawak, Malaysia.

Kartini Abdul Mutalib, Ahamad Shabudin Yahaya, Rosli Sahat & Badrul Hisham Alang Osman. (2012). *Menguasai Penyelidikan Tindakan: Untuk PISMP dan DPLI.* Perpustakaan Negara Malaysia, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGKATEGORI MAKLUMAT DALAM TAJUK TUMBUH-TUMBUHAN SEMULAJADI DAN HIDUPAN LIAR MURID TAHUN 5 MENGGUNAKAN PETA i-THINK "TREE MAP"

Oleh:

SITI NURHABIBAH BINTI MOHD RASHID
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan peta i-Think "Tree Map" bagi meningkatkan kemahiran mengkategori maklumat murid dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar. Subjek kajian terdiri daripada empat orang murid tahun 5 Bestari yang dipilih secara rawak. Tinjauan awal diperolehi daripada analisis dokumen, pemerhatian dan penulisan refleksi guru. Dapatan tinjauan awal mendapati murid-murid mengalami masalah untuk mengkategori maklumat dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar. Oleh sebab itu pengkaji memperkenalkan penggunaan peta i-Think "Tree Map" untuk menyelesaikan masalah ini. Data dikumpulkan melalui ujian pra dan pasca. Hasil analisis mendapati keempat-empat subjek kajian telah menunjukkan peningkatan markah yang ketara dalam ujian pasca berbanding ujia pra yang dijalankan sebelum ini. Salah seorang subjek kajian yang berjaya menunjukkan peningkatkatan tahap pencapaian dari gagal kepada cemerlang. Keputusan kajian membuktikan bahawa penggunaan peta i-Think "Tree Map" membantu meningkatkan kemahiran mengkategori maklumat murid dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar.

Kata kunci: Kemahiran mengkategori maklumat, peta i-Think "Tree Map"

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani latihan praktikum fasa tiga di sebuah sekolah di Kuala Lumpur, pengkaji mendapati murid-murid tahun 5 Bestari mengalami masalah untuk mengkategorikan maklumat berdasarkan isi pelajaran yang terdapat dalam buku teks. Masalah ini menjadi ketara apabila murid tidak dapat menjawab soalan latihan yang diberikan kerana keliru dengan maklumat dalam tajuk yang diajar guru iaitu Tumbuh-tumbuhan semulajadi dan Hidupan Liar. Sesetengah murid yang lain pula tidak mengenali jenis-jenis tumbuhan seperti gelam, mengkuang laut, keruing serta ciri-ciri tumbuhan berdasarkan jenis hutan. Ada murid yang tidak menjawab sebahagian soalan yang diberikan kerana tidak dapat mengingati isi topik yang dipelajari.

Pengkaji telah membuat keputusan untuk membantu meningkatkan kemahiran mengkategori maklumat murid dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar dengan menggunakan peta i-Think "Tree Map". Pengkaji mengaplikasikan penggunaan peta i-Think "Tree Map" dalam sesi pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan murid berupaya mengkategorikan maklumat dengan betul serta memahami kandungan topik yang dipelajari. Hal ini disokong oleh Lee & Gan dalam Sidek (2012 ; n.d) dalam penulisan refleksinya mencatatkan bahawa peta pemikiran dapat membantu murid dalam mengorganisasikan pemikiran mereka, memudahkan pemahaman serta membantu pelajar membentangkan idea-idea bernas dan baru. Pengkaji memasukkan elemen grafik dan warna sebagai langkah penambah baikan dalam kitaran yang dijalankan. Hal ini kerana penggunaan grafik membantu murid membina hubungan kognitif antara maklumat verbal dan bergambar (Paivio,1971,1986; Clark & Paivio, 1991; Rizal & Jailani, 2012).

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada meningkatkan kemahiran murid dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar. Berdasarkan pengalaman lalu, peta i-Think sesuai digunakan bagi meningkatkan kemahiran membuat kategori murid . Hal ini kerana murid mempunyai pengalaman lepas menggunakan peta minda dalam aktiviti pembelajaran. Peta i-Think merupakan inovasi gabungan peta minda dan pengurusan grafik yang ditambah dengan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Rasional masalah mengkategori maklumat menjadi tajuk kajian adalah disebabkan oleh kaedah pengajaran pengkaji yang kurang berkesan menyebabkan murid tidak dapat memahami yara yang betul untuk mengkategorikan maklumat. Kemahiran ini penting kerana murid-murid perlu menyusun maklumat mengikut aspek yang terdapat dalam teks yang dibaca. Sekiranya murid tidak dapat mengasingkan maklumat mengikut kategori yang betul mereka tidak akan dapat memahami isi pelajaran dengan berkesan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan kemahiran mengkategori maklumat murid tahun 5 dalam tajuk Tumbuh-Tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar dengan menggunakan peta i-Think “Tree Map” .

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan kemahiran mengkategori maklumat murid bagi lima jenis hutan dengan contoh yang betul dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar menggunakan peta i-Think “Tree Map”.

- Meningkatkan skor pencapaian murid setelah menguasai kemahiran mengkategori maklumat dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar menggunakan peta i-Think “Tree Map”.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan empat orang murid tahun 5 yang terdiri daripada dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan dari Kelas 5 Bestari . Kelas 5 Bestari merupakan kelas kedua daripada lima buah kelas tahun 5 di sekolah berkenaan. Subjek kajian terdiri daripada tiga orang murid biasa dan seorang murid yang berjawatan pengawas sekolah. Keempat-empat subjek yang dipilih adalah berbangsa Melayu dan mempunyai latar belakang keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti borang senarai semak pemerhatian , analisis dokumen dan ujian pra dan pasca untuk membantu mengenalpasti masalah yang dihadapi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Instrumen ini juga digunakan untuk melihat hasil intervensi yang dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan peta i-Think “Tree Map” untuk meningkatkan kemahiran mengkategori maklumat murid dalam tajuk yang dipelajari.

5.1 Cara pengumpulan data

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal adalah pemerhatian, analisis dokumen dan ujian pra dan pasca. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian untuk membolehkan pengkaji mengumpul lebih banyak maklumat yang lebih terperinci mengenai isu kajian.Pengkaji telah memilih untuk menggunakan instrumen pengumpulan data ini dengan melihat kesesuaian serta keperluan instrumen dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis tinjauan awal

Tujuan tinjauan awal dijalankan adalah untuk mencari bukti atau data dalam menentukan soalan yang boleh dijadikan fokus kajian (Chow & Jaziah , 2011). Hasil analisis dokumen menunjukkan murid mengalami masalah menulis jawapan yang tidak tepat bagi contoh tumbuh-tumbuhan semulajadi dan hidupan liar berdasarkan jenis hutan. Subjek tidak mempunyai masalah untuk menyenaraikan jenis-jenis hutan tetapi keliru dengan jenis haiwan liar dan tumbuhan semulajadi yang hidup dalam hutan tersebut.

5.3 Tindakan menangani masalah

Kitaran 1

Semasa tindakan fasa pertama, pengkaji meminta subjek kajian membaca dan menggariskan contoh tumbuhan semulajadi dan hidupan liar yang terdapat dalam lembaran yang kerja yang mengandungi topik Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar. Setelah itu pengkaji mengedarkan templat peta i-Think “Tree Map” yang kosong kepada subjek kajian. Pengkaji juga menunjukkan paparan templat yang lebih besar menggunakan Projektor LCD. Murid-murid mendengar dan mengisi templat peta i-Think “Tree Map” dengan bimbingan pengkaji bagi dua jenis hutan yang pertama. Seterusnya subjek kajian menghasilkan peta i-Think “Tree Map” bagi tiga jenis hutan yang lain. Pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, pengkaji mengedarkan lembaran kerja kepada murid untuk dijawab dalam masa yang ditetapkan. Selepas intervensi pertama dijalankan murid berjaya mengkategorikan maklumat dengan menulis contoh dalam peta i-Think “Tree Map” tetapi memperoleh skor yang rendah dalam lembaran kerja yang diberikan Bagi memastikan murid dapat menguasai kemahiran mengkategori maklumat dalam tajuk Tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar serta memperbaiki jumlah skor dalam lembaran kerja selepas intervensi 1 , pengkaji membuat keputusan untuk menjalankan kitaran kedua bagi kajian tersebut.

Kitaran 2

Pengkaji telah memasukkan elemen grafik dan warna dalam peta minda i-Think “Tree Map” sebagai langkah penambah baikkan. Murid diminta membaca semula serta menggariskan maklumat berkenaan tumbuhan semulajadi dan hidupan liar menggunakan *highlighter* yang berwarna-warni. Pengkaji menunjukkan kepada subjek kajian gambar tumbuhan dan hidupan liar yang terdapat dalam jenis hutan. Hal ini bertujuan untuk meransang kogntif subjek kaijan terhadap jenis haiwan dan tumbuhan serta memudahkan murid untuk membuat kategori. Setelah itu pengkaji mengedarkan gambar tumbuhan semulajadi dan hidupan liar dan kad perkataan yang berwarna kepada subjek kajian. Subjek kajian menampal gambar dan kad perkataan tersebut semasa menghasilkan peta i-Think “Tree Map”. Pengkaji juga mengedarkan lembaran kerja untuk menguji kefahaman murid setelah intervensi kedua dijalankan. Pada kitaran kedua ini menunjukkan kesan yang positif terhadap penguasaan kemahiran mengkategori maklumat murid kerana murid dapat menghasilkan peta i-Think “Tree Map” yang betul. Murid berjaya mengatasi masalah pada kitaran 1 serta meningkatkan jumlah skor pada lembaran kerja yang diberikan pengkaji.

5.4 Keputusan kajian

Berdasarkan ketiga-tiga kaedah pengumpulan data , subjek kajian menunjukkan peningkatan yang positif dalam kajian ini .

Ujian Pra dan Pasca



Rajah 1: Graf Perbandingan Peratusan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca

Rajah 1 menunjukkan graf perbandingan ujian pra dan ujian pasca. Daripada dapatan kajian diatas dapat dilihat peningkatan skor ujian pra dan ujian pasca. Hasil ujian pra yang diperolehi menunjukkan terdapat murid yang mendapat skor yang kurang memuaskan. Setelah diberikan intervensi menggunakan peta i-Think "Tree Map" dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, murid berjaya meningkatkan kemahiran mengkategori maklumat dan skor pencapaian dalam ujian pasca.

Analisis Dokumen

Bil	Subjek Kajian	Peratus Skor Lembaran Kerja Intervensi 1 (%)	Peratus Skor Lembaran Kerja Intervensi 2(%)	Julat Perbezaan
1	Murid A	70	85	5
2	Murid B	65	80	15
3	Murid C	95	95	0
4	Murid D	65	75	10

Pemerhatian

Jadual 1
Senarai Semak Pemerhatian Selepas Intervensi

Bil	Aspek yang diperhatikan	Murid A	Murid B	Murid C	Murid D
1	Murid membaca keseluruhan maklumat pada buku	/	/	/	/
2	Murid menggaris keseluruhan ayat dalam tajuk yang dipelajari	**0**	**0**	**0**	**0**
3	Murid menggariskan nama haiwan dan tumbuhan sahaja	/	/	/	/
4	Murid bertanya kepada rakan sama ada betul atau salah contoh yang digaris	/	/	/	/
5	Murid bertanya kepada guru sama ada betul atau salah contoh yang digaris	/	/	/	/
6	Murid teruja dan seronok melakukan aktiviti	/	/	/	/
7	Murid memahami kegunaan peta i-Think "Tree Map"	/	/	/	/
8	Murid berjaya mengkategorikan maklumat menggunakan peta i-Think "Tree Map"	/	/	/	/
9	Murid berjaya menghasilkap peta i-Think "Tree Map" setelah mendengar arahan guru	/	/	/	/
10	Murid menjawab semua soalan latihan yang diberikan dengan tepat.	**0**	**0**	**0**	**0**

Temubual

Data yang diperoleh dari dapatan temubual mendapati kesemua murid berasa seronok belajar menggunakan peta i-Think "Tree Map". Murid juga lebih memahami dan mengingati isi pelajaran dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar setelah menggunakan peta ini. Pengkaji mendapati murid lebih gemar pembelajaran menggunakan kaedah peta i-Think "Tree Map" berbanding mengunakan buku teks semata-mata. Dari aspek keyakinan diri , kesemua subjek kajian menyatakan keyakinan diri mereka bertambah untuk menjawab soalan latihan setelah belajar menggunakan peta i-Think "Tree Map".

5.5 Rumusan kajian

Berdasarkan peningkatan peratusan skor pencapaian murid dalam Ujian Pasca berbanding Ujian Pra seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dapatlah disimpulkan bahawa intervensi yang dijalankan menggunakan peta i-Think “Tree Map” telah dapat meningkatkan kemahiran mengkategori maklumat murid dalam tajuk Tumbuh-tumbuhan Semulajadi dan Hidupan Liar. Kaedah ini melibatkan aktiviti membaca dan menggariskan maklumat serta penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik seperti gambar haiwan dan tumbuhan serta kad perkataan berwarna.

Tambahan pula, perubahan tingkah laku murid sebelum dan selepas intervensi kedua dijalankan menunjukkan murid lebih tertarik dengan kaedah pengajaran menggunakan peta i-Think. Murid menunjukkan minat untuk belajar, mendengar arahan dan memberi kerjasama semasa menjalankan aktiviti. Hal ini selaras dengan kajian yang dilakukan Sidek (2013) di Tadika Yayasan Islam Terengganu membuktikan pengajaran guru-guru tadika berasaskan peta pemikiran kepada kanak-kanak berumur 5-6 tahun menghasilkan perubahan tingkahlaku positif yang memberangsangkan walaupun dipraktikkan dalam waktu yang singkat.

5.6 Refleksi

Terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan yang dikenalpasti semasa kajian ini dilaksanakan. Dari aspek kekuatan, pengkaji mempunyai hubungan yang baik dengan pihak sekolah, guru matapelajaran yang mengajar kelas yang subjek kajian serta warga sekolah. Justeru pengkaji beroleh kerjasama yang baik untuk menjalankan kajian. Pengkaji juga mempunyai hubungan yang baik dengan guru pusat sumber sekolah yang memberikan kerjasama dengan membenarkan pengkaji menggunakan bilik media yang berhawa dingin semasa pengkaji melaksanakan intervensi.

Namun begitu, terdapat aspek kelemahan yang tidak dapat dielakkan oleh pengkaji. Antaranya arahan yang disampaikan pengkaji semasa melakukan intervensi tidak jelas dan murid meminta pengkaji mengulang semula arahan beberapa kali. Pengkaji berpendapat masalah ini boleh diatasi sekiranya pengkaji merancang penggunaan ayat yang ringkas dan berkesan untuk menyatakan arahan serta menuliskan arahan lebih awal pada sehelai kertas yang boleh dibaca oleh semua murid dalam bilik darjah.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Dalam kajian seterusnya, pengkaji mencadangkan untuk mempelbagaikan aktiviti terutamanya yang bersifat koperatif yang bagi menggantikan aktiviti membaca dan menggariskan maklumat. Pengkaji juga menyarankan penggunaan ICT untuk memberi penerangan terhadap isi pelajaran dengan menayangkan video atau memperdengarkan bunyi haiwan yang berkaitan atau mengadakan pameran mini berkaitan isi pelajaran bagi meningkatkan aspek kognitif dan kinestatik murid.

RUJUKAN

Madar, A. R., dan Hashim, M. N. (2011). Effectiveness of using graphic animation courseware for students with different cognitive styles and spatial visual abilities. *Journal of Technical Education and Training*, *3*(1), 1-12.

Said, M. S., Kadir, P. M. A., dan Hitam, M. S. A. Penilaian pelaksanaan program i-THINK: satu pengenalan oleh.

Said, M. S., Mahmod, M., dan Mat Nawi, M. Z. (2013). Penerimaan alat berfikir I-THINK program dalam pelaksanaan modul pengajaran guru-guru Tadika Yayasa Islam Terengganu: satu kajian kes di Tadika Yayasan Islam Terengganu Seberang Takir. dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG* (Vol. 1, No. 1).

Chow Fook Meng dan Jaizah Mahamud (2011) Kajian Tindakan : *Konsep & Amalan dalam Pengajaran:* Selangor; Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd

PENGGUNAAN KAEDAH *STREAMING VIDEO* BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMINDAHKAN MAKLUMAT PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN (PSK) TAHUN 5 MUTIARA

OLEH:

TAN KOK CHUN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini telah dijalankan bagi mencari penyelesaian terhadap masalah memindahkan maklumat dalam kalangan murid lemah menggunakan kaedah streaming video. Masalah yang dihadapi oleh murid lemah di dalam kelas 5 Mutiara ialah mereka menghadapi kesukaran untuk menceritakan semula ayat pendek yang disampaikan oleh guru. Empat orang murid lemah yang sama tahap telah dikenalpasti dan terlibat di dalam kajian ini. Tinjauan awal dijalankan menerusi Ujian Diagnostik mendapati keempat-empat murid lemah gagal menguasai kemahiran memindahkan maklumat. Intervensi streaming video telah dirancang dan dijalankan ke atas empat subjek kajian. Jumlah masa keseluruhan bagi menjalani intervensi ini ialah tiga bulan dengan jumlah percubaan memindahkan maklumat daripada video adalah sebanyak tiga kali bagi setiap ayat. Walau bagaimanapun, hanya percubaan ketiga sahaja diambil sebagai keputusan akhir untuk dianalisis. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan semakan dokumen. Keputusan akhir keberkesanan streaming video ini terbukti apabila pencapaian murid A meningkat daripada 30% kepada 80%. Murid B pula meningkat daripada 30% kepada 70%. Bagi murid C pula, peningkatan daripada 30% kepada 60% turut menunjukkan pencapaian selepas intervensi. Murid D juga berjaya meningkatkan peratusan pencapaian daripada 40% kepada 80%. Ini bermaksud, penggunaan streaming video terbukti boleh meningkatkan kemahiran memindahkan maklumat bagi murid lemah. Cadangan kajian seterusnya, pengkaji lain boleh menukar kumpulan sasaran daripada murid lemah kepada murid berkeperluan khas dan memperluaskan penggunaan streaming video ini kepada mata pelajaran lain seperti Sejarah dan Bahasa Melayu.

Kata kunci: *streaming video*, memindahkan maklumat

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Sungai Besi pada sesi ketiga tahun 2014, pengkaji mendapati murid-murid tahun 5 Mutiara menghadapi masalah mendengar dan menceritakan semula isi-isi penting yang disampaikan oleh guru. Pengkaji mendapati semua ini adalah berkait rapat dengan masalah tumpuan yang minima di dalam kelas. Mereka asyik kehilangan tumpuan semasa pembelajaran kerana berasa bosan dengan pengajaran guru. Selepas pengajaran guru, murid lemah terpaksa meminta bantuan daripada murid lain untuk diberi penjelasan terhadap penyampaian guru tadi.

Penggunaan pelbagai alat bantu mengajar dan pengaplikasian teori pembelajaran sosial boleh membantu guru dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori pembelajaran sosial yang dipelopori oleh Albert Bandura (1971).

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati terdapat banyak masalah dalam pengaplikasian kemahiran memindahkan maklumat yang dihadapi oleh murid lemah di sekolah ini. Murid lemah ini sememangnya menghadapi masalah dalam menyebut semula isi-isi penting yang disampaikan oleh guru. Pengajaran kemahiran memindahkan maklumat secara *streaming video* telah dipilih sebagai intervensi kepada masalah ini. Pengkaji menjalankan kajian ini dalam bidang subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Kajian ini hanya difokuskan kepada murid Tahun 5 Mutiara yang berpotensi untuk menguasai kemahiran memindahkan maklumat. Pengkaji telah menjalankan ujian diagnostik yang bersesuaian dengan kriteria yang telah ditetapkan bagi mengenal pasti masalah murid Tahun 5 Mutiara. Ekoran daripada permasalahan

ini, pengkaji telah memutuskan untuk mengkaji satu kaedah yang mudah dikendalikan oleh murid iaitu *streaming video* supaya dapat menambahbaik kemahiran memindahkan maklumat oleh murid. Pada masa yang sama, mereka boleh melatih diri mereka untuk berkomunikasi dengan orang sekeliling bagi proses memindahkan maklumat.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan kemahiran memindahkan maklumat yang diterima oleh murid-murid kepada orang di sekelilingnya dengan menggunanakan kaedah *streaming video* dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

3.2 Objektif Khusus

- Murid dapat meningkatkan kemahiran memindahkan maklumat dengan menggunakan kaedah *streaming video*.

- Murid dapat menyebut semula setiap ayat pendek yang ditetapkan oleh guru kepada rakannya dengan tepat melalui penggunaan *streaming video*.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan empat orang murid Tahun 5 Mutiara berumur 11 tahun yang bersekolah di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Sungai Besi. Subjek kajian terdiri daripada dua murid lelaki dan dua murid perempuan kesemua empat subjek kajian mengalami kesukaran dalam memindahkan maklumat dan menyebut semula isi-isi penting guru.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian, semakan dokumen dan temu bual untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah *streaming video* untuk meningkatan kemahiran memindahkan maklumat dengan betul.

5.1 Cara mengumpul data/ maklumat

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal ialah pemerhatian, semakan dokumen dan temubual. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur dengan menyediakan senarai semak untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid. Seterusnya, semakan dokumen telah dijalankan dengan menetapkan 10 kriteria penilaian untuk menguji tahap pencapaian subjek kajian. Di samping itu, pengkaji menggunakan temu bual berstruktur dengan menyediakan lima soalan kepada subjek kajian untuk mengesan keberkesanan penggunaan kaedah *streaming video* dalam memindahkan maklumat Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian sebagai salah satu cara pengumpulan data. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur dengan menyediakan senarai semak berdasarkan 10 kriteria yang harus dicapai murid lemah.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa tindakan pada fasa pertama, pengkaji telah merangka satu kaedah pengajaran sebagai satu medium untuk melancarkan proses pengajaran kemahiran memindahkan maklumat oleh murid. Pengkaji telah mengajarkan cara subjek kajian mengendalikan *streaming video*, iaitu dengan duduk secara tertib di sebuah kerusi dan seterusnya menekan butang "*play"* untuk menonton *streaming video*. Pengkaji menggunakan ayat-ayat aras rendah dalam kaedah *streaming video* sebelum beralih ke aras yang lebih tinggi. Setiap ayat dalam *streaming video* akan diberi tiga kali percubaan dan hanya percubaan ketiga sahaja diambil sebagai penilaian pencapaian subjek kajian.

5.4 Keputusan kajian

Pemerhatian

Jadual 1
Tahap pencapaian ayat selepas dua sesi pemerhatian

Subjek kajian	Tahap Pencapaian Ayat	
	Kitaran 1	Kitaran 2
A	Baik	Baik
B	Baik	Baik
C	Baik	Baik
D	Baik	Baik

Jadual 1 di atas menunjukkan tahap pencapaian ayat subjek kajian selepas dua sesi pemerhatian. Subjek kajian A, B, C dan D berjaya mencapai tahap keputusan yang baik dalam memindahkan maklumat dengan penggunaan kaedah *streaming video*.

Semakan Dokumen



Rajah 1. Perbandingan semakan dokumen

Keputusan semakan dokumen dalam rajah 1 menunjukkan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan. Pencapaian subjek kajian A meningkat daripada 30% kepada 80%. Subjek kajian B meningkat daripada 30% kepada 70%. Bagi subjek kajian C pula, peningkatan daripada 30% kepada 60% menunjukkan pencapaian selepas intervensi. Subjek kajian D juga berjaya meningkatkan peratusan pencapaian daripada 40% kepada 80%. Ini bermaksud, penggunaan *streaming video* terbukti boleh meningkatkan kemahiran memindahkan maklumat bagi murid lemah.

Temu Bual

Pengkaji telah menjalankan temu bual berstruktur terhadap empat subjek kajian. Sebanyak lima soalan telah disediakan oleh pengkaji dan diajukan kepada subjek kajian dalam sesi temu bual ini. Hasil dapatan daripada temu bual ini telah dirakam secara *off-recording* dan perbualan antara pengkaji dengan subjek kajian telah dipindahkan ke dalam bentuk transkripsi.

Hasil daripada temu bual berstruktur ini, pengkaji telah membuat transkripsi dan menerangkannya semula ke dalam bentuk penulisan naratif. Selain itu, pengkaji juga mengkategorikan hasil jawapan temu bual ini kepada lima kategori iaitu perasaan murid, peningkatan kemahiran, kaedah intervensi, keselesaan murid serta punca kesilapan berulang yang berkaitan dengan persoalan kajian.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan bagi kajian pengkaji adalah untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Hasil daripada dapatan kajian, jelas menunjukkan penggunaan kaedah *streaming video* mampu meningkatkan kemahiran murid untuk memindahkan maklumat dengan betul dan menyebutkan semula ayat pendek kepada rakannya.

5.6 Refleksi

Pengkaji mendapati penggunaan *streaming video* ini dapat menarik minat murid untuk belajar berbanding menggunakan teknik tradisional. Selain itu, penggunaan *streaming video* juga boleh mengubah perasaan murid daripada muram kepada ceria. Hasilnya, mereka gembira pada saat mengendalikan *streaming video* ini dan pengkaji turut gembira melihatnya.

Di samping itu, pengkaji juga menghadapi masalah kekurangan kepakaran tentang penghasilan video yang kurang mantap. Sebutan ayat dalam video kurang jelas dan lantang telah menjejaskan proses murid memindahkan maklumat. Secara tidak langsung menganggu tumpuan murid dan minat mereka untuk meneruskan kaedah *streaming video*.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan termasuklah memperluaskan skop kumpulan sasaran kepada murid berpendidikan khas, memuat naik kandungan *streaming video* ke dalam laman web serta memperluaskan penggunaan *streaming video* bagi mata pelajaran lain seperti Sejarah dan Bahasa Melayu.

RUJUKAN

Afiq Nazaruddin. (2010). *Meningkatkan Kemahiran Penggunaan Perisian Microsoft Paint Dalam Bidang Menggambar Murid Tahun 5 Menggunakan Kaedah Pembelajaran Koperatif*. Tesis tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur.

Ahmad Hanizar, A., H. (2007). *Kesan Pembelajaran Menggunakan Perisian SSMS Sekolah Bestari Berbanding Pengajaran dan Pembelajaran Secara Tradisional Dalam Fizik*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Aizzat Mohd Nasurdin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad. (2006). *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Bandura, A. (1971). *Social Learning Theory*. Standford University. USA: General Learning Corporation.

Carol Binti Abu, Tan Choon Keong. (2013). *Pengaplikasian Video Youtube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial*. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Dagun, Save M. (2006). Kamus Besar Ilmu Pengetahuan. Jakarta: Lembaga Pengkajian Kebudayaan Nusantara (LPKN).

Dean, T. (2010). *Networking: Networking + Guide to Network* (5th ed.).USA: Course Technology.

Jamila K.A. Mohamed. (2005). *Pendidikan Khas untuk Kanak-kanak Istimewa*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Jampala, M., B. (2004). Methods of Teaching Exceptional Children. India: Discovery Publishing House.

Mohd Johari Ab.Hamid (2004). *Falsafah dan Kritikan Seni*. Perak: Penerbit Universiti Sultan Idris Tanjong Malim.

Mok Soon Sang. (2010). *Perkembangan Kanak-kanak*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan* (2nd ed.). Kuala Lumpur. Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Siti Faizzatul Aqmal dan Razali. (2011). *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional: Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan 'Streaming Video' Bagi Meningkatkan Tahap Kefahaman Pelajar Abad Ke-21*, 2011. Universiti Tun Hussien Onn, Malaysia.

Sufean, H. (2005). *Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID BAGI TOPIK KEPENTINGAN BENTUK MUKA BUMI DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK PETA BUIH DAN SIMBOL DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 IRIS

Oleh:

FATIN FARHANA BINTI KAMARUDDIN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan meningkatkan pencapaian murid bagi topik Kepentingan Bentuk Muka Bumi dengan menggunakan teknik Peta Buih dan Simbol dalam kalangan murid 5 iris. Seramai tiga orang subjek kajian terdiri daripada sebuah sekolah di Kuala Lumpur terlibat dalam kajian. Fokus kajian memberi penekanan terhadap penggunaan teknik Peta Buih dan Simbol dalam usaha meningkatkan pencapaian murid bagi topik Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Keputusan yang diperoleh hasil tinjauan awal mendapati terdapat tiga orang murid mempunyai masalah terhadap pencapaian ujian PKSR1 yang berlangsung pada bulan Mei 2014. Dapatan kajian mendapati terdapat peningkatan ketara terhadap ketiga-tiga subjek kajian berdasarkan markah Ujian Pra berbanding dengan markah Ujian Pasca. Ini membuktikan teknik digunakan telah berjaya meningkatkan pencapaian murid sekaligus menjadi bahan rangsangan minda murid untuk mengingat. Cadangan penambahbaikan bagi cadangan kajian seterusnya ialah memanjangkan tempoh masa penyelidikan.

Kata kunci: Pencapaian, Peta buih dan simbol

1.0 PENDAHULUAN

Ketika menjalani praktikum fasa tiga selama 12 minggu di sekolah ini, didapati wujudnya perbezaan skor markah Ujian PKSR 1 bulan Mei Tahun 2014 terhadap beberapa orang murid. Berdasarkan analisis awal, terdapat perbezaan skor markah Ujian PKSR 1 bulan Mei Tahun 2014 subjek Kajian Tempatan. Pengkaji mendapati murid memahami dan dapat menjawab soalan kefahaman selepas sesi penerangan diberikan oleh guru. Tetapi mereka tidak dapat mengingat fakta bagi topik yang telah dipelajari dalam suatu tempoh yang lama. Analisis terhadap nota maklumat kekal murid mendapati, murid tidak dapat mengingat fakta ketika ujian dijalankan disebabkan oleh mereka tidak mempunyai nota rujukan yang lengkap untuk diulangkaji sebelum sebarang ujian dilaksanakan.

Dalam mengatasi masalah yang dihadapi, terdapat pelbagai kaedah serta teori yang boleh diguna pakai dalam membantu murid memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) selain meningkatkan keberkesanan terhadap pencapaian murid. Dalam kajian ini, teori yang diguna oleh pengkaji ialah Teori Pemprosesan Maklumat Robert Gagne dan Model Perkembangan Proximal (ZPD) oleh Ley Vygotsky.

2.0 FOKUS KAJIAN

Berdasarkan markah Ujian PKSR 1 yang dijalankan pada bulan Mei 2014, wujud perbezaan markah yang sangat ketara dalam kalangan murid kelas 5 Iris. Pengkaji mendapati terdapat murid yang mempunyai masalah untuk mengingat topik-topik yang dipelajari terutamanya bagi topik Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Masalah ini timbul disebabkan ketiadaan nota maklumat kekal untuk dijadikan sebagai rujukan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian murid dengan cara meningkatkan daya ingatan menggunakan teknik peta buih dan simbol dalam membuat nota.

Bagi mengesan masalah yang dihadapi, pengkaji telah menjalankan beberapa tinjauan awal sebelum kajian dilaksanakan ke atas murid-murid Tahun 5 Iris. Beberapa jenis instrumen telah digunakan seperti pemerhatian awal, ujian diagnostik dan analisis dokumen.Pemerhatian awal dilaksanakan berdasarkan suasana yang berlaku sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Pemerhatian dilakukan dengan menggunakan borang instrumen pemerhatian yang telah dibuat sebelum pemerhatian awal sebenar dijalankan bagi mengetahui aspek-aspek yang ingin diukur

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini dijalankan bertujuan meningkatkan pencapaian murid bagi topik Kepentingan Bentuk Muka Bumi dengan menggunakan Teknik Peta Buih dan Simbol dalam kalangan murid 5 Iris

3.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kemahiran membuat nota dalam kalangan murid 5 Iris dengan penggunaan teknik Peta Buih dan Simbol sebagai pemudah cara untuk
- Meningkatkan pencapaian murid melalui markah ujian pos berbanding ujian pra bagi tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi dengan menggunakan teknik peta buih dan simbol.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan tiga orang murid perempuan Tahun 5 iris bersekolah di Sekolah Kebangsaan Convent Sentul 2 yang terletak di Bandaraya Kuala Lumpur. Subjek kajian terdiri daripada murid yang berprestasi sederhana dan lemah. Berdasarkan skor diagnostik yang diperoleh subjek kajian 1 telah mendapat 40% iaitu gred D. Manakala, sampel kajian 2 telah mendapat 38% dan sampel kajian 3 mendapat 34% iaitu gred E. Skor Ujian diagnostik ini digunakan sebagai asas dalam pemilihan subjek kajian.

5.0 PERLAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan empat jenis instrumen iaitu Ujian Pra dan Ujian Pasca, pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual untuk membantu mengenal pasti masalah dan melihat hasil intervensi dijalankan ke atas subjek kajian.

5.1 Cara mengumpulkan data/ maklumat

Empat jenis instrumen yang digunakan ialah ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Instrumen dipilih berdsarkan kesesuaian bagi membantu kajian dijalankan.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji menggunakan kaedah ujian diagnostik, pemerhatian dan analisis data sebagai cara pengumpulan data. Kumpulan sasaran meliputi murid-murid Tahun 5 Iris terlibat untuk melakukan ujian diagnostik ini. Skor pemarkahan yang diperoleh daripada ujian ini digunakan untuk pemilihan subjek kajian.

5.3 Tindakan menangani masalah

Setelah merancang intervensi bagi menangani masalah yang dihadapi oleh subjek kajian, pengkaji melangsungkan proses PdP dengan menggunakan intervensi Peta Buih dan Simbol. Intervensi yang dijalankan melalui proses PdP dengan menggunakan Model Pemprosesan Maklumat oleh Gagne juga Zon Perkembangan Proximal (ZPD) oleh Ley Vygotsky. Berdasarkan model Pemprosesan Maklumat Gagne, maklumat atau input yang diberikan oleh pengkaji akan diperoleh dalam enam peringkat, iaitu menurut Mok Soon Sang (2008), terdapat lapan peringkat dalam Teori Pemprosesan Maklumat Robert Gagne iaitu motivasi, kefahaman, perolehan, penahanan, ingatan kembali, generalisasi, prestasi dan maklum balas.

Pengkaji memberi penerangan tentang topik Kepentingan Bentuk Muka Bumi dengan berpandukan simbol *BUMI*. Pengkaji juga memberi penerangan mengenai jenis-jenis peta pemikiran. Berdasarkan penerangan diberikan, subjek Kajian dikehendaki membina nota dengan menggunakan peta pemikiran dengan berpandukan simbol *BUMI* yang diberikan.

5.4 Keputusan kajian

Ujian Pra dan Ujian Pasca



Rajah 1. Perbandingan markah antara Ujian Pra dan Ujian Pasca

Rajah 1 menunjukkan perbandingan skor pencapaian Ujian Pra dengan Ujian Pasca bagi tiga orang subjek kajian (SK). Berdasarkan graf tersebut SK1 dan SK2 telah berjaya memperoleh markah sebanyak 50% bagi Ujian Pra iaitu berada pada gred D dan tahap lulus. Manakala bagi peratusan skala pencapaian bagi Ujian Pasca, juga terdapat persamaan markah bagi SK1 dengan SK2 iaitu kedua-dua subjek kajian telah mendapat skor pencapaian sebanyak 80%. Hal ini telah menunjukkan pemeringkatan yang luar biasa dan telah melebihi tahap yang dikehendaki dengan perbezaan sebanyak 30%.

Berbeza pula dengan SK3, skor pencapaian Ujian Pra ialah sebanyak 40%. Manakala, Ujian Pasca sebanyak 60% iaitu tedapat perbezaan sebanyak 20% jumlah peningkatan Skor pencapaian murid bagi SK3. Kesannya, SK3 telah memperoleh peningkatan Gred daripada Gred D kepada Gred C iaitu daripada tahap lulus ke tahap sederhana.

Pemerhatian

Jadual 1
Data pemerhatian selepas intervensi dijalankan

Aspek Pemerhatian	Subjek Kajian		
	SK 1	**SK 2**	**SK 3**
Aspek 1: Fokus			
Menunjukkan respon menjawab soalan	/	/	/
Menunjukkan minat dan sikap ingin tahu	/	/	/
Aspek 2: Hasil Kerja			
Membuat latihan pengukuhan	/	/	/
Membuat nota berdasarkan arahan	/	/	/

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan selepas intervensi, berlaku peningkatan berdasarkan aspek fokus dan hasil kerja sampel kajian. Didapati, terdapat peningkatan yang sangat ketara dari segi fokus apabila SK menunjukkan sepenuhnya ketika PdP berlangsung, menunjukkan minat dan sikap ingin tahu untuk menjawab soalan. Dari segi hasil kerja pula, SK dapat membuat latihan pengukuhan yang diberikan dan membuat nota berdasarkan arahan yang diberikan dengan menggunakan teknik peta buih dan simbol juga latihan pengukuhan.

Analisis Dokumen

Analisis telah dilakukan ke atas nota maklumat kekal yang dibuat oleh subjek kajian berpadukan kriteria yang telah ditetapkan. Berdasarkan analisis data dokumen bagi kitaran 1 dan kitaran 2 mendapati, penyediaan templet peta buih dan simbol bewarna memudahkan subjek kajian menulis isi penting ketika membuat nota dan menjimatkan masa. Hasilnya, nota ditulis menjadi kemas dan teratur. Penggunaan nota yang kemas dan teratur dapat menarik minat subjek kajian untuk membaca, lebih mudah difahami dan dapat mengingat untuk suatu tempoh yang lama.

Temu Bual

Pengkaji menggunakan temu bual separa berstruktur dengan menyediakan soalan sebelum temu bual dijalankan. Temu bual telah dijalankan ke atas tiga orang subjek kajian bagi mengetahui kesan penggunaan Teknik Peta buih dan simbol dalam meningkatkan skor pencapaian subjek kajian.

Hasil data mentah dari sesi temu bual telah dirakam dan dipindahkan dalam bentuk transkripsi. Pengkaji juga telah mengekod dan meletakkan tema berdasarkan temu bual yang dijalankan.Hasil yang diperoleh berdasarkan temu bual tersebut pengkaji telah menerangkan semula dalam bentuk penulisan naratif dengan mengkategorikan berdasarkan minat membuat nota, kemahiran membuat nota dan peningkatan daya ingatan.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. persoalan kajian akan dijustifikasikan dengan sokongan data yang dianalisis daripada pelbagai instrumen pengumpulan data. Empat jenis intrumen pengumpulan data digunakan iaitu analisis dokumen, pemerhatian, temu bual, Ujian Pra dan Ujian Pos.

Kajian mendapati gabungan teknik peta buih, warna dan unsur simbol sebagai perlambangan terhadap isi penting topik telah meningkatkan kemahiran membuat nota subjek kajian sekaligus mempertingkatkan kefahaman terhadap topik yang dipelajari. Bagi tempoh jangka masa panjang, Penggunaan teknik peta buih dan simbol ini dapat meningkatkan pencapaian murid.

5.6 Refleksi

Penyelidikan tindakan telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menilai amalan profesionalisme ketika pengkaji melangsungkan proses PdP sebagai bakal guru Major Pengajian Sosial. Berdasarkan daripada kajian yang dijalankan, pengkaji menjadi lebih peka terhadap masalah-masalah yang timbul terhadap murid walaupun masalah dalam bentuk yang remeh bagi memperbaiki mutu dan keberkesanan PdP yang dijalankan.

Namun terdapat kelemahan berdasarkan kajian yang dijalankan iaitu kekangan masa dalam mengumpul data. Apabila data Ujian Pasca diperoleh, pengkaji terfikir untuk melanjutkan lagi tempoh masa dalam melangsungkan ujian. Hal ini bagi menguji tahap tempoh masa sesuatu input itu bertahan terhadap subjek kajian.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pengkaji mencadangakan agar jumlah subjek kajian digunakan dengan lebih besar dan kajian dijalankan bersifat kualitatif. Pengkaji juga boleh mencadangkan agar kajian-kajian lanjutan dapat dijalankan dalam tempoh masa yang lebih lama. Cadangan berikutnya ialah dengan melamakan perlaksanaan Ujian Pasca. Perkara ini dilakukan agar pengkaji dapat menilai keberkesanan pengaplikasian input yang diperoleh oleh sampel kajian untuk satu tempoh yang panjang. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan untuk menggunakan teknik peta buih dan simbol bagi topik yang lain. Pengkaji juga menggunakan peneguhan kepada murid dalam usaha menarik minat dan fokus murid. Cadangan kajian terakhir ialah teknik peta buih dan simbol ini dilaksanakan kepada murid yang mempunyai tahap akademik yang lemah.

RUJUKAN

Ezwany Azmi dan Siti Rahimah Hamat.(2013). *Keberkesanan Peta Minda untuk Meningkatkan Daya Ingatan Murid Tahun 4 dalam Mengenal Nama Negeri dan Ibu Negeri Malaysia.* IPG Dato' Razali Ismail: Jabatan Kajian Sosial

Jamal Nordin, Kuan Wai Bing, Marinah Awang, Suzyanti Mohd Shokri.(2011). *Pemikiran Kreatif dan Kritis.* Selangor: Pearson Malaysia (M) Sdn. Bhd

Martin Davies.(2010). *Concept MAPPING, Mind Mapping and Argument Mapping, What are Different and Do They Matter?.* University of Melbourne: Science Business Department

Tony Buzan.(2006).*The Power of Creative Intelligennce.* Hammersmith: Thorsons An Imprint of Harper Collin Publishers

MENGEKSTRAK IDEA UTAMA TOPIK MELAKA SEBAGAI PUSAT KEGIATAN ILMU DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH PENYOALAN VISUAL DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5

Oleh:

MOHAMAD IKHWAN BIN IZAM
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bagi meningkatkan kemahiran mengenal pasti isi penting dan seterusnya menghasilkan peta minda dalam kalangan murid dengan menggunakan Kaedah Penyoalan Visual. Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Sungai Besi, Kuala Lumpur. Kajian ini melibatkan lima orang peserta kajian yang terdiri daripada dua orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan yang telah dipilih melalui tinjauan awal yang telah dilakukan. Kaedah penelitian dokumen dijalankan terhadap hasil kerja murid seperti lembaran kerja serta beberapa pemerhatian terhadap tingkah laku semasa kajian ini dijalankan. Selain itu, ujian pra dan ujian pasca turut diberikan bagi melihat perbezaan prestasi murid sebelum dan selepas intervensi diberi. Data yang diperoleh telah dianalisis dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan Kaedah Penyoalan Visual mampu meningkatkan kemahiran mengenal pasti isi penting dan seterusnya menghasilkan nota dengan menggunakan teknik peta minda.

Kata kunci: Kaedah Penyoalan Visual, mengenal pasti isi, teknik peta minda

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati murid tidak dapat menyiapkan tugasan yang diberikan oleh pengkaji sebagai latihan pengukuhan selepas proses pembelajaran. Berdasarkan aktiviti yang telah dijalankan itu juga, pengkaji turut mendapati catatan nota yang dihasilkan oleh kebanyakan murid adalah kurang kemas selain tidak dapat menyiapkan tugasan yang diberi dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.Terdapat pelbagai kaedah sebagai alat bantu dalam mencari penyelesaian kepada masalah ini serta teori yang boleh diguna pakai guru dalam membantu untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran selain meningkatkan keberkesanan terhadap pencapaian murid. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu Teori Pembelajaran Celik Akal dan Teori Pembelajaran Kognitif Ausebel.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati lima orang murid Tahun 5 Intan menghadapi masalah untuk mengenal pasti isi penting bagi mata pelajaran Kajian Tempatan tajuk Melaka Sebagai Pusat Kegiatan Ilmu setelah tinjauan awal dilakukan. Selain itu juga, pengkaji mendapati murid tidak mahir menggunakan teknik peta minda untuk menghasilkan peta minda berdasarkan isi penting yang telah dikenalpasti. Masalah ini timbul kerana guru tidak merangsang murid untuk menggunakan kemahiran berfikir semasa PdP. Justeru, pengkaji memfokuskan kajian ini kepada kaedah yang diperkenalkan oleh pengkaji bagi membantu murid mengenal pasti isi penting dan menghasilkan nota menggunakan peta minda dengan menggunakan kaedah penyoalan visual sebagai intervensi bagi menyelesaikan masalah ini.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif umum

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk membantu meningkatkan kemahiran subjek kajian mengenal pasti dan mencatat isi penting yang diperoleh dengan menggunakan kaedah penyoalan visual dalam sub-topik Melaka Sebagai Pusat Kegiatan Ilmu.

3.2 Objektif khusus

- Subjek kajian dapat mengenal pasti isi penting dengan menggunakan kaedah penyoalan visual.
- Subjek kajian menghasilkan peta minda yang kemas dan menarik dengan menggunakan kaedah penyoalan visual.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan lima orang murid Tahun 5 Intan yang terdiri daripada dua orang lelaki manakala tiga orang lagi adalah perempuan. Kesemua subjek kajian berbangsa Melayu. Mereka dipilih untuk dijadikan subjek kajian kerana mereka menunjukkan keputusan yang tidak memberangsangkan dalam tinjauan awal yang telah dijalankan.

Pengkaji turut mendapati selain tidak dapat mengenal pasti isi penting yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran, subjek kajian turut tidak dapat menghasilkan nota dengan kemas dan menarik. Nota yang dihasilkan oleh subjek kajian kebanyakannya tidak lengkap, dalam keadaan tidak tersusun dan tidak menarik.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian, penelitian dokumen, ujian untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian.

5.1 Cara mengumpulkan data/ maklumat

Semasa menjalankan tinjauan awal, pengkaji telah menggunakan instrumen pemerhatian dan penelitian dokumen.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah melakukan penelitian dokumen terhadap buku kerja subjek kajian bagi melihat hasil tugasan yang telah diberikan oleh pengkaji. Pengkaji turut melakukan pemerhatian terhadap tingkah laku subjek kajian dengan menggunakan borang senarai semak sebagai panduan. Data yang telah dikutip ini kemudiannya dianalisis dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa tindakan pada fasa pertama, Pengkaji telah merangka Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan menyediakan lembaran kerja menggunakan kaedah penyoalan visual. Dalam kaedah yang diperkenalkan ini, pengkaji akan menggunakan teknik penyoalan dalam bentuk peta minda bagi membantu dan merangsang subjek kajian mengenal pasti isi penting dari dalam teks.

Bagi kitaran kedua, pengkaji telah menambahbaik lembaran kerja dengan menambah *bullets* bagi memandu subjek kajian mengenal pasti jumlah isi penting yang betul dan membantu subjek kajian menyenaraikan isi penting dengan teratur.

5.4 Keputusan kajian

Pemerhatian

Jadual 1
Data Yang Dikumpul Pengkaji Melalui Pemerhatian

Tema	Sebelum					Kitaran 1					Kitaran 2				
	S1	S2	S3	S4	S5	S1	S2	S	S	S5	S1	S2	S3	S4	S5
Meniru		/		/	/										
Mengganggu Ujian				/	/				/	/				/	/
Bersungguh-sungguh	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Mimik Muka Ujian		/	/	/	/		/	/	/	/	/	/	/	/	/
Peta Minda	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Menyiapkan Tugasan						/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

Berbanding sebelum intervensi dilaksanakan, subjek kajian dilihat dapat menyiapkan tugasan dalam intervensi yang menggunakan kaedah penyoalan visual semasa kitaran 1 dan kitaran 2. Selain itu juga, perubahan ketara lain yang dapat dilihat oleh pengkaji adalah subjek dilihat tidak lagi meniru rakan lain semasa intervensi dijalankan dalam kitaran 1 dan kitaran 2.

Ujian



Rajah 1. Perbezaan Keputusan Ujian Mengenal Pasti Isi Penting

Dalam ujian mengenal pasti isi penting, pengkaji mendapati terdapat peningkatan prestasi buat kesemua subjek dalam ujian pasca berbanding dengan ujian pra yang dijalankan sebelum ini.



Rajah 2. Perbezaan Keputusan Ujian Menghasilkan Peta Minda

Dalam ujian menghasilkan peta minda pula, pengkaji mendapati berlaku peningkatan prestasi buat kesemua subjek kajian dalam menghasilkan peta minda yang baik.

Penelitian dokumen

Hasil analisis pengkaji terhadap hasil kerja subjek kajian selepas intervensi dilaksanakan menunjukkan peningkatan yang ketara terhadap peta minda yang dihasilkan subjek sebelum intervensi dilaksanakan.

Hasil kerja subjek selepas intervensi menunjukkan kesemua subjek dilihat telah memperbaiki kelemahan penggunaan ruang pada kertas bagi menghasilkan peta minda berbanding sebelum intervensi. Dua daripada lima subjek dilihat turut menggunakan warna semasa menghasilkan peta minda berbanding sebelum intervensi yang menunjukkan tiada subjek yang menggunakan warna dalam hasil kerja mereka.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian.

Setelah data-data yang diperoleh dianalisis, pengkaji mendapati kaedah penyoalan visual yang digunakan dapat meningkatkan kemahiran murid untuk mengenal pasti isi penting yang terdapat di dalam petikan dan menggunakan teknik peta minda untuk menghasilkan nota berdasarkan isi penting yang telah di kenal pasti.

5.6 Refleksi

Selepas kajian ini dijalankan, pengkaji telah mempelajari banyak ilmu yang baharu. Pengkaji mempelajari bagaimana untuk mengenal pasti sesuatu masalah dan seterusnya menyelesaikannya. Hasil

pengalaman yang berguna ini boleh digunakan oleh pengkaji sekiranya menghadapi masalah dalam proses pembelajaran dan pengajaran pada masa hadapan.

Selain itu, pengkaji turut mengalami kekangan masa untuk menjalankan intervensi, mengutip data dan seterusnya melakukan analisis. Kekangan masa ini turut menyukarkan pengkaji melakukan lebih banyak latihan bagi mengasah kemahiran subjek kajian untuk mengenal pasti isi penting dan seterusnya menghasilkan peta minda yang lebih baik sebagai pengukuhan terhadap pembelajaran mereka.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai keseinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan adalah dengan melakukan latih tubi bagi membiasakan subjek kajian untuk sentiasa menggunakan teknik penyoalan bagi mengenal pasti isi penting di dalam sesuatu petikan.

Selain itu, pengkaji turut boleh menggalakkan subjek kajian menggunakan komputer bagi menyenaraikan isi penting dan menghasilkan peta minda agar tugasan yang dihasilkan lebih menarik.

RUJUKAN

Asma Ishak. (2005). *Meningkatkan Kemahiran mencatat isi-isi penting dikalangan murid tahun 4 dengan menggunakan Peta Minda. Kajian Tindakan.* Guru Institut Perguruan Perlis.

Nur Hafizah Abdul Rahman dan Amir Hamzah Ya'akub. (2013). *Meningkatkan Kemahiran Menulis Isi Karangan Jenis Fakta Murid Tahun 4 Delima Melalui Kaedah Celik Mengarang (KACEM).* Kajian Tindakan. Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali Ismail.

Rosnah Ibrahim. (2012). *Meningkatkan Kemahiran Mencari Isi Melalui Program Ilustrasi Sumber Inspirasi Menggunakan Kaedah Peta Minda Bergambar*. Kajian Tindakan. Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali Ismail.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MATA PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN KHUSUS TAJUK CUACA DAN IKLIM – KAWASAN ZON IKLIM DUNIA MENGGUNAKAN KAEDAH ISAIVU DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5

Oleh:

MOHD FIRDAUS BIN SAAD
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat adakah penggunaan kaedah Isaivu dapat meningkatkan pencapaian dan penglibatan murid bagi mata pelajaran kajian tempatan khusus tajuk cuaca dan iklim – kawasan zon iklim dunia dalam kalangan murid tahun 5 Zamrud. 6 orang subjek kajian di sebuah sekolah di Kuala Lumpur telah dipilih dalam kajian ini. Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada kaedah Isaivu dapat meningkatkan pencapaian markah dan penglibatan subjek kajian di dalam matapelajaran kajian tempatan. Tinjauan awal mendapati subjek kajian mendapat markah ujian bulanan yang rendah, berasa bosan dan tidak meminati subjek kajian tempatan kerana terpaksa mengingati fakta yang disampaikan pengkaji. Keputusan menunjukkan pencapaian markah dan penglibatan subjek kajian meningkat selepas pengkaji melakukan intervensi. Sehubungan dengan itu, cadangan kajian seterusnya adalah menggunakan perkusi ketika intervensi dan menjalankan kaedah Isaivu secara pengajaran luar bilik darjah.

Kata kunci : Isaivu

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan Sungai Besi pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh murid-murid. Diantara masalah tersebut adalah murid berasa bosan dan tidak minat terhadap proses pengajaran dan pembelajan yang dijalankan pengkaji. Masalah ini dapat dilihat apabila terdapat murid yang tidur dan berjalan-jalan semasa pengkaji menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa pencapaian markah ujian bulanan murid di dalam subjek kajian tempatan juga berada di tahap yang rendah. Ini membuatkan pengkaji berasakan murid memerlukan kaedah yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian markah dan penglibatan murid di dalam kelas. Sehubungan dengan itu, pengkaji berasakan kaedah Isaivu iaitu gabungan teknik nyanyian dan muzik adalah kaedah yang sesuai untuk dijalankan di dalam kelas. Isaivu merupakan gabungan perkataan bahasa tamil iaitu “Isai” bermaksud muzik manakala “asaivu” pula bermaksud pergerakan. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu teori kecerdasan pelbagai dan teori muzik Dalcroze.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah dihadapi oleh murid-murid di Sekolah Kebangsaan Sungai Besi ketika menjalani praktikum di sana. Pengkaji juga menyedari murid tidak berjaya mengingat fakta yang dipelajari dan kurang memahami pengajaran yang diajar secara konvensional. Pengkaji berpendapat penggunaan kaedah Isaivu adalah relevan untuk dijalankan terhadap subjek kajian kerana kaedah tersebut mengabungkan ketiga-tiga teknik yang melibatkan pandangan, pendengaran dan kinestatik. Pengkaji juga mendapati subjek kajian gemar menyanyi dan sangat aktif bermain bersama rakan ketika waktu rehat. Kaedah Isaivu tidak melibatkan kos yang tinggi serta tenaga dan masa yang banyak. Dalam pelaksanaan kaedah ini, pengkaji akan menjadi *demonstrator* manakala murid akan mengikuti gaya pengkaji malah memberikan idea atau pendapat mereka untuk penambahbaikkan pergerakan. Pengkaji berpendapat kaedah ini bukan sahaja dapat diaplikasikan dalam matapelajaran Kajian Tempatan tetapi juga untuk semua matapelajaran. Selain daripada boleh diaplikasikan di dalam mata pelajaran lain, kaedah ini juga boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Tambahan lagi, subjek kajian yang dipilih juga tidak ramai iaitu seramai enam orang sahaja. Ini secara tidak langsung memudahkan guru untuk mengawal dan memastikan semua subjek kajian yang terlibat ketika proses pengajaran dan pembelajaran

berlangsung. Sepanjang menjalankan kajian, guru-guru di SK Sungai Besi sering membantu pengkaji dalam memberikan pandangan dan idea penambahbaikan untuk menyelesaikan masalah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif umum

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk meningkatkan pencapaian dan penglibatan 6 orang murid menggunakan kaedah Isaivu dalam tajuk Cuaca dan Iklim – Kawasan Zon Iklim Dunia bagi mata pelajaran Kajian Tempatan tahun 5 Zamrud.

3.2 Objektif khusus

- Meningkatkan pencapaian markah pengajaran dan pembelajaran murid menggunakan kaedah Isaivu dalam tajuk Cuaca dan Iklim – Kawasan Zon Iklim Dunia bagi mata pelajaran Kajian Tempatan.
- Meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran Kajian Tempatan melalui aplikasi kaedah Isaivu dalam tajuk Cuaca dan Iklim – Kawasan Zon Iklim Dunia.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan enam orang murid tahun 5 Zamrud berumur 11 tahun yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Sungai Besi yang terletak di Kuala Lumpur. Jantina enam orang subjek kajian terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Empat orang subjek kajian adalah kaum melayu dan dua orang lagi adalahkaum india. Dari segi pembelajaran, seorang daripada subjek kajian merupakan seorang murid pemulihan.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti Ujian pra dan pasca, pemerhatian berstruktur, dan soal selidik untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah menggunakan rentak lagu *Brother John* dan mengantikan lirik lagu tersebut dengan memasukkan fakta mengenai Cuaca dan Iklim-Zon Iklim Dunia.

5.1 CARA PENGUMPULAN DATA

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini ialah ujian pra dan pasca, pemerhatian berstruktur, dan juga soal selidik. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 KAEDAH ANALISIS DATA

Pengkaji telah menggunakan kaedah ujian sebagai salah satu cara pengumpulan data untuk melihat pencapaian markah subjek kajian. Bagi melaksanakan ujian ini, pengkaji telah menggunakan dua jenis ujian iaitu ujian pra dan ujian pasca. Dapatan bagi kedua-dua ujian ini akan dibandaingkan dengan menggunakan peratusan dan kekerapan bilangan gred. Pengkaji telah mengunakan pemerhatian berstruktur untuk melihat penglibatan dan perubahan sikap murid di dalam kelas pengkaji. Dalam instrumen ini, pengkaji telah menyediakan satu borang senarai semak dan membahagikan kepada lima tema utama tingkah laku iaitu mengantuk, berkhayal, menjawab soalan guru, tidak membawa buku dan juga membuat bising ketika pengkaji sedang mengajar. Borang senarai semak pemerhatian tersebut telah dilengkapkan dengan tiga skala untuk mengukur tahap perlakuan tingkah laku subjek kajian. Skala 0 untuk tidak melakukan, skala 1 untuk melakukan manakala skala 2 untuk kerap melakukan tingkah laku tersebut. Ketika menjalankan intervensi, pengkaji telah meminta bantuan daripada rakan praktikum pengkaij untuk menanda borang senarai semak. Instrumen ketiga yang turut digunakan pengkaji adalah soal selidik. Borang soal selidik mengandungi 7 soalan yang berbentuk “Ya” dan “Tidak sahaja”. Tujuan soal selidik

diberikan adalah untuk menilai keseluruhan pendapat subjek kajian terhadap kaedah Isaivu yang dijalankan.

5.3 TINDAKAN

Sebelum menjalankan intervensi, pengkaji terlebih dahulu telah menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara konvensional. Dalam tindakan ini, pengkaji telah mengunakan borang senarai semak untuk melihat penglibatan subjek kajian dalam sesi pengajaran dan pembelajan pengkaji. Pengkaji kemudian telah memberikan ujian pra kepada subjek kajian untuk dijawab bagi melihat pencapaian dan kefahaman mereka. Pada minggu yang seterusnya, pengkaji telah menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan mengunakan kaedah Isaivu. Sebaik tamat sahaja menjalankan intervensi, pengkaji telah memberikan ujian penilaian kepada subjek kajian untuk dijawab. Hasil daripada kaedah ini telah menyebabkan beberapa subjek kajian mengalami peningkatan. Namun begitu, disebabkan tidak semua pencapaian markah subjek kajian mengalami peningkatan, pengkaji kemudian telah merancang untuk menambahbaik kaedah Isaivu yang dijalankan. Pengkaji telah menjalankan kaedah Isaivu secara karaoke semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pemerhatian berstruktur telah dilaksanakan semasa intervensi dijalankan. Sebaik sahaja kaedah Isaivu secara karaoke dijalankan, pengkaji telah memberikan ujian pasca kepada subjek kajian untuk dijawab. Pada hari terakhir pengkaji di sekolah tersebut, pengkaji telah memberikan borang soal selidik kepada subjek kajian untuk dijawab. Keseluruhan data telah dikumpul dan dianalisis di dalam laporan.

5.4 KEPUTUSAN KAJIAN

Ujian Pra dan Ujian Pasca



Rajah 1. Perbandingan antara Ujian Pra dan Ujian Pasca

Rajah 1 menunjukkan markah ujian pra dan pasca subjek kajian yang telah dijalankan. Setiap subjek kajian mengalami peningkatan dari segi peratusan markah sekurang-kurangnya 25 peratus. Jumlah subjek kajian yang mendapat gred A juga telah meningkat kepada empat orang. Perbezaan yang ketara ini amat positif dalam membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan.

PEMERHATIAN

Jadual 1
Tingkah Laku Subjek Kajian Sebelum dan Selepas Intervensi Mengikut Skala

Subjek kajian	**Tingkahlaku Subjek kajian**									
	Mengantuk		Khayal		Menjawab soalan guru		Tak bawa Buku		Bising	
	SB	SL	SB	SL	SB	SL	SB	SL	SB	SL
Subjek a	0	0	1	0	0	2	0	0	0	0
Subjek b	0	0	1	0	0	2	0	0	0	0
Subjek c	1	0	1	0	0	1	0	0	0	0
Subjek d	0	0	1	0	0	2	0	0	0	0
Subjek e	2	0	1	0	0	2	1	0	0	0
Subjek f	2	0	1	0	0	1	1	1	0	0

Petunjuk: SB = Sebelum Intervensi SL = Selepas Intervensi

Skala Tingkah Laku : 0 = tidak melakukan, 1 = melakukan sekali, 2 = melakukan lebih daripada sekali

Dapatan pemerhatian menunjukkan subjek kajian tidak lagi mengantuk, berkhayal ataupun membuat bising di dalam kelas malah terlibat aktif ketika sesi pembelajaran selepas kaedah Isaivu di laksanakan. Malah, bilangan subjek kajian yang tidak membawa buku juga mengalami pengurangan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa subjek kajian berminat dan melibatkan diri selepas kaedah Isaivu dilaksanakan.

Soal selidik

Jadual 7.7
Keputusan Soal Selidik Mengenai Keberkesanan Kaedah Pengajaran Pengkaji

Bil.	**Pernyataan**	**YA**	**%**	**TIDAK**	**%**
1	Aktiviti pembelajaran lebih menyeronokkan dengan menggunakan kaedah Isaivu?	6	100	0	0
2	Memudahkan mengingati sesuatu fakta di dalam tajuk “Cuaca dan Iklim – Kawasan Zon Iklim Dunia”	6	100	0	0
3	Belajar dengan kaedah Isaivu dapat meningkatkan minat belajar	6	100	0	0
4	Lebih memahami apa yang guru sampaikan dengan kaedah Isaivu	5	83	1	17
5	Suka belajar menggunakan Kaedah Isaivu berbanding mendengar penerangan guru	6	100	0	0
6	Lebih memberi perhatian ketika guru mengajar	6	100	0	0

Soal selidik dijalankan adalah untuk menilai keseluruhan intervensi yang telah dijalankan. Dapatan instrumen soal selidik menunjukkan bahawa kaedah Isaivu memudahkan mengingat, meningkatkan minat, seronok dan membantu lebih memahami pelajaran pada hari tersebut.

5.5 RUMUSAN KAJIAN

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada pemerhatian berstruktur, soal selidik, serta ujian pra dan pasca. Pencapaian subjek kajian dalam ujian pasca menunjukkan peningkatan berbanding ujian pra. Setiap subjek kajian mengalami peningkatan dari

segi peratusan markah sekurang-kurangnya 25 peratus. Selain itu, dapatan pemerhatian berstruktur juga menunjukkan bahawa subjek kajian tidak lagi mengantuk, berkhayal ataupun membuat bising di dalam kelas malah terlibat aktif ketika sesi pembelajaran. Malahan juga, bilangan subjek kajian yang tidak membawa buku juga mengalami pengurangan. Sehubungan dengan itu, dapatan ini menunjukkan bahawa kaedah Isaivu berjaya meningatkan penglibatan dan minat subjek kajian dalam matapelajaran kajian tempatan tahun 5 dalam tajuk Cuaca dan Iklim - Zon Iklim Dunia.

5.6 REFLEKSI

Pengkaji telah mencari pelbagai bahan dan sumber rujukan di perpustakaan negara dan perpustakaan institut bagi mendapatkan maklumat yang disaran oleh pensyarah kepada pengkaji. Hasilnya, pengkaji telah mendapat pelbagai bahan dan maklumat yang berguna sebagai rujukan semasa menjalankan kajian dan menyiapkan laporan. Selain itu, pengkaji turut mengalami masalah kekangan masa menyiapkan laporan dan menghasilkan penulisan ilmiah yang berkualiti seperti yang dikehendaki. Akibat kekurangan masa, pengkaji jarang berjumpa dengan penyelia pembimbing untuk berbincang mengenai penyelidikan tindakan ini. Ini menyebabkan penulisan laporan tidak dilaksanakan dengan baik.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam kajian seterusnya ialah menggunakan perkusi atau alat muzik sebagai instrumen tambahan ketika kaedah intervensi digunakan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji menyarankan agar kajian seterusnya dapat dilaksanakan di luar kelas agar murid bebas bergerak ketika menyanyi. Malah, pengkaji juga berharap agar tempoh intervensi dipanjangkan supaya kaedah Isaivu dapat diaplikasikan dalam topik kajian tempatan yang lain.

RUJUKAN

Ahmad Subki Miskon dan Syed Ismail Syed Mustapa. (2011). *Murid dan alam belajar*. Freemind Horizons : Kuala Lumpur.

Ang Shiao Chien. (2011). *Meningkatkan Penghargaan Estetik Dalam Muzik Dan Gerakan Melalui Pendekatan Dalcroze Dalam Kalangan Murid Tahun 3*. Kajian Tindakan IPG Kampus Raja Melewar.

Chen, W. K. (2004). *Kewujudan pelbagai jenis kecerdasan (multiple intelligences) dan pengaruhnya terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar pendidikan teknik dan vokasional*. (Disertasi Sarjana Pendidikan). Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Johor.

Jeong, J. (2005). *Adaptation of Dalcroze Methodology to The Teaching of Music to Kindergarten Students in Korea*. Massachusetts: Boston University

Kamaliah Aminah Abdullah@ Abu Bakar. (2006). *Penggunaan Rangsangan Muzik Terhadap Penguasaan Sifir Pelajar-Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Omar, Dungun*. Fakulti Pendidikan : Universiti Teknologi Malaysia.

Rohizani Yaakub. (2010). *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pelaksanaan Kurikulum.* USM Pulau Pinang.

Zainuree Mohd Sa'ad. (2003). *Kajian Penggunaan Elemen Muzik Dan Nyanyian Di Dalam Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Biologi SMK Buyong Adil.* Tesis Diploma Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH MENGGUNAKAN TEKNIK PERMAINAN TFW (*THINKING CARD, FINDING WORDS* DAN *WHEEL OF FORTUNE*) DALAM KALANGAN MURID TAHUN 4 IXORA

Oleh:

MUHAMMAD HAFIZ BIN MAHAMAD SHUKRI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji teknik permainan TFW dalam meningkatkan pencapaian dan penglibatan murid bagi mata pelajaran Sejarah. Dalam Kajian ini, Teori Perkembangan Kognitif dan Teori Konstruktivisme telah dijadikan asas kepada teknik permainan TFW dalam pengajaran dengan menggabungkan tiga jenis aktiviti permainan. Tinjauan awal menunjukkan hanya 4 orang daripada 29 orang murid mendapat markah bawah daripada 60%. Semasa ujian pra dijalankan didapati 2 orang sampel kajian mendapat gred C, seorang mendapat gred B dan seorang mendapat gred D. Dapatan sebelum intervensi juga menunjukkan 2 orang sampel kajian tidak minat mata pelajaran Sejarah. Kesemua sampel kajian juga menyatakan mereka tidak memahami pengajaran yang dijalankan oleh pengkaji. Berdasarkan pemerhatian sebelum intervensi juga menunjukkan 3 orang sampel kajian tidak melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dan kesemua sampel kajian gagal menyiapkan lembaran kerja yang diberikan. Perancangan tindakan ditumpukan dengan menggunakan teknik permainan TFW untuk meningkatkan pencapaian dan penglibatan sampel kajian secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Dapatan ujian pasca menunjukkan peningkatan markah yang ketara kesemua sampel kajian. Terdapat 2 orang sampel kajian mendapat cemerlang atau gred A dan 2 orang sampel kajian mendapat baik atau gred B. Kesimpulannya teknik permainan TFW dapat membantu murid dan guru semasa pengajaran berlangsung bagi mata pelajaran Sejarah.

Kata Kunci: Permainan TFW dan penglibatan murid.

1.0 PENDAHULUAN

Berdasarkan pengalaman praktikum semester 7 yang lepas di Sekolah Kebangsaan Cochrane, pengkaji mendapati masalah murid tahun 4 adalah penglibatan murid yang pasif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan pencapaian murid yang rendah dalam kebanyakan tajuk dalam mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, pengkaji telah memilih teknik permainan dalam pengajaran. Permainan merupakan satu teknik yang baik untuk menjadikan pengajaran di sekolah lebih menarik dan praktis. Kanak-kanak akan memperoleh pembelajaran yang paling berkesan sekiranya mereka mempelajari sesuatu sesuai dengan minat, tujuan dan faedah mereka. Pengkaji telah menggunakan dua teori utama dalam kajian ini iaitu Teori Behaviorisme dan Teori Konstruktivisme.

2.0 FOKUS KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian masalah atau isu yang dihadapi oleh pengkaji ialah sikap murid tahun 4 yang begitu pasif dan tidak memahami fakta semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran terutama dalam sesi soal jawab. Murid juga didapati gagal untuk menjawab soalan yang diajukan dengan betul dan ini membuktikan bahawa murid tidak berminat untuk mengikuti mata pelajaran Sejarah. Berdasarkan pemerhatian murid juga berasa bosan dengan cara pengkaji mengajar.

Di akhir pengajaran, pengkaji mendapati hasil pembelajaran tidak tercapai kerana kebanyakan murid tidak dapat memberikan jawapan yang betul semasa sesi soal jawab dijalankan. Lembaran kerja yang diberikan juga kebanyakannya tidak disiapkan oleh semua murid. Pengkaji juga menjalankan tinjauan awal dengan menjalankan ujian pra. Ujian pra dijalankan adalah bertujuan untuk menguji tahap kefahaman murid mengenai tajuk Zaman Air Batu setelah pengkaji mengajar menggunakan kaedah tradisional iaitu *chalk and talk.* Oleh itu pengkaji telah memilih untuk menggunakan teknik permainan TFW bagi murid tahun 4.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian dan penglibatan murid bagi mata pelajaran Sejarah menggunakan teknik permainanTFW dalam kalangan murid tahun 4 Ixora.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan pencapaian murid bagi mata pelajaran Sejarah menggunakan teknik permainan TFW dalam kalangan murid tahun 4 Ixora.
- Meningkatkan penglibatan murid bagi mata pelajaran Sejarah menggunakan teknik permainan TFW dalam kalangan murid tahun 4 Ixora.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan seramai empat orang murid tahun 4 Ixora di Sekolah Kebangsaan Cochrane yang terdiri daripada 3 orang murid perempuan dan seorang murid lelaki. 3 sampel kajian yang dipilih berbangsa Melayu dan seorang berbangsa Iban kerana komposisi kelas mengikut bangsa sangat tidak sekata kerana hampir 90% murid kelas ini berbangsa Melayu. Kelas Ixora merupakan kelas kedua daripada 5 kelas yang terdapat dalam tahun 4. Oleh itu, prestasi akademik kelas ini dilihat sederhana walaupun terdapat beberapa orang murid yang dikategorikan sebagai lemah. Pengkaji berpendapat sampel kajian mempunyai beberapa keistimewaan antaranya ialah mereka peramah dan mesra dengan semua guru termasuk guru-guru praktikum. Kebiasaannya mereka akan datang ke bilik guru untuk menjemput guru masuk ke kelas. Berdasarkan sesi perkenalan sewaktu pengkaji mula berpraktikum, status sosio-ekonomi keluarga sampel kajian boleh dikategorikan sebagai sederhana kerana ibu bapa mereka bekerja sebagai guru, kerani, pegawai bank dan tentera.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian, pemerhatian, soal selidik dan analisis dokumen untuk membantu mengenalpasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas sampel kajian.

5.1 Cara Pengumpulan Data

Pengkaji telah menggunakan 4 jenis instrumen dalam pengumpulan data iaitu ujian yang terdiri daripada ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca, pemerhatian, soal selidik dan analisis dokumen. Kesemua instrumen ini digunakan sebelum intervensi, selepas kitaran pertama dan selepas kitaran kedua.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji mendapati markah ujian diagnostik bagi tajuk Zaman Air Batu yang diperoleh oleh sampel kajian dari kelas 4 Ixora adalah sederhana iaitu mendapat markah bawah 60%. Berdasarkan pemerhatian, punca paling ketara yang dapat dikesan adalah sampel kajian tidak memahami fakta dan tidak berminat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini menyebabkan mereka berasa bosan dan seterusnya menyebabkan fokus mereka sewaktu di dalam kelas terganggu.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Pengkaji telah menggunakan model yang telah diadaptasi daripada Model Kurt Lewin kerana proses pengumpulan data dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan menggunakan model ini. Pengkaji telah melaksanakan 2 kitaran. Kitaran pertama pengkaji menggunakan teknik permainan TFW yang terdiri daripada *Thinking Card, Finding Words* dan *Wheel of Fortune*. Sewaktu kitaran kedua pula, pengkaji telah melaksanakan permainan TFW dan ditambah dengan penggunaan Papan Token.

5.4 Keputusan Kajian

Ujian



Rajah 1: Perbandingan Markah Ujian Pra, Ujian Pencapaian dan Ujian Pasca

Berdasarkan Rajah 1, dilihat kesemua sampel kajian mencatatkan peningkatan. Peningkatan juga adalah berbeza antara setiap sampel kajian. Perbezaan markah yang sangat ketara ditunjukkan oleh sampel kajian 2 yang mana sampel kajian tersebut telah mencatatkan perbezaan sebanyak 50 markah. Sampel kajian 1 menunjukkan perbezaan yang rendah iaitu sebanyak 24 markah manakala sampel kajian 3 dan sampel kajian 4 mencatatkan perubahan markah sebanyak 33 markah.

Soal Selidik

Jadual 1
Perbandingan Dapatan Soal Selidik Sebelum Intervensi, Kitaran 1 dan Kitaran 2

ITEM	SEBELUM (%)		KITARAN 1 (%)		KITARAN 2 (%)	
	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK
Saya minat mata pelajaran Sejarah.	50	50	100	0	100	0
Saya seronok dengan cara guru mengajar	0	100	100	0	100	0
Guru menggunakan pelbagai jenis bahan untuk mengajar	0	100	100	0	100	0
Guru mewujudkan suasana seronok di dalam kelas	25	75	75	25	100	0
Guru memberi hadiah atau ganjaran	0	100	0	100	100	0
Guru sangat mesra dengan murid	50	50	100	0	100	0
Saya berasa mengantuk sewaktu guru sedang mengajar.	75	25	0	100	0	100
Saya bosan dengan cara guru mengajar	75	25	0	100	0	100
Saya mudah memahami pengajaran guru	0	100	75	25	100	0
Guru tidak melibatkan murid sepanjang guru sedang mengajar.	50	50	0	100	0	100

Jadual 1 menunjukkan perbandingan antara dapatan sebelum intervensi, selepas kitaran pertama dan selepas kitaran kedua. Berdasarkan analisis yang dijalankan didapati terdapat perbezaan yang sangat

ketara antara dapatan kitaran kedua berbanding sebelum intervensi dan sedikit berbeza berbanding kitaran pertama. Jadual 1 juga menunjukkan perubahan yang sangat ketara setelah intervensi dijalankan.

Pemerhatian

Jadual 2
Perbandingan Dapatan Pemerhatian Sebelum Intervensi, Semasa Kitaran 1 dan Semasa Kitaran 2.

ITEM	SEBELUM INTERVENSI		KITARAN 1		KITARAN 2	
	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK
Murid berjalan-jalan di dalam kelas	3	1	2	2	3	1
Murid tidak bersedia untuk belajar	4	0	2	2	3	1
Murid berkhayal semasa guru mengajar.	3	1	1	3	0	4
Murid mengganggu rakan semasa guru mengajar.	3	1	1	3	0	4
Murid membuat kerja sendiri seperti melukis.	2	2	0	4	0	4
Murid kerap minta izin untuk ke luar ke tandas	2	2	2	2	2	2
Murid mengasingkan diri	3	1	0	4	0	4
Murid seronok dengan cara guru mengajar	0	4	3	1	4	0
Murid melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran (contoh: tanya soalan dan menjawab soalan)	1	3	3	1	4	0
Murid dapat menjawab soalan yang diajukan dengan baik.	1	3	3	1	3	1
Tugasan yang diberikan dapat diselesaikan	1	3	3	1	4	0
Murid tidak menyiapkan lembaran kerja	4	0	0	4	0	4
Murid melibatkan diri dalam aktiviti berkumpulan	1	3	3	1	4	0

Jadual 2 menunjukkan perbandingan antara dapatan pemerhatian sebelum intervensi, kitaran pertama dan kitaran kedua. Berdasarkan analisis yang dijalankan didapati terdapat perbezaan yang sangat ketara antara dapatan kitaran kedua berbanding sebelum intervensi dan sedikit berbeza berbanding kitaran pertama. Jadual 2 juga menunjukkan perubahan yang sangat ketara setelah intervensi dijalankan. Walau bagaimanapun tiada perubahan dicatatkan dalam beberapa item antara kitaran pertama dan kedua seperti masih terdapat sampel kajian yang kerap meminta izin untuk keluar ke tandas dan soalan yang diajukan kepada sampel kajian dapat dijawab dengan baik.

Analisis Dokumen

Jadual 3
Perbandingan Analisis Dokumen Sebelum Intervensi, Selepas Kitaran Pertama dan Selepas Kitaran Kedua

SAMPEL KAJIAN	SEBELUM INTERVENSI		KITARAN PERTAMA		KITARAN KEDUA	
	Buku Kerja	Lembaran Kerja	Buku Kerja	Lembaran Kerja	Buku Kerja	Lembaran Kerja
Sampel 1	X	3/10	X	7/10	/	8/10
Sampel 2	X	X	X	X	X	7/10
Sampel 3	X	4/10	/	6/10	/	9/10
Sampel 4	X	X	/	7/10	/	8/10

Berdasarkan Jadual 3, dilihat terdapat peningkatan yang positif setelah intervensi dijalankan pada kitaran pertama dan kedua. Bilangan jawapan yang betul bagi lembaran kerja didapati meningkat selepas kitaran kedua dijalankan bagi kesemua sampel kajian. 3 daripada 4 orang sampel kajian juga telah berjaya menyiapkan buku kerja. Walau bagaimanapun, sampel kajian 2 masih tidak menyiapkan buku kerja berbanding sampel kajian yang lain.

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan kajian mendapati setelah keempat-empat kaedah pengumpulan data dianalisis, pengkaji telah mendapati teknik permainan TFW mampu untuk membantu sampel kajian meningkatkan pencapaian mereka dan dapat meningkatkan penglibatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Selain itu, tingkah laku negatif juga berjaya dikurangkan ketika intervensi dijalankan.

5.6 Refleksi

Sepanjang kajian dijalankan pengkaji telah mengenal pasti beberapa kekuatan antaranya teknik ini membantu pengkaji dalam meningkatkan penglibatan dan keyakinan diri sampel kajian terhadap perkara yang dipelajari disamping menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih aktif dan menyeronokkan. Teknik permainan ini juga telah terbukti dapat meningkatkan prestasi sampel kajian dalam ujian pasca yang telah dijalankan setelah intervensi dijalankan. Sampel kajian juga dilihat memberikan tindak balas yang positif semasa sesi soal jawab pada akhir sesi pembelajaran.

Walaupun terdapat benyak kelebihan dalam menggunakan teknik permainan TFW dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pengkaji beranggapan masih terdapat kelemahan yang terdapat dalam teknik ini. Antara kelemahan yang dapat dikenalpasti ialah teknik permainan ini membuatkan proses pengajaran dan pembelajaran kurang terkawal.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan ialah pengkaji perlu lebih bersedia. Selain itu, pengkaji boleh menambah bilangan sampel daripada 4 kepada bilangan yang lebih ramai. Penambahbaikan juga boleh digunakan terhadap instrumen kajian. Bukan itu sahaja, pengkaji juga boleh melakukan penambahbaikan terhadap intervensi dengan menambah penggunaan teknologi maklumat.

RUJUKAN

Acar, B., dan Tarhan, L. (2007). Effects of cooperative learning on students'understanding of metallic bonding. *Res Sci Educ* (2008), 38, 401–420.

Abdul Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong. (2006). *Penggunaan sistem ganjaran dalam meningkatkan penglibatan murid-murid tahun 2 murni dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Sains*. Jurnal Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa,01:1-8.

Abdul Razak Alias. (2009). *Meningkatkan kemahiran memahami teks dengan menggunakan strategi KWL dalam mata pelajaran sivik dan kewarganegaraan*, *Jurnal Pedagogi Pribumi* 01: 4-28

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan buku 1*. Malaysia McGraw-Hill Sdn. Bhd.

Kamarulzaman Kamaruddin (2009). *Psikologi Perkembangan.* Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Noriati. (2009*). Siri pendidikan guru murid dan alam belajar*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar.

PENGGUNAAN TEKNIK NYANYIAN UNTUK MENINGKATKAN KEPEKAAN MENGINGAT FAKTA KEPENTINGAN BENTUK MUKA BUMI BAGI SUBJEK KAJIAN TEMPATAN TAHUN 5 AZAM

Oleh:

MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN HANIZAFUDDIN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji penggunaan teknik nyanyian dalam meningkatkan kepekaan mengingat fakta murid Tahun 5 Azam bagi mata pelajaran Kajian Tempatan. Kajian literatur juga menunjukkan penggunaan teknik nyanyian dapat memberikan keseronokan kepada murid dan mambantu murid-murid mengingat. Dalam kajian ini, Teori Pemprosesan Maklumat dan Teori Behavioris telah dijadikan asas kepada teknik nyanyian dalam pengajaran penyelidik dengan menggunakan lagu bagi meningkatkan kepekaan pendengaran sebagai rangsangan untuk mendapatkan maklumat untuk disimpan di stor ingatan. Tinjauan awal menunjukkan subjek kajian mengalami masalah mengingat fakta berdasarkan peratus markah lembaran kerja subjek kajian berada pada gred yang lemah. Tinjauan awal berdasarkan pemerhatian menunjukkan bahawa subjek kajian mengalami masalah mengingat fakta apabila ditanya soalan secara lisan oleh guru. Analisis ujian diagnostik juga menunjukkan 10 orang subjek kajian mendapat markah di bawah 50 peratus. Keputusan ujian pra juga tidak memberangsangkan. Namun, semasa intervensi dijalankan pada kitaran pertama, analisis pemerhatian menunjukkan berlakunya perubahan tingkah laku positif dan lisan subjek kajian. Subjek kajian menunjukkan minat terhadap teknik nyanyian yang digunakan. Analisis ujian pasca juga menunjukkan peningkatan markah yang ketara berbanding ujian pra. Berdasarkan soal selidik pula, subjek kajian bersetuju bahawa teknik nyanyian dapat meningkatkan ingatan mereka terhadap fakta Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Kesimpulannya teknik nyanyian dapat membantu murid dan guru semasa pengajaran berlangsung bagi mata pelajaran Kajian Tempatan.

Kata kunci: nyanyian, kepekaan mengingat fakta.

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati murid-murid lemah dalam mengingat fakta Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Pengkaji dapati murid-murid tidak dapat melengkapkan lembaran kerja dengan jawapan yang betul walaupun baru sahaja diperkenalkan dengan fakta tersebut di dalam kelas. Terdapat pelbagai teknik sebagai alat dalam mencari penyelesaian kepada masalah ini serta teori yang boleh diguna pakai guru dalam membantu untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran selain meningkatkan keberkesanan terhadap pencapaian murid. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu teori pemprosesan maklumat dan teori behaviorisme.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati terdapat banyak masalah dalam kalangan murid-murid. Berdasarkan kepada refleksi pengajaran dan pembelajaran dan refleksi nilai pendidikan yang telah dibuat, pengkaji telah mengenal pasti isu utama kajian iaitu masalah mengingat fakta yang dialami oleh murid. Manakala isu kajian sampingan ialah seperti murid tidak peka arahan guru sehingga menyebabkan tingkah laku disiplin dan sebagainya. Oleh itu, fokus kajian yang dijalankan adalah untuk meningkatkan kepekaan mengingat fakta melalui teknik nyanyian.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kepekaan mengingat fakta dengan menggunakan teknik nyanyian.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan kepekaan mengingat fakta Kepentingan Bentuk Muka Bumi murid-murid Tahun 5 Azam dengan menggunakan nyanyian.

- Menarik minat murid-murid Tahun 5 Azam dengan menggunakan teknik nyanyian untuk meningkatkan kepekaan mengingat fakta Kepentingan Bentuk Muka Bumi.

- Meningkatkan markah Ujian Pasca 10 orang murid Tahun 5 Azam berbanding markah Ujian Pra bagi tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi dengan menggunakan teknik nyanyian.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 10 orang murid Tahun 5 Azam berumur 11 tahun yang bersekolah di Sekolah X yang terletak di sekitar Kuala Lumpur. Subjek kajian terdiri daripada lima orang lelaki dan lima orang perempuan. Subjek kajian juga terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana berdasarkan pekerjaan ibu bapa mereka. Kesemua subjek kajian mengenali dan menyukai artis kegemaran yang sama iaitu Najwa Latif.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian, pemerhatian, soal selidik dan analisis dokumen untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapai dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan teknik nyanyian untuk meningkatkan kepekaan mengingat fakta Kepentingan Bentuk Muka Bumi.

5.1 Cara mengumpulkan data/ maklumat

Empat instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ialah ujian, pemerhatian, soal selidik dan analisis dokumen. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian.

5.2 Analisis pengumpulan data

Pengkaji telah menggunakan ujian sebagai salah satu cara pengumpulan data. Tatacara menganalisis ujian adalah berdasarkan peratusan markah dalam ujian iaitu ujian pra, pasca dan pencapaian. Selain itu, pemerhatian dianalisis melalui analisis peratusan kekerapan pada item borang senarai semak. Soal selidik pula dianalisis juga mellaui peratusan kekerapan borang soal selidik. Akhir seklai, analisis dokumen dianalisis menerusi jumlah markah senarai semak dokumen. Data kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk jadual dan graf

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa tindakan pada fasa pertama, pengkaji telah merancang menggunakan teknik nyanyian dengan mengubah lirik lagu berdasarkan melodi lagu Adamu oleh Najwa Latif kepada isi penting Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Murid akan mendengar lagu dan mengisi lirik lagu di dalam lembaran kerja yang diberikan. Jika subjek kajian tidak peka, mereka tidak akan dapat melengkapkan lirik lagu di dalam lembaran kerja tersebut. Semasa intervensi dijalankan pemerhatian menunjukkan subjek kajian berminat dengan teknik ini namun segelintir murid tidak dapat menjawab soalan dalam ujian pencapaian dengan betul. Semasa kitaran kedua pula, pengkaji menyediakan lirik lagu dan dipancarkan di papan putih. Subjek kajian boleh merujuk lirik lagu untuk mengisi jawapan dalam lembaran kerja yang diberikan. Pengkaji mendapati berlakunya peningkatan tingkah laku positif dan penguasaan fakta oleh subjek kajian.

5.4 Keputusan kajian

Ujian



	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10
Pra	60	10	60	53	63	63	50	50	53	47
Pasca	97	83	93	93	83	93	97	93	90	93

Rajah 1. Perbandingan antara Ujian Pra dan Ujian Pasca

Rajah 1 menunjukkan peningkatan markah setiap subjek kajian yang telah berlaku setelah tindakan intervensi iaitu teknik nyanyian dijalankan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan bagi S1 dengan jumlah peningkatan sebanyak 37%, S2 sebanyak 73%, S3 sebanyak 33%,S4 sebanyak 40%, S5 sebanyak 20%, S6 sebanyak 30%, S7 sebanyak 47%, S8 sebanyak 43%, S9 sebanyak 37% dan S10 mencatatkan peningkatan seanyak 46%. Peningkatan tertinggi dicatatkan daripada 10 orang subjek kajian ditunjukkan oleh subjek kajian 2 (S2) dimana markah bagi ujian pra hanyalah sebanyak 10% sahaja. Namun setelah menjalani rawatan melalui teknik nyanyian didapati S2 telah menunjukkan anjakan sebanyak 73% dengan mendapat markah 83% semasa ujian pasca. Perbezaan yang ketara ini amat positif dalam membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan.

Pemerhatian

Peningkatan ini merupakan satu peningkatan yang positif bagi pengkaji kerana telah dapat membuktikan bahawa segala intervensi yang diberikan oleh pengkaji kepada subjek kajian berjaya membantu dalam meningkatkan kepekaan mengingat fakta Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Analisis graf adalah seperti di bawah.



Rajah 2 : Perbezaan Analisis Peratusan Kekerapan Senarai Semak Pemerhatian 1 dan 2.

Berdasarkan kepada rajah 2, dapatlah dirumuskan bahawa tingkah laku positif dan lisan subjek kajian dapat dilihat oleh penyelidik khususnya semasa menjalankan sesi intervensi bagi kitaran kedua. Subjek kajian dilihat bersemangat dan berminat dengan tindakan intervensi yang dijalankan.

Peningkatan positif terhadap aspek tingkah laku dan lisan berdasarkan pemerhatian ini membuktikan bahawa teknik nyanyian dapat meningkatkan kepekaan mengingat fakta subjek kajian bagi tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Justeru teknik ini terbukti memberikan kefahaman dan ingatan terhadap pemerolehan fakta bagi tajuk pengajaran penyelidik disamping ia turut menyumbang kepada tingkah laku positif subjek kajian di dalam bilik darjah.

Soal Selidik

Pengkaji menggunakan soal selidik bagi mengenal pasti keberkesanan teknik nyanyian terhadap subjek kajian dengan menilai keberkesanan teknik melalui beberapa rasional seperti kefahaman topik, perasaan dan keberkesanan tindakan. Berikut merupakan analisis soal selidik.



Rajah 3 : Peratusan kekerapan mengikut rasional.

Berdasarkan rajah 3 di atas, dapat dibuktikan bahawa peratusan yang ketara untuk kekerapan pemilihan jawapan 'Ya' yang tinggi. Oleh itu, keputusan soal selidik ini sekaligus menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu sama ada teknik nyanyian merangsang minat subjek kajian bagi mengingat fakta Kepentingan Bentuk Muka Bumi.

Analisis Dokumen

Analisis dokumen dijalankan berdasarkan lembaran kerja yang diberikan kepada subjek kajian semasa menjalankan intervensi bagi setiap kitaran. Sebelum kajian subjek kajian kebanyakannya mengalami kesukaran mengingat fakta, namun setelah tindakan intervensi dijalankan subjek kajian menunjukkan terdapat peningkatan terhadap ingatan mereka khususnya setelah tindakan intervensi pada kitaran kedua. Hal ini jelas membuktikan keberkesanan teknik nyanyian dalam meningkatkan kepekaan mengingat fakta Kepentingan Bentuk Muka Bumi dengan bantuan lagu Kepentingan Bentuk Muka Bumi.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Berdasarkan keputusan kajian yang dijalankan dengan melalui cara pengumpulan data dapat dikenalpasti bahawa teknik nyanyian dapat meningkatkan kepekaan mengingat fakta subjek kajian.

5.6 Refleksi

Penyelidik berharap hasil dapatan kajian dapat memberikan manfaat kepada guru, individu serta diri sendiri pada masa hadapan untuk meningkatkan kepekaan mengingat fakta bagi Tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Kajian ini secara amnya telah membuktikan bahawa penggunaan teknik nyanyian dalam pengajaran dan pembelajaran telah meningkatkan ingatan murid-murid.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam kajian seterusnya ialah menggunakan nyanyian dengan menggunakan gerakan bagi meningkatkan lagi penguasaan mengingat fakta. Selain itu, pengkaji menyarankan agar kajian seterusnya ditambah baik dengan melibatkan murid-murid untuk menghasilkan lirik lagu sendiri mengikut kreativiti masing-masing. .

RUJUKAN

Abdul Rahim Abdul Rashid. (1999). *Pendidikan Sejarah Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Khairul Bariah Haroen, Khalijah Mohamed, Zaiton Mohamad, Zaharah Abd Manap dan Yusri Hussain (2006). *Pengenalan Pendidikan Muzik*. Kuala Lumpur : Open University Malaysia.

Mohd Azam Hj Sulong dan Mastor Hj Jarkaseh. (2009). *Asas Pendidikan Muzik KBSM*. Selangor : Tabuh Emas.

MENINGKATKAN PENGLIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KUMPULAN BAGI TAJUK KEMERDEKAAN NEGARA DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK PERMAINAN DALAM KALANGAN MURID TAHUN 6 CANNA

Oleh:

MUHAMMAD NAIM BIN ABD GHANI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti permainan bagi tajuk kemerdekaan negara dengan menggunakan kaedah permainan 'Damcaros' dalam kalangan murid tahun 6 Canna. Subjek kajian dalam kajian ini terdiri daripada 4 orang murid tahun 6 Canna yang memperolehi pencapaian terendah dalam ujian diagnostik. Data kajian dikumpul melalui ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca. Hasil analisis data mendapati bahawa kesemua subjek kajian menunjukkan perubahan tingkah laku dalam aktiviti kumpulan daripada pasif kepada penglibatan yang aktif dan menyeluruh setelah intervensi dijalankan. Perubahan tingkah laku subjek kajian berjaya dibentuk secara keseluruhan pada kitaran 2. Malah berlaku peningkatan pencapaian skor yang ketara dalam tajuk kemerdekaan negara bagi ujian pasca berbanding ujian pra. Terdapat seorang subjek kajian mendapat gred A dengan menunjukkan peningkatan pencapaian skor yang sangat tinggi. Subjek kajian yang lain mendapat gred B meningkat daripada gred pada ujian pra. Keputusan kajian menunjukkan bahawa teknik permainan 'Damcaros' sangat berkesan dalam meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti permainan.

Kata Kunci : Damcaros, penglibatan aktif.

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani pratikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur pada sesi yang lalu, pengkaji mendapati salah satu masalah ialah keberkesanan aktiviti kumpulan dalam kalangan murid tahun enam bagi subjek Kajian Tempatan dalam tajuk Kemerdekaan Negara. Pengkaji mendapati murid lebih suka melakukan kerja secara individu dan berasa bosan apabila melakukan aktiviti dalam kumpulan.

Oleh itu pengkaji menggunakan teknik permainan bagi meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan. Kaedah permainan dipilih kerana kaedah ini mampu mencetuskan keadaan yang menggembirakan. Apabila kanak-kanak seronok belajar sesuatu perkara, mereka terus berminat untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran secara berkumpulan. Berdasarkan masalah yang timbul dan penyelesaian yang dipilih iaitu teknik permainan, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian ini iaitu teori behaviorisme dan konstruktivisme.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji memfokuskan kajian ini kepada peningkatan penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan. Fokus kajian ini lebih tertumpu kepada perubahan tingkah laku dan pencapaian murid dalam topik kemerdekaan negara. Teknik permainan diaplikasikan bagi meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan akibat daripada kurang minat terhadap perkara fakta. Pengkaji telah menjalankan tinjauan awal dengan menggunakan kaedah pemerhatian tingkah laku terhadap murid tahun 6 Canna. Pemerhatian dijalankan dengan menggunakan tema yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Malah ujian diagnostik dilakukan oleh pengkaji bagi mencari subjek kajian dan seramai 4 orang subjek kajian telah dipilih hasil daripada ujian diagnostik. Penggunaan ujian ini bagi melihat tahap penguasaan ilmu pengetahuan dalam tajuk Kemerdekaan negara.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan bagi tajuk Kemerdekaan Negara menggunakan teknik permainan dalam kalangan murid tahun 6 Canna.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan penglibatan murid secara aktif dan menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran melalui teknik permainan dalam kumpulan bagi tajuk Kemerdekaan Negara.
- Meningkatkan pencapaian murid dalam tajuk Kemerdekaan Negara melalui teknik permainan dalam kumpulan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 4 orang murid tahun 6 Canna berumur 12 tahun yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Cochrane, Kuala Lumpur. Subjek kajian terdiri daripada 2 lelaki dan 2 perempuan dengan 2 orang berbangsa Melayu, seorang India dan Singh. Kesemua subjek kajian ini mendapat markah terendah dalam ujian pertengahan tahun yang dijalankan dalam subjek Kajian Tempatan.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian, pemerhatian dan analisis dokumen untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan teknik permainan untuk meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan.

5.1 Cara mengumpul data/maklumat

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini ialah ujian iaitu ujian diagnostik, ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca, pemerhatian, dan analisis dokumen. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis data

Pengkaji telah menggunakan kaedah ujian sebagai salah satu cara pengumpulan data. Bagi melaksanakan ujian ini, pengkaji telah menggunakan 4 jenis ujian iaitu ujian diagnostik, ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca. Data bagi kesemua ujian ini akan dikumpulkan dengan menggunakan skala peratusan dalam bentuk rajah dan jadual.

Selain itu pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian berstruktur dengan melibatkan 3 tema iaitu bekerjasama dalam kumpulan, kemahiran berfungsi dan reaksi dalam kumpulan. Malah dalam analisis dokumen, 3 tema telah digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis dokumen subjek kajian iaitu kerja yang lengkap, cara menjawab dan kekemasan.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa tindakan pada kitaran 1, pengkaji telah merangka satu kaedah pengajaran dengan menggunakan teknik permainan sebagai salah satu medium untuk melancarkan proses pengajaran dalam aktiviti kumpulan. Pengkaji telah menggunakan permainan dam ular dalam *explorace*s dan roda impian bagi melihat penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan. Pengkaji mendapati beberapa tingkah laku dalam penglibatan aktif yang ditetapkan oleh pengkaji tidak tercapai. Pada kitaran 2, pengkaji telah melakukan penambahbaikan bagi mencapai elemen yang belum tercapai pada kitaran 1. Penambahbaikan yang dilakukan oleh pengkaji ialah dengan memberi peneguhan dalam aktiviti permainan yang dijalankan dan melakukan penerapan muzik dalam permainan.

5.4 Keputusan kajian.

Ujian



Rajah 1 : Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam rajah 1 menunjukkan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan. Jumlah perbezaan peratusan antara ujian pra dan ujian pasca bagi subjek kajian 1 ialah sebanyak 36%, subjek kajian 2 sebanyak 28%, subjek kajian 3 sebanyak 64% manakala subjek kajian 4 sebanyak 21%. Perbezaan yang ketara ini telah membuktikan bahawa intervensi yang dijalankan telah berjaya meningkatkan pencapaian subjek kajian dalam tajuk Kemerdekaan Negara.

Pemerhatian

Jadual 1
Banding beza meningkut tema sebelum dan selepas kitaran

Sebelum Intervensi								**Tema**	**Kitaran Pertama**							
SK1		SK2		SK3		SK4		**Kerjasama Dalam Kumpulan**	SK1		SK2		SK3		SK4	
Y	T	Y	T	Y	T	Y	T		Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
/			/		/	/		Berjalan-jalan di dalam kelas		/		/		/		/
	/	/			/		/	Mematuhi arahan ketua	/		/			/	/	
/		/			/	/		Bermain seorang diri		/	/			/		/
/			/	/			/	Membuat kerja sendiri	/			/		/		/
	/		/		/		/	Memberi sumbangan idea	/			/	/		/	
Sebelum Intervensi								**Tema**	**Kitaran Pertama**							
SK1		SK2		SK3		SK4		**Kemahiran Berfungsi**	SK1		SK2		SK3		SK4	
Y	T	Y	T	Y	T	Y	T		Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
	/		/		/		/	Datang ke hadapan menjawab soalan		/	/		/			/
/			/		/		/	Mengangkat tangan untuk menjawab soalan	/		/		/		/	
	/		/		/		/	Konsisten dengan tugasan dalam kumpulan		/		/		/		/
Sebelum Intervensi								**Tema**	**Kitaran Pertama**							
SK1		SK2		SK3		SK4		**Reaksi Dalam Kumpulan**	SK1		SK2		SK3		SK4	
Y	T	Y	T	Y	T	Y	T		Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
/			/	/		/		Mimik muka membosankan		/		/		/		/
	/		/		/		/	Semangat yang tinggi dengan melakukan sorakan	/		/		/		/	
	/		/		/		/	Ketawa ketika melakukan aktiviti	/		/		/		/	

Jadual 1 menunjukkan banding beza tingkah laku yang telah ditunjukkan oleh subjek kajian sebelum dan selepas kitaran dijalankan. Berlaku perubahan tingkah laku dengan melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan setelah intervensi dijalankan. Tingkah laku negatif dan pasif telah berkurangan dan kemudian tidak berlaku setelah kitaran kedua dijalankan pada subjek kajian. Perubahan tingkah laku kepada tingkah laku yang diingini ini membuktikan bahawa keberkesanan teknik permainan dalam mengubah tingkah laku subjek kajian kepada melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan.

Analisis dokumen.

	Sebelum Intervensi			**Kitaran 1**			**Kitaran 2**		
	1	2	3	1	2	3	1	2	3
SK 1	X	lemah	X	X	Sederhana	/	/	Baik	/
SK 2	X	lemah	X	/	Baik	/	/	Baik	/
SK 3	X	lemah	X	/	Baik	/	/	Cemerlang	/
SK 4	X	lemah	X	X	Sederhana	X	/	Baik	/

Kerja lengkap = 1
Cara menjawab = 2
Kekemasan = 3

Rajah 2: Banding beza hasil kerja murid sebelum intervensi dengan selepas intervensi.

Analisis dokumen dijalankan dengan melibatkan tiga tema iaitu kerja yang lengkap, cara menjawab soalan dan kekemasan. Sebelum intervensi dijalankan kerja yang diberikan tidak dijawab dengan lengkap dan subjek kajian hanya mampu menjawab soalan yang aras mudah sahaja. Malah tulisan murid juga tidak kemas. Namun setelah intervensi dijalankan kerja subjek kajian lengkap sepenuhnya dan cara menjawab soalan juga lengkap. Malah tulisan subjek kajian lebih kemas jika berbanding sebelum intervensi.

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan kajian mendapati, setelah ketiga-tiga kaedah kajian dijalankan dan dianalisis, pengkaji mendapati bahawa penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan telah berjaya dibentuk dengan melibatkan elemen yang dikehendaki oleh pengkaji sendiri. Malah tahap pemahaman dan penguasaan subjek kajian bagi tajuk Kemerdekaan Negara juga telah berjaya dibentuk. Tahap pemahaman dan penguasaan ini dapat dilihat melalui ujian pra dan ujian pasca yang telah dijalankan.

5.6 Refleksi

Selepas kajian tindakan ini dijalankan, pengkaji telah mempelajari banyak ilmu yang baharu. Pengkaji telah mencari pelbagai bahan dan sumber rujukan di perpustakaan dan secara *online* bagi mendapatkan maklumat yang disarankan oleh pensyarah kepada pengkaji. Hasilnya pengkaji telah mendapat pelbagai bahan dan maklumat yang berguna sebagai rujukan semasa menjalankan kajian dan penulisan laporan.

Selain tu, pengkaji telah mengalami masalah dari segi kekangan masa bagi menjalankan kajian ini. Intervensi kajian ini dijalankan semasa subjek kajian berhadapan dengan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan jadual untuk subjek Kajian Tempatan telah dimansuhkan diganti dengan subjek teras. Hal ini memerlukan pengkaji untuk mencari masa lain yang bersesuaian untuk menjalankan intervensi ini.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan lagi tahap penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan dalam kajian seterusnya ialah pengkaji perlu melakukan penambahbaikan terhadap bahan bantu belajar yang digunakan iaitu dam ular dalam bentuk permainan komputer. Perkara ini bagi memudahkan guru untuk membawa

bahan bantu belajar tersebut ke dalam kelas dan penggunaan serta pengurusan bahan tersebut lebih sistematik dan lebih menarik.

Selain itu, pengkaji seharusnya menggunakan kecerdasan pelbagai yang lebih menarik dan diperbanyakkan di setiap permainan yang dijalankan. Hal ini kerana setiap murid adalah berbeza kecerdasan mereka dan cara belajar mereka. Oleh itu kepelbagai kecerdasan perlu ditambah dan dipertingkatkan lagi dalam kajian seterusnya.

RUJUKAN

Abdul Kadir, S. (2004). *Perbandingan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap prestasi, atribusi pencapaian, konsep kendiri akademik dan hubungan sosial dalam pendidikan perakaunan*. Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

Ab. Samad, R. S. dan Jamaluddin, S. (2005). *Peranan kepimpinan guru dalam mempengaruhi iklim bilik darjah.* Kuala Lumpur*:* Universiti Malaya.

Ahmad Md. Shariff . (2004). *Strategi pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arshad. (2008). *Pembelajaran koperatif*. Selangor : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Borhan,L. (2004). *Pembelajaran koperatif yang berkesan*. Fakulti Pendidikan : Universiti Malaya

Salleh, R. A.Bakar, A dan Abdul Raffar, R. (2005). *Keberkesanan pembelajaran koperatif dalam meningkatkan penguasaan pelajar hayat terhadap isi kandungan mata pelajaran biologi serta mempengaruhi pencapaian pelajar.* (hlm 251-328). Selangor, Malaysia : Universiti Kebangsaan Malaysia.

MENINGKATKAN KEBOLEHAN MURID MENGUASAI FAKTA DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH PEKA GAMBAR DALAM PENGAJARAN SUBJEK KAJIAN TEMPATAN TAJUK KEPENTINGAN BENTUK MUKA BUMI BAGI TAHUN 5 ARIF

Oleh:

MUHD NABILL FAKHRIE BIN MD RAPEE
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Seramai enam orang murid dari tahun 5 Arif menghadapi masalah dalam menguasai fakta bagi mata pelajaran Kajian Tempatan tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Masalah ini menyebabkan mereka hilang minat terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan dan mendapat markah yang rendah ketika ujian diberikan. Selain itu, masalah tingkah laku mereka juga meningkat. Untuk menangani masalah ini, kajian ini bertujuan untuk mencari pendekatan terbaik bagi membantu subjek kajian menguasai fakta menggunakan kaedah yang diperkenalkan oleh pengkaji, kaedah "Peka Gambar" yang berasaskan kepada penggunaan gambar bermaklumat sebagai bahan bantu mengajar pengkaji. Kaedah Peka Gambar ini telah diperkenalkan kepada murid bagi membantu mereka meningkatkan kemahiran menguasai fakta dengan berbantukan gambar serta pembelajaran melalui inkuiri penemuan. Dalam kaedah ini, murid akan mencari maklumat yang terdapat dalam gambar yang disediakan. Dapatan kajian ini menunjukkan murid-murid yang mempunyai tahap penguasaan fakta yang rendah mampu untuk menguasai fakta selepas kaedah ini diperkenalkan. Setiap kali sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah ini, murid-murid mampu untuk turut serta dalam sesi pembelajaran serta markah ujian pasca mereka juga telah meningkat berbanding dengan markah ujian pra. Dapat dirumuskan, kemahiran menguasai fakta murid dapat ditingkatkan sekiranya guru menggunakan kaedah yang sesuai dengan tahap mereka seperti kaedah yang diperkenalkan pengkaji. Amalan penyelidikan untuk mencari pendekatan terbaik dalam amalan pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid malah menggilap kreativiti dan inovasi guru.

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani sesi praktikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur selama tiga bulan bermula dari bulan Februari, pengkaji mendapati terdapat sebilangan kecil murid-murid tahun 5 Arif lemah dalam penguasaan fakta dalam mata pelajaran Kajian Tempatan tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi. Pengkaji dapati murid tidak dapat menguasa fakta yang diajar serta ada yang tidak dapat menjawab soalan yang diberikan dengan fakta yang betul.

Terdapat pelbagai kaedah sebagai alat bantu dalam penyelesaian kepada masalah di atas dan pengkaji telah memperkenalkan kaedahnya, iaitu "Peka Gambar". Teori yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah teori kecerdasan pelbagai serta teori pembelajaran inkuiri penemuan**.**

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati enam orang murid tahun 5 Arif menghadapi masalah dalam menguasai fakta bagi mata pelajaran Kajian Tempatan tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi setelah ujian diagnostik dijalankan. Masalah ini timbul kerana murid-murid sering diajar menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru yang menyebabkan mereka tidak dapat menguasai fakta sepenuhnya kerana tiada peluang bagi mereka untuk menyertai pembelajaran secara aktif dan dapat menarik minat mereka. Justeru, pengkaji telah memfokuskan kajian ini kepada kaedah yang diperkenalkan oleh pengkaji sama ada ianya mampu ataupun tidak untuk membantu murid-murid menguasai fakta dengan menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan gambar. Murid yang bermasalah dalam menguasai fakta ini dilihat memerlukan bahan bantu mengajar yang mampu membantu mereka menguasai fakta. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji telah memperkenalkan kaedah "Peka Gambar"sebagai intervensi bagi menyelesaikan masalah ini.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif umum

Meningkatkan kebolehan murid untuk menguasai fakta dengan menggunakan kaedah peka gambar dalam pengajaran subjek Kajian Tempatan tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi bagi tahun 5 Arif.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan kebolehan murid untuk menguasai fakta dengan menggunakan kaedah peka gambar bagi tajuk kepentingan bentuk muka bumi.

- Meningkatkan pencapaian murid dalam ujian pasca berbanding ujian pra dalam tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi bagi murid tahun 5 menggunakan kaedah peka gambar.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan enam orang murid Tahun 5 Arif berumur yang bersekolah di sekitar kawasan Bandar Tasik Selatan. Lima daripada subjek kajian adalah lelaki dan seorang adalah perempuan. Kesemua subjek kajian adalah berbangsa Melayu. Mereka dipilih untuk dijadikan subjek pengkaji kerana mereka ialah murid yang menunjukkan prestasi yang tidak memberangsangkan kerana mendapat markah yang rendah dalam ujian diagnostik. Selain itu, mereka juga menunjukkan tingkah laku yang tidak diingini semasa pemerhatian yang di mana ia menunjukkan mereka tidak faham tajuk yang diajar dan mereka mula berasa bosan dan membuat aktiviti lain. Selain itu, dalam kalangan murid-murid ini juga, pengkaji mendapati ada diantara mereka yang tidak berminat terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan kerana kurangnya pemahaman dan tahap penguasaan fakta. Selain, itu, pengalaman masa lalu mereka berkenaan bentuk muka bumi juga adalah terhad.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti ujian pra dan pasca, borang soal selidik dan juga pemerhatian untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapai dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Sebanyak dua kitaran kajian telah dijalankan bagi memastikan kaedah yang diperkenalkan dapat menunjukkan hasil yang baik.

5.1 Cara Pengumpulan Data

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal ialah ujian ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian diagnostik, temubuak dan juga pemerhatian. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji mendapati markah ujian diagnostik bagi mata pelajaran Kajian Tempatan tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi yang diperoleh oleh subjek-subjek kajian dari kelas lima Arif ini rata-rata pencapaian mereka adalah sederhana dan ada yang gagal. Punca yang paling ketara yang dapat dikesan adalah subjek-subjek kajian kurang memahami dan menguasai tajuk ini. Ini menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan dengan betul dan juga menyebabkan mereka merasakan tajuk ini agak sukar bagi mereka. Selain itu, masalah ini juga berlaku kerana cara dan kaedah pengajaran pengkaji sebelum ini adalah lebih berpusatkan guru berbanding berpusatkan murid atau bahan.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Semasa tindakan pada fasa pertama, pengkaji telah merangka satu kaedah pengajaran sebagai medium untuk memperkenalkan kaedah peka gambar. Pengkaji telah merujuk keada Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) bagi merangka Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Dalam kaedah yang diperkenalkan

ini, pengkaji akan menunjukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan bentuk muka bumi kepada subjek kajian. Kemudian, dengan menggunakan pembelajaran inkuiri penemuan, subjek kajian diminta untuk mencari maklumat-maklumat yang tersembunyi dalam gambar ini. Kemudian jawapan yang dikeluarkan akan dibincang bersama-sama bagi memastikan mereka dapat mengeluarkan maklumat yang betul serta tepat.

Bagi kitaran kedua, pengkaji telah menambahbaik bahan bantu mengajar yang diperkenalkan bagi meningkatkan keberkesanan kajian ini dengan menggunakan gambar yang lebih berwarna warni serta disertakan dengan gambar kartun bagi membantu mereka mendapatkan maklumat.

5.4 Keputusan Kajian

Ujian Pra dan Pasca



Rajah 1. Markah ujian pra dan pasca

Keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam Rajah 1 menunjukkan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan. Jumlah perbezaan peratusan antara ujian pra dan ujian pasca bagi subjek 1 ialah sebanyak adalah sebanyak 35%, subjek 2 sebanyak 30%, subjek 3 sebanyak 25%, subjek 4 sebanyak 25%, subjek 5 sebanyak 40% dan subjek 6 sebanyak 35%. Perbezaan yang ketara ini telah membuktikan keberkesanan intervensi yang dijalankan.

Borang Soal Selidik

Jadual 1
Perbezaan hasil soal selidik diantara sebelum dan selepas intervensi

Bil	Item	Sebelum Intervensi		Selepas intervensi	
		Setuju	**Tidak bersetuju**	**Setuju**	**Tidak bersetuju**
1.	Adakah kamu menguasai sepenuhnya apa yang guru sampaikan bagi tajuk kepentingan bentuk muka bumi?	0%	100%	83%	17%
2.	Adakah cara pengajaran guru membantu kamu untuk menguasai tajuk ini?	17%	83%	100%	0%

3.	Adakah tajuk Kepentingan Bentuk Muka Bumi sukar untuk dikuasai?	100%	0%	50%	50%
4.	Adakah kamu memerlukan contoh-contoh bergambar bagi membantu penguasaan fakta kamu?	100%	0%	100%	0%
5.	Adakah cara pengajaran guru bagi tajuk ini membosankan?	67%	33%	0%	100%
6.	Saya dapat menjawab soalan ujian yang diberikan kepada saya dengan yakin.	0%	100%	67%	33%

Peningkatan peratus di atas menunjukkan pengkaji telah berjaya membantu subjek-subjek untuk menguasai fakta. Kesemua subjek telah menunjukkan bahawa mereka berminat dan merasakan kaedah yang diperkenalkan kepada mereka berjaya membantu mereka menguasai fakta yang berkaitan.

Pemerhatian

Dalam kaedah pemerhatian ini, subjek telah menunjukkan peningkatan yang positif dalam tingkah laku mereka. Peningkatan ini merupakan satu peningkatan yang positif bagi pengkaji kerana telah dapat membuktikan bahawa segala intervensi yang diberikan oleh pengkaji kepada responden berjaya membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan fakta subjek kajian serta secara tidak langsung dapat membendung tingkah laku negatif subjek kajian.



Rajah 3. Peratusan borang pemerhatian mengikut item

Rajah 3 di atas memaparkan perbezaan tahap tingkah laku selepas tiga sesi pemerhatian dijalankan. Peningkatan terhadap tingkah laku positif dan penurunan terhadap tingkah laku negatif telah berlaku. Peningkatan dan penurunan ini jelas menunjukkan keberkesanan intervensi yang dijalankan oleh pengkaji terhadap subjek kajian**.**

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan kajian mendapati, setelah ketiga-tiga hasil kaedah pengumpulan data dianalisis, pengkaji telah mendapati kaedah yang diperkenalkan, kaedah Peka Gambar, mampu untuk membantu subjek kajian dalam meningkatkan tahap penguasaan fakta mereka. Selain itu, ia juga menunjukkan dengan menggunakan kaedah ini, markah ujian pasca boleh ditingkatkan berbanding markah ujian pra. Tingkah laku negatif juga berjaya dikurangkan ketika intervensi dijalankan.

5.6 Refleksi

Selepas kajian tindakan ini dijalankan, pengkaji telah mempelajari banyak ilmu yang baharu, Pengkaji telah mencari pelbagai bahan dan sumber rujukan di perpustakaan negara dan serta di perpustakaan institut bagi mendapatkan maklumat yang disaran oleh pensyarah kepada pengkaji. Hasilnya, pengkaji telah mendapat pelbagai bahan dan maklumat yang berguna sebagai rujukan semasa menjalankan kajian dan menyiapkan laporan.

Selain itu, pengkaji telah mengalami masalah dari segi kekangan masa bagi menjalankan kajian ini. Intervensi kajian ini hanya dapat dijalankan dalam masa sebulan dan pengkaji hanya dapat menjalankan intervensinya sebanyak dua kali sahaja dan setiap intervensi hanya dalam satu jam sahaja.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam kajian seterusnya ialah pengkaji seharusnya menjalankan kajian yang menggunakan intervensi yang menggalakkan penggunaan melebihi daripada satu kecerdasan pelbagai.

Selain itu, dalam kajian seterusnya, pengkaji seharusnya mengubah kaedah peka gambar daripada menggunakan lukisan tangan kepada menggunakan teknologi maklumat dan yang terakhir untuk cadangan kajian masa hadapan, pengkaji boleh mempelbagaikan bahan bantu mengajar dan tidak seharusnya berpegang pada satu bahan sahaja.

RUJUKAN

Ahmad Nazir Muhammad Ali, (2006), *Pengkajian tentang pembelajaran visual dalam mempertingkatkan pemahaman murid* yang dipetik daripada http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/SN/9.%20CHRISTOPHER%20LU%20WEI%20WANG.pdf pada 10 Ogos 2014

Choy Sau Kam, Khaw Ah Hong dan Lai Kim Leong, (2001). *Satu Kajian Kes Tentang Jenis Dan Kekerapan Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik* Oleh Guru Pelatih KPDM Semester Empat (Ambilan Julai 1999). Jurnal Pengkajian MPBL (4): 86-92.

Fitria Tri Wardani, M. Yusuf Ibrahim dan Amrazi Zakso. (2012). *Kajian Penggunaan Media Gambar Untuk Meningkatkan Kefahaman Siswa Pada Mata Pelajaran Sosiologi*. Yang dipetik daripada http://jurnal.untan.ac.id/index.php/jpdpb/article/view/2166 pada 10 Ogos 2014

Johari bin Hassan dan Nur Aimi Binti Mohd Idrus.(2004). *Kecerdasan Pelbagai Dikalangan Kanak-kanak Prasekolah Serta Strategi Pengajaran Yang Digunakan Untuk Mengajar Kanak-kanak Prasekolah*, Universiti Teknologi Malaysia.

Maizurah Omar. (2000). *Teachers skill in using visual materials*. UK: Bath University.

Tan Jun Ming dan Khor Kwan Hooi, (2012), Kajian Tindakan *: Penggunaan Kaedah Inkuiri-Penemuan KAKAK Untuk Meningkatkan Prestasi Murid-Murid Tahun Empat Dalam Topik Fantastic Materials* Yang Dipetik Daripada http://www.ipgktb.edu.my/lestari/kertas_lestari2012/Dr.%20Khor.pdf pada 10 Ogos 2014

Sharifah Nadiya Syed Yahya Jamalullaill, Najmiah Hj. Abdullah, dan Mohd Rizuan Mat. (2011). *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Subtopik Modul Design Dialogue –Satu Tinjauan Di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis*. Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Perlis.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGKLASIFIKASI NEGERI-NEGERI YANG TERLIBAT DENGAN KEGIATAN EKONOMI DI DALAM MATA PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN MELALUI PENGGUNAAN KOD WARNA

Oleh :

NIK AMINAH ZAHRA BINTI NIK OTHMAN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran mengklasifikasi negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di dalam mata pelajaran Kajian Tempatan melalui penggunaan kod warna. 5 orang responden di sebuah sekolah di Kuala Lumpur telah dipilih dalam kajian ini. Fokus kajian ini bertujuan untuk melihat adakah penggunaan kod warna dapat meningkatkan kemahiran mengklasifikasi negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di dalam peta Malaysia. Tinjauan awal mendapati murid mempunyai masalah untuk mengingat nama negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di Malaysia..Intervensi telah dijalankan ke atas subjek kajian dan keputusan yang diperoleh sangat memberangsangkan.Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kod warna dapat meningkatkan kemahiran mengklasifikasi negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi.

Kata kunci: klasifikasi, kod warna dan kegiatan ekonomi.

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur, pengkaji mendapati murid-murid lemah dalam topik kegiatan ekonomi dan lokasi terutamanya bagi subtopik lokasi kegiatan ekonomi di Malaysia. Pengkaji mendapati murid tidak menguasai topik ini dengan baik berdasarkan analisis tinjauan awal yang dijalankan oleh pengkaji.

Terdapat pelbagai kaedah dan teori yang boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran sekaligus dapat meningkatkan prestasi murid dalam peperiksaan. Pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian ini iaitu teori konstruktivisme dan kecerdasan pelbagai.

2.0 FOKUS KAJIAN

Masalah yang dikenal pasti oleh pengkaji ialah murid – murid menghadapi masalah untuk mengingat nama negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di sesebuah negeri. Hal ini kerana murid tidak mempunyai satu cara yang mudah dan menarik untuk digunakan bagi mengatasi masalah tersebut. Mereka kelihatan bosan, pasif dan tidak mahu memberi respon apabila diajukan soalan.Selain itu, mereka juga tidak menumpukan perhatian terhadap pembelajaran yang sedang berlangsung.Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menggunakan kod warna bagi meningkatkan kemahiran mengklasifikasi negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi.

Pengkaji memfokuskan kajian ini kepada murid Tahun 6 yang terdiri daripada 5 orang responden. Murid Tahun 6 dapat mengaplikasikan penggunaan kod warna untuk subjek-subjek yang lain bagi memudahkan mereka menguasai sesuatu topik

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan kemahiran mengklasifikasi negeri-negeri di dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dalam kalangan murid tahun 6 Lily melalui penggunaan kod warna.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan kemahiran murid dalam mengklasifikasikan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi menggunakan kod warna.

- Meningkatkan prestasi murid dalam mengenali kegiatan ekonomi negeri melalui uijan pasca.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini dijalankan di Sekolah X. Seramai lima orang murid telah dikenal pasti untuk kajian tindakan ini. kesemua subjek kajian terdiri daripada murid perempuan. Subjek kajian terdiri daripada empat orang berbangsa Melayu dan seorang berbangsa India. Subjek kajian ini datang dari latar belakang keluarga yang sederhana.

5.0 PERLAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian(berstruktur), ujian (ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca), pemerhatian dan soal selidik untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian.Pengkaji telah menggunakan kod warna dalam meningkatkan kemahiran mengklasifikasi negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi.

5.1 Cara mengumpul data/maklumat

Pengkaji mengumpul data menggunakan tiga instrumen iaitu ujian Ishihara, ujian diagnostik dan analisis dokumen dalam tinjauan awal.Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini kerana dilihat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

5.2 Analisis tinjauan awal

Analisis tinjauan awal mendapati beberapa orang murid lemah dalam topik kegiatan ekonomi dan lokasi. Oleh yang demikian, seramai lima orang subjek kajian telah dipilih berdasarkan analisis tinjauan awal yang dijalankan oleh pengkaji.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa menjalankan kitaran pertama, pengkaji telah merancang untuk menjalankan intervensi menggunakan pengetahuan yang dibina sendiri oleh murid secara aktif berdasarkan kepada pengetahuan sedia ada. Pengkaji telah merancang kaedah penggunaan kod warna untuk mengesan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi dalam peta. Pengkaji memperkenalkan negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi dan menggunakan warna major yang terdapat pada bendera setiap negeri. Namun, subjek gagal untuk mengesan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di dalam peta kerana warna yang digunakan oleh pengkaji tidak sinonim dengan kegiatan ekonomi di negeri tersebut. Subjek keliru dengan warna major bendera dengan kegiatan ekonomi yang dijalankan di negeri tersebut. Penggunaan warna yang sama bagi negeri Kelantan dan Kedah membuatkan subjek tidak dapat membezakan kegiatan ekonomi di sesebuah negeri.

Dalam kitaran kedua pengkaji telah merancang kaedah penggunaan kod warna untuk mengklasifikasi negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi dalam peta. Pengkaji akan memperkenalkan negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi dengan menggunakan warna yang sinonim dengan sumber yang dihasilkan oleh kegiatan ekonomi. Contohnya negeri Kelantan terkenal dengan kegiatan perikanan. Pengkaji mewarnakan negeri Kelantan dengan warna biru kerana warna biru sinonim dengan aktivti perikanan.

5.4 Keputusan Kajian
Ujian

Berdasarkan rajah 1 di bawah keputusan ujian pra,pencapaian dan ujian pasca semua subjek kajian telah menunjukkan peningkatan markah dalam mengklasifikasikan negeri-negeri yang terlibat dengan kgiatan ekonomi di Malaysia. SK4 mencatat skor paling rendah pada ujian pra iaitu 30 %. Namun selepas kitaran dua, SK4 menunjukkan peningkatan yang paling ketara dalam ujian pasca. SK4 memperoleh markah 75 % dalam ujian pasca dan merupakan peningkatan yang paling tinggi iaitu sebanyak 45 % daripada ujian pra ke ujian pasca. Ini menunjukkan bahawa penggunaan kod warna yang sesuai dengan pengetahuan sedia ada subjek dalam mengklasifikasikan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi berkesan. Markah ujian pencpaian SK4 menunjukkan peningkatan kedua tertinggi iaitu 10 %.



Rajah1 Perbandingan peratus markah subjek kajian dalam ujian pra, pencapaian dan pasca.

Pemerhatian

Jadual 1.
Pemerhatian yang dibuat selepas kitaran dua dijalankan

Catatan	SK1	SK2	SK3	SK4	SK5
1. Murid dapat melabel lima nama negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di dalam peta dengan tepat.	√	√	√	√	
2. Murid dapat menyenaraikan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi	√	√	√	√	√
3. 3. Murid dapat mengenal pasti negeri yang telibat dengan kegiatan ekonomi melalui warna yang sesuai dengan sumber yang dihasilkan oleh kegiatan ekonomi tersebut.	√	√	√	√	√
4. Murid dapat menjawab soalan lisan yang dikemukan oleh guru dengan yakin dan cepat.	√	√	√	√	√
5. Murid dapat menjawab lembaran kerja yang diberikan oleh guru secara individu.	√	√	√		

Semasa menjalankan kitaran ke dua, pengkaji juga telah melakukan pemerhatian untuk melihat tingkah laku subjek kajian. SK1, SK2, SK3, dan SK4 berjaya melabel lima nama negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di dalam peta manakala SK5 hanya dapat melabel empat nama negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di dalam peta.Setelah menjalankan kitaran kedua pengkaji mendapati semua subjek kajian dapat menyenaraikan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi dan mengenal pasti negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi melalui warna yang sesuai dengan sumber yang dihasikan oleh kegiatan ekonomi tersebut. Kelima-lima subjek kajian juga dapat menjawab soalan lisan yang dikemukan oleh guru dengan yakin dan cepat. Namun, SK4 dan SK5 masih lagi tidak dapat menjawab lembaran kerja yang diberikan oleh guru secara individu.

Soal selidik

Jadual 2.
Peratusan Ya dan Tidak dalam soal selidik selepas kitaran kedua

ITEM	PERNYATAAN	YA	TIDAK
		Bil (%)	**Bil (%)**
1.	Saya pandai membaca peta	5 (100)	-
2.	Saya mengetahui kedudukan negeri-negeri yang terletak di dalam peta	5 (100)	-
3.	Saya suka pembelajaran menggunakan warna	5 (100)	-
4.	Saya boleh mengingati sesuatu menggunakan warna	5 (100)	-
5.	Saya mengingati nama negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi.	5 (100)	-
6.	Saya dapat mengingat nama negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi berdasarkan kod warna.	4 (100)	1(20)

Berdasarkan jadual 2 pengkaji mendapati semua subjek kajian menyatakan Ya dalam kelima-lima item soal selidik manakala hanya seorang sahaja subjek kajian yang menyatakan Tidak dalam item yang keenam .Ini menunjukkan intervensi yang dijalankan oleh pengkaji hampir berjaya.

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data yang diperoleh dalam keputusan kajian. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang dilaksanakan ini pada 2 September 2014. Kajian ini melibatkan tempoh internship yang dijalankan selama sebulan iaitu bermula dari 7 Julai 2014 sehingga 8 Ogos 2014.

Keberkesanan penggunaan kod warna dalam meningkatkan kemahiran mengklasifiksi negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi. Peningkatan markah dalam ujian pasca telah menunjukkan intervensi yang digunakan oleh pengkaji hampir berjaya. Subjek kajian dapat menyenaraikan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi serta dapat melabel negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di dalam peta. Subjek kajian juga dapat menjawab soalan lisan yang dikemukan oleh pengkaji dengan yakin dan tepat.

5.6 Refleksi

Kekuatan kajian ini dapat diukur apabila objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu mengklasifikasi negeri-negeri yang terlibat dengan aktiviti ekonomi menggunakkan kod warna dapat dicapai. Pengkaji mendapati subjek kajian yang lemah dalam pembelajaran dapat mengklasifikasikan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi menggunakan kaedah kod warna yang diperkenalkan oleh pengkaji semasa menjalankan intervensi. Walaupun terdapat kekuatan di dalam kajian ini, pengkaji telah mengesan kelemahan yang terdapat di dalam kajian ini. Antara kelemahannya ialah aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah terhad. Hal ini disebabkan oleh pengkaji hanya memperkenalkan lima sahaja negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi. Bilangan subjek kajian dengan aktiviti yang dijalankan semasa intervensi adalah tidak seimbang. Masa pengajaran dan pembelajaran juga menjadi singkat. Subjek kajian mula berasa bosan kerana pengkaji mengulang langkah yang sama dalam pengajaran.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji membuktikan bahawa penggunaan kod warna dapat meningkatkan kemahiran mengklasfikasikan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi. Cadangan seterunya, pengkaji bercadang untuk menggunakan menggunakan simbol yang sesuai dengan kegiatan ekonomi yang dijalankan di sesebuah negeri. Pengkaji juga bercadang untuk menggunakan kaedah mnemonik. Mnemonik adalah alat membantu akal untuk mengingat sesuatu. Perkataan mnemonik moden merujuk kepada teknik memacu ingatan untuk mengingati fakta- fakta dengan mengaitkannya dengan maklumat dan data sedia ada yang lebih ringkas dan mudah. Cadangan seterusnya, pengkaji juga boleh menggunakan peta minda i-Think untuk memperkenalkan negeri-negeri yang terlibat dengan kegiatan ekonomi di Malaysia. terdapat lapan jenis Peta minda i-Think dan pengkaji boleh memilih peta minda yang sesuai dengan topik yang hendak di ajar. Akhir sekali pengkaji boleh menggunakan teknologi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (pdp). Pembelajaran secara interaktif boleh menarik minat subjek kajian dalam proses pdp.

RUJUKAN

Haliza Binti Osman.(2012). *Aplikasi Warna Pada Huruf Vokal Jawi Dalam Penulisan Suku Kata Terbuka* Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pendidikan Islam amb. Januari 2009, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms 204-218.

Md.Hidayat Bin Othman. (2009). *Penggunaan Warna Dan Simbol (WdanS) Dalam Kemahiran Menyambung Huruf Jawi bagi Tahun 3*. Jurnal Pendidikan Malysia, 127-140.

Othman Lebar. (2011). *Kajian Tindakan Dalam Pendidikan Teori Dan Amalan*. Perak , Malaysia:Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah. (2013*) Sri Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

MENINGKATKAN KEBOLEHAN MEMBANDING BEZA ISI-ISI PENTING BAGI MATA PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK KATA KUNCI DALAM KALANGAN MURID TAHUN LIMA

Oleh :

NOR NAJWA BINTI ABDUL RASHID
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kebolehan murid membanding beza isi-isi penting dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Kajian ini melibatkan enam orang murid tahun lima Sekolah Kebangsaan Pandan Indah yang memperoleh skor terendah iaitu antara 0 hingga 4 dalam ujian diagnostik berkenaan sub-topik Peranan dan Tanggungjawab Sultan dan Pembesar Empat Lipatan. Data dikumpulkan melalui tiga instrumen iaitu ujian, pemerhatian dan soal selidik. Analisis data instrumen ujian menunjukkan peningkatan skor yang ketara dalam kalangan responden. Semua responden mendapat skor 80% dan ke atas dalam ujian pasca berbanding skor 60% dan ke bawah dalam ujian pra. Selain itu, data pemerhatian menunjukkan tingkah laku negatif responden semakin berkurangan dalam intervensi dua berbanding dengan intervensi satu. Responden turut bersetuju teknik kata kunci membantu responden membanding beza isi-isi penting dan meningkatkan pencapaian skor dalam ujian. Oleh itu, hasil dapatan kajian menunjukkan teknik kata kunci berkesan untuk meningkatkan kebolehan murid membanding beza isi-isi penting dalam skop sub-topik Peranan dan Tanggungjawab Sultan dan Pembesar Empat Lipatan .

Kata kunci : Kata Kunci, Kajian Tempatan

1.0 PENDAHULUAN

Kajian Tempatan dianggap membosankan dan tidak menarik perhatian murid apabila guru tidak kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Apabila PdP tidak melibatkan murid secara aktif maka pengajaran tidak merangsang kognitif sepenuhnya menyebabkan murid menghadapi masalah untuk menguasai mata pelajaran ini.

Kelemahan ketara murid ialah keliru dan tidak dapat membezakan isi-isi penting bagi setiap isi utama dalam sesuatu tajuk. Murid sering tertukar isi-isi penting kerana keliru untuk membezakan isi-isi tersebut. Mereka mengatakan terlalu banyak isi penting yang perlu diingat dalam tempoh masa yang singkat. Selain itu, isi penting yang hampir sama menyukarkan murid memahami isi-isi penting bagi isi utama. Semasa PdP pengkaji mendapati murid tidak dapat menghafal isi utama dan isi-isi penting dalam masa yang ditetapkan kerana tidak tahu menggunakan cara yang betul dan sesuai untuk mengingat dengan mudah. Pengkaji menggunakan Teori Kognitif sebagai teori dalam kajian kerana masalah yang dihadapi murid ini berkait dengan perkembangan dan kefahaman kognitif murid.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian adalah berkaitan dengan masalah murid untuk membanding beza isi-isi penting dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Masalah berlaku apabila pengkaji menjalankan PdP berkaitan isi-isi penting yang banyak dalam sub-topik Peranan dan Tanggungjawab Sultan dan Pembesar Empat Lipatan. Namun, murid tidak dapat membanding-beza isi-isi penting dalam tajuk ini.

Kajian berkaitan masalah yang dikenal pasti penting dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah murid sekali gus membantu guru meningkatkan amalan pengajaran menjadi lebih baik pada masa akan datang. Kebolehtadbiran kajian adalah tinggi, kerana terdapat pelbagai sumber rujukan berkaitan teknik yang digunakan untuk intervensi. Masalah yang dikenal pasti juga terbukti wujud dengan adanya murid yang mengalami masalah membanding beza isi-isi penting di sekolah pilihan pengkaji. Pengkaji memilih kumpulan sasaran yang tidak terlalu ramai supaya kajian berjalan lancar dan data dapat dikumpul dalam masa yang diperuntukkan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan kebolehan membanding beza isi-isi penting bagi mata pelajaran Kajian Tempatan dengan menggunakan teknik kata kunci dalam kalangan murid tahun lima.

3.2 Objektif Khusus

- Murid dapat membezakan peranan dan tanggungjawab yang berlainan antara Sultan dan Pembesar Empat Lipatan.

- Meningkatkan skor ujian pasca berbanding ujian pra bagi topik Peranan dan Tanggungjawab Sultan dan Pembesar Empat Lipatan menggunakan teknik kata kunci.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan enam orang yag murid Tahun 5 Amanah daripada Sekolah Kebangsaan Pandan Indah. Responden terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan yang berumur dalam lingkungan 11 tahun. Semua responden berbangsa Melayu dan beragama Islam.
Ciri-ciri responden kajian ialah semasa ujian diagnostik, mereka mendapat skor 0 hingga 4 daripada 10 item untuk berada pada tahap lemah dan mereka merupakan murid kelas pertama daripada lima buah kelas tahun lima.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji menggunakan tiga instrumen iaitu ujian yang terdiri daripada ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian serta borang soal selidik untuk mengumpul data. Tiga instrumen digunakan untuk membuktikan keberkesanan penggunaan teknik kata kunci yang dipilih pengkaji untuk mengatasi masalah murid dalam membanding beza isi-isi penting. Rasional tiga instrumen digunakan ialah pengkaji dapat membuat triangulasi data menggunakan hasil data daripada setiap instrumen untuk menyokong dapatan antara satu sama lain bagi mengukuhkan dapatan kajian.

5.1 Cara mengumpulkan data / maklumat

Ujian diagnostik dijalankan pengkaji bagi mengenalpasti murid yang paling lemah dalam membanding beza isi-isi penting untuk dipilih sebagai responden kajian (RS). Pengumpulan data kajian pula menggunakan instrumen ujian iaitu ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian serta borang soal selidik digunakan untuk mencapai objektif kajian. Dapatan bagi ujian pra dan ujian pasca digunakan sebagai data utama untuk membuktikan tercapainya kedua-dua objektif kajian. Data pemerhatian pula digunakan untuk menyokong data ujian bagi objektif pertama manakala dapatan data soal selidik digunakan untuk menyokong data ujian bagi objektif ke dua.

5.2 Analisis tinjauan awal

Ujian diagnostik dijalankan untuk mengenal pasti responden kajian serta sebagai kaedah untuk menilai tahap masalah murid dalam membanding-beza isi-isi penting. Murid yang mendapat kategori lemah sahaja dipilih sebagai responden kajian iaitu mendapat skor antara 0 hingga 4 daripada 10 soalan.

5.3 Tindakan menangani masalah

Pengkaji memasukkan unsur pembelajaran aktif dalam intervensi dengan menggunakan permainan telefon rosak. Permulaan intervensi pengkaji membuat pembahagian kumpulan, memberi tahu peraturan serta arahan kepada responden. Permainan dimulakan apabila pengkaji menyatakan ayat rumus kata kunci kepada peserta pertama setiap kumpulan lalu peserta itu akan membisikkan rumus kepada ahli kumpulan yang lain secara berturutan. Peserta terakhir setiap kumpulan menyatakan rumus yang diingati.

Kumpulan dengan jawapan rumus kata kunci paling tepat akan dikira sebagai pemenang. Selepas itu, pengkaji mengedarkan kertas mengandungi rumus kata kunci yang lengkap kepada murid. Murid dapat menghafal rumus tersebut dengan baik telah mengafalnya semasa permainan telefon rosak dijalankan. Seterusnya pengkaji menerangkan perkaitan rumus dengan Peranan dan Tanggungjawab Sultan dan Pembesar Empat Lipatan kepada murid

5.4 Keputusan kajian

Analisis data bagi tiga instrumen yang digunakan dalam kajian untuk membuktikan tercapainya objektif kajian.

Ujian



Rajah 1 Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca Responden Kajian

Rajah 1 menunjukkan peningkatan antara skor ujian pra dengan skor ujian pasca bagi responden. Berdasarkan graf tersebut skor setiap responden meningkat. Setiap responden mendapat skor 80% dan ke atas dalam ujian pasca. Skor ini tinggi jika dibandingkan dengan skor ujian pra di mana semua responden hanya mendapat skor 60% dan ke bawah sahaja. Ini membuktikan intervensi yang dijalankan sesuai dengan topik Peranan dan Tanggungjawab Sultan dan Pembesar Empat Lipatan dan berjaya membantu murid membanding-beza isi-isi penting.

Pemerhatian

Kekerapan responden melakukan tingkah laku akan mempengaruhi pencapaian responden. Semakin tinggi kekerapan tingkah laku berlaku semakin rendah pencapaian responden dan begitulah sebaliknya semakin rendah kekerapan tingkah laku berlaku semakin tinggi pencapaian responden.



Rajah 2 Perbandingan Kekerapan Tingkah Laku Responden Semasa Intervensi

Rajah 2 menunjukkan perbandingan kekerapan tingkah laku (TK) responden semasa intervensi satu dengan intervensi dua. Tingkah laku bercakap dengan rakan dan tidak duduk tempat menunjukkan kekerapan lebih tinggi semasa intervensi satu berbanding intervensi dua. Data yang berbeza kerana semasa intervensi dua pengkaji menggunakan permainan telefon rosak. Murid banyak bercakap dengan rakan untuk menyampaikan serta mendapatkan maklumat selain membincangkan rumus yang betul dalam kumpulan sendiri. Situasi ini menjadikan kekerapan bercakap dengan rakan dan tidak duduk tempat tinggi dalam intervensi 2. Kesimpulannya kekerapan yang tinggi untuk TK 1 dan TK 2 adalah baik kerana menunjukan responden aktif untuk mengikuti intervensi.

Soal Selidik



Rajah 3 Peratus Bersetuju dengan Item Soal Selidik

Rajah 3 menunjukkan peratus bersetuju dengan item soal selidik berkaitan persepsi responden terhadap teknik kata kunci dan pencapaian responden selepas intervensi. Item 6 iaitu ‘teknik kata kunci membantu saya membanding beza isi penting pelajaran yang disampaikan guru’ dan item 10 iaitu ‘pencapaian ujian saya meningkat selepas saya menggunakan teknik kata kunci’ menunjukkan 100%. Semua responden bersetuju teknik kata kunci ini membantu mereka memahami pengajaran jadi mereka dapat menjawab ujian pasca dengan baik.

5.5 Rumusan kajian

Kebolehan membanding beza isi-isi penting murid ditingkatkan dengan penggunaan teknik kata kunci terbukti melalui dapatan daripada tiga instrumen kajian. Peningkatan ketara dicapai murid dalam skor dan gred berdasarkan perbandingan antara ujian pra dengan ujian pasca. Kekerapan tingkah laku negatif berkurang berdasarkan pemerhatian semasa intervensi. Respons murid melalui soal selidik pula menunjukkan responden sendiri berpendapat teknik ini berjaya membantu meningkatkan minat pada pengajaran serta peningkatan pada skor dan gred mereka.

Teknik kata kunci membantu murid untuk mengingat fakta dengan lebih mudah dan menarik malah turut sesuai digunakan dalam mata pelajaran yang lain. Teknik ini juga sesuai digunakan oleh guru dalam membantu murid semasa proses PdP untuk meningkatkan kebolehan murid menguasai isi pengajaran yang disampaikan.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari bahan bacaan dan rujukan daripada pelbagai sumber seperti buku-buku, jurnal serta internet. Tujuannya supaya pengkaji mendapat maklumat dan informasi yang tepat berkenaan dengan skop kajian yang dijalankan. Sumber yang banyak serta tepat membantu pengkaji menghasilkan satu kajian yang baik. Selain itu, pengkaji mengalami kesukaran untuk mencipta rumus kata kunci yang menarik serta berkaitan dengan pengalaman murid supaya mudah diingat. Pengkaji mengambil masa selama seminggu untuk mencipta rumus yang sesuai dengan merujuk pada buku.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Cadangan penambahbaikan telah dikenal pasti bagi menghasilkan kajian yang lebih baik pada masa hadapan. Pengkaji boleh menggalakkan murid menukar atau mencipta sendiri rumus kata kunci. Murid sendiri lebih tahu perkataan yang mudah untuk diingat sebagai kata kunci berdasarkan pengalaman sendiri. Selain itu, pengkaji boleh menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian semasa menjalankan intervensi. Bahan bantu mengajar seperti bahan bersifat maujud membantu PdP menjadi lebih berkesan serta dapat menarik minat murid. Contoh bahan bantu mengajar yang sesuai untuk intervensi kata kunci ialah carta dan gambar.

RUJUKAN

Abdul Wahab Ibrahim. (2011). *Meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berkenaan topik dokumen perniagaan mata pelajaran Prinsip Perakaunan melalaui kaedah "kata kunci".* Jurnal Kajian Tindakan SM. ST. Michael Penampang Sabah, 31, 277-288.

Ahmad Subki Miskon dan Syed Ismail Syed Mustapa. (2013). *Murid dan alam belajar*. Kuala Lumpur : Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Harry Lorayne. (2003). *Cara membina daya ingatan yang tajam*. Selangor : Golden Books Centre Sdn. Bhd.

Nor Azlina Othman dan Kasma Alias. (2013). *Penggunaan teknik mnemonik dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) Pendidikan Islam (bahagian ibadah) tingkatan dua.* Jurnal SMK Jambatan Putih Tawau Sabah, 2, 18-23.

Pushpa T Rajagani. (2012). *An action reseach using a mnemonic instruction to enhance students performents in report writting, question 1, paper 4, MUET*. *Jurnal Penyelidikan 2011/2012, 1*, 1-11.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN UJIAN PASCA MURID 5 BAKTI DALAM MENYENARAIKAN CIRI ZON IKLIM DUNIA DALAM SUBJEK KAJIAN TEMPATAN MENGGUNAKAN TEKNIK NYANYIAN

Oleh:

NORATIKAH BINTI IBRAHIM
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi menilai penggunaan teknik nyanyian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan daya ingatan murid dalam menyenaraikan ciri zon iklim dunia, sekaligus meningkatkan markah ujian pasca. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah yang terletak di Cheras, Selangor. Subjek kajian dalam kajian ini terdiri daripada enam orang murid tahun 5 Bakti yang telah dikenal pasti dari tinjauan awal. Data dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian serta soal selidik. Hasil dari analisis data menunjukkan berlakunya peningkatan markah murid di dalam ujian pasca. Berdasarkan borang senarai semak dan soal selidik menunjukkan murid berminat dengan sesi pembelajaran dan dapat menyenaraikan ciri zon iklim dunia. Keputusan kajian ini menunjukkan penggunaan teknik nyanyian berjaya membantu murid dalam menyenaraikan ciri zon iklim dunia.

Kata kunci : teknik nyanyian

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum selama tiga bulan di sebuah sekolah di Selangor, pengkaji mendapati bahawa murid tidak berupaya untuk mengingati fakta yang yang telah dipelajari di dalam topik Ciri Zon Iklim Dunia. Murid tidak dapat mengingati fakta dan tidak dapat menyenaraikan ciri zon iklim dunia apabila ditanya oleh guru. Pembelajaran juga tidak menarik dan murid tidak melibatkan diri di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan bagi membantu murid untuk mengingati fakta dengan lebih mudah. Pelbagai teori juga boleh diguna pakai oleh guru bagi membantu guru di dalam proses intervensi. Pengkaji memilih untuk menggunakan teori kecerdasan pelbagai (TKP), iaitu kecerdasan muzik dan kinestetik. Kaedah nyanyian juga dapat meningkatkan daya ingatan murid melalui lirik lagu yang dinyanyikan secara berulang kali. Muzik juga dapat membantu individu menjadi lebih efisyen serta dapat meningkat pencapaian mental dan pemikiran (Monks, 2000).

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati murid sukar untuk mengingati fakta tentang tajuk Ciri Zon Iklim Dunia. Mereka juga tidak berupaya untuk menyenaraikan ciri zon iklim dunia. Melalui analisis tinjauan awal, terdapat murid yang mendapat skor markah yang rendah pada lembaran kerja mereka Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji memilih untuk menggunakan teknik nyanyian sebagai kaedah intervensi. Kajian ini dijalankan terhadap 6 orang murid daripada tahun 5 Bakti dan mereka dipilih berdasarkan skor paling rendah di dalam lembaran kerja yang diberikan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Kajian ini dijalankan bagi meningkatkan markah ujian pasca murid tahun 5 Bakti dalam menyenaraikan ciri zon iklim dunia.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan markah ujian pasca berbanding markah ujian pra bagi subjek kajian yang terlibat
- Meningkatkan keupayaan murid mengingat fakta dalam menyenaraikan ciri zon iklim dunia.
- Mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan penglibatan semua murid di dalam PdP.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan enam orang murid tahun 5 yang bersekolah di sebuah sekolah rendah yang terletak di Cheras, Selangor. Subjek kajian terdiri daripada tiga murid lelaki dan tiga murid perempuan. Kesemua subjek kajian dipilih berdasarkan analisis lembaran kerja yang diberikan kepada mereka. Mereka mendapat skor markah paling rendah, iaitu 0-4 markah sahaja di dalam lembaran kerja tersebut.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan tiga instrumen iaitu ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian serta soal selidik.

5.1 Cara Mengumpul Maklumat

Pengkaji mengedarkan ujian pra kepada subjek kajian sebelum intervensi dijalankan. Ini bagi menilai tahap pencapaian murid. Pemerhatian dijalankan semasa intervensi sedang berlangsung. Soal selidik diedarkan setelah tamat intervensi. Ujian pasca diberikan setelah tamat kitaran kedua intervensi.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji mengedarkan ujian pra kepada subjek kajian sebelum bermula sesi intervensi. Semasa menjalankan intervensi, pengkaji turut menjalankan pemerhatian menggunakan borang senarai semak. Kedua-dua dapatan daripada instrumen tersebut dianalisis menggunakan peratusan dan kekerapan.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Pengkaji menggunakan teknik nyanyian bagi membantu murid untuk mengingat fakta dengan lebih mudah. Pengkaji telah melakukan rujukan kepada pelbagai buku dan kajian tindakan terdahulu bagi mendapatkan bukti sokongan kepada dapatan pengkaji. Pengkaji mengedarkan lirik lagu kepada murid dan kemudian memperdengarkan lagu. Kemudiannya murid menyanyikan lagu tersebut. Pada kitaran kedua intervensi, pengkaji melakukan penambahbaikan dengan memasukkan unsur gerakan. Unsur gerakan melibatkan pergerakan badan dan setiap pergerakan mempunyai kaitan dengan ciri zon iklim dunia seperti sejuk, panas dan hujan.

5.4 Keputusan Kajian

Jadual 1
Perbandingan markah di dalam ujian pra dan ujian pasca

Subjek kajian	Markah (100%)		Markah (24/ 24)	
	Ujian pra	Ujian pasca	Ujian pra	Ujian pasca
1	50	75	12	18
2	42	67	10	16
3	46	67	11	16
4	33	58	8	14
5	67	92	16	22
6	50	83	12	20

Jadual menunjukkan perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra diberikan sebelum intervensi dijalankan, manakala ujian pasca diberikan setelah tamat kitaran kedua intervensi. Pada ujian pra, skor tertinggi hanyalah 67%, manakala skor terendah sebanyak 33%. Peningkatan berlaku pada kitaran kedua. Skor tertinggi meningkat kepada 92%, iaitu penambahan sebanyak 25%, manakala skor terendah hanyalah 58%. Kesemua subjek kajian mencatatkan peningkatan markah pada ujian pasca.

Dapatan ini mencapai objektif pengkaji, iaitu meningkatkan markah ujian pasca murid dalam menyenarakan ciri zom iklim dunia. Keputusan ini jelas menunjukkan berlakunya peningkatan markah ujian pasca berbanding ujian pra.

Pemerhatian

Jadual 2
Perbezaan bilangan tanda √pada dua kitaran

Kitaran 1	Kitaran 2	Perbezaan
27	44	+17

Jadual menunjukkan berlakunya peningkatan tanda √ yang dicatat daripada tingkah laku subjek kajian pada kitaran pertama, tanda √ ditanda sebanyak 27 kali manakala pada kitaran kedua tanda √ ditanda sebanyak 44 kali. Peningkatan sebanyak 17 tanda √ berjaya diperoleh pada kitaran kedua berbanding kitaran pertama. Peningkatan ini menunjukkan keberkesanan intervensi yang dipilih pengkaji. Antara aspek yang diperhatikan adalah penglibatan murid di dalam PdP, minat yang ditunjukkan serta tingkah laku positif. Kesemua aspek ini membantu dalam memastikan murid dapat memahami serta mengingati fakta yang dipelajari dengan mudah.

Soal selidik

Jadual 3
Analisis soal selidik

Soalan (item)	Peratus (%)	
	Ya	Tidak
1. Saya berasa senang untuk mengingati ciri zon iklim dunia selepas menyanyikan lagu	100	00
2. Saya berminat dengan sesi pembelajaran tadi	100	00
3. Saya mudah memahami tajuk ini setelah nyanyian digunakan	83	17
4.Saya boleh menyenaraikan ciri zon iklim dunia dengan tepat	83	17
5. Saya mahu guru meneruskan pengajaran seperti ini	100	00
6. Saya dapat belajar menyebut sebutan dengan betul	100	00
7. Saya sukar menghafal fakta	67	33
8. Belajar Kajian Tempatan itu menyeronokkan	87	13

Pengkaji menjalankan soal selidik bagi mengkaji respons subjek kajian terhadap intervensi yang dijalankan. Hasil dari analisis soal selidik menunjukkan bahawa subjek kajian berasa senang untuk mengingati fakta dengan lebih mudah selepas menjalani dua kitaran intervensi. Subjek kajian juga berasa senang untuk menyenaraikan ciri zon iklim dunia dan mahu pengkaji meneruskan pembelajaran menggunakan teknik nyanyian.

5.5 Rumusan Kajian

Kajian dijalankan bagi menguji teknik nyanyian dalam membantu murid mengingati fakta, seterusnya dapat meningkatkan pencapaian markah ujian pasca murid. Kajian dijalankan dalam tempoh tiga minggu. Pengkaji tidak mempunyai masalah dalam menjalankan kajian kerana bahan-bahan untuk menjalankan kajian mudah diperolehi.

6.0 CADANGAN SETERUSNYA

Pengkaji mencadangkan supaya subjek kajian ditambah bagi menilai keberkesanan teknik nyanyian kepada bilangan murid yang lebih besar. Pengkaji juga mencadangkan agar teknik nyanyian digunakan di dalam subjek lain seperti Sains, Bahasa Inggeris dan Matematik kerana teknik ini mudah ditadbir dan tidak memakan kos yang tinggi. Pengkaji juga bercadang untuk menambah baik penggunaan teknik nyanyian tetapi berpandukan ICT. Selain membantu guru menguasai kemahiran menggunakan dan menguruskan ICT, PdP akan menjadi lebih berkesan. Menggunakan unsur nyanyian berserta ganjaran juga boleh dilaksanakan di dalam pdP.

RUJUKAN

Al-Nahhal, M. M. (2011). *The effectiveness of using children songs on developing the fourth graders' English vocabulary in Rafah Governmental School.* Al-Azhar University-Gaza

Annisa Ulhusna Hamden. (2013). *Lirik Melaka Pusat DaganganDunia Dalam Nyanyian Berpandukan Peta Minda Membantu Murid Mengingat Fakta Sejarah Melaka* Tesis tidak diterbitkan. IPG Kampus Pendidikan Islam, Selangor.

Armstrong, T. (2009). *Multiple Intelligences In The Classroom, (3rd ed)*. United States of America:ASCD Publications.

Champbell, P.S. dan Scott-Kassner, C. (1995). *Music In Childhood.* London: Prentice Hall International

Chosky, L. (1981). *The Kodaly Context : Creating An Environment For Music Learning*. New Jersey: Prentice Hall

Nurul Shamimi Ismail. (2010). *Penggunaan Teknik Nyanyian Bagi Mengukuhkan Ingatan Murid Tahun 4 Bagi Tajuk Pentadbiran di Negeri Sabah*. Tesis tidakditerbitkan. IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur.

Osborne, Jonathan, Simon, Shirley and Collins, Sue (2003). Attitudes towards science: a review of the literature and its implications. I*nternational Journal of Science Education,* 25(9), 1049 -1079

Warner, L dan Lynch, S. (2004). *Preschool Classroom Management: 150 Teacher-Tested Techniques.* United States of America: Gryphon House Inc

Xiangming dan Manny. (2009). Effectiveness of Music on Vocabulary Acquisition Language Usage and Meaning for Mainland Chinese ESL Vocabulary.*Contribution To Music Education.* 36(1).73.84

Yasmin Hussain dan Zainal Ariffin Ab.Gani. (2013). *Asas terapi muzik: Panduan dan maklumat menguruskan sesi muzik*. Ampang: Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd